



**LEMBAGA  
PELABUHAN  
BINTULU**

**TATACARA  
PENGURUSAN  
PEROLEHAN  
(SUMBER : DANA  
DALAMAN LPB)  
[ PUNCA KUASA,  
PRINSIP DAN DASAR  
PEROLEHAN ]**

## KANDUNGAN

<b>1. PUNCA KUASA .....</b>	<b>3</b>
<b>2. KUASA MENGGUBAL/ MEMINDA DASAR PEROLEHAN BAHARU.....</b>	<b>3</b>
<b>3. PENERIMAAN PERUNTUKAN DARIPADA KERAJAAN BAGI PEROLEHAN KHUSUS .....</b>	<b>3</b>
<b>4. PRINSIP-PRINSIP PEROLEHAN .....</b>	<b>3</b>
(i) AKAUNTABILITI PENGURUSAN LPB.....	4
(ii) DIURUSKAN SECARA TELUS.....	4
(iii) NILAI FAEDAH YANG TERBAIK .....	4
(iv) SAINGAN TERBUKA .....	4
(v) ADIL DAN SAKSAMA.....	4
<b>5. KATEGORI PEROLEHAN LPB .....</b>	<b>4</b>
<b>6. PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN BAGI PEROLEHAN SECARA TENDER YANG MENGGUNAKAN PERUNTUKAN LPB DI BAWAH BELANJA MENGURUS DAN PEMBANGUNAN....</b>	<b>5</b>
<b>7. INTEGRITY PACT .....</b>	<b>6</b>
<b>8. DASAR PEROLEHAN LPB .....</b>	<b>7</b>
(i) DASAR PENGGUNAAN BAHAN/BARANGAN DAN PERKHIDMATAN TEMPATAN.....	7
(ii) DASAR PEROLEHAN BARANGAN IMPORT .....	9
(iii) DASAR PENGGUNAAN MATA WANG.....	14
(iv) DASAR KEUTAMAAN KEPADA SYARIKAT BUMIPUTERA DEFINISI SYARIKAT BUMIPUTERA.....	15
(v) PERATURAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERCETAKAN DOKUMEN LPB .....	18
(vi) KEUTAMAAN KEPADA PELAKSANAAN INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM (IBS) DALAM PROJEK LPB 18	18
(vii) PELAKSANAAN PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN (GOVERNMENT GREEN PROCUREMENT – GGP).....	19
(viii) DASAR KENAAN GST DALAM PEROLEHAN LPB.....	21
<b>9. PENDAFTARAN KONTRAKTOR/PEMBEKAL/SYARIKAT/ FIRMA PERUNDING.....</b>	<b>25</b>
(i) PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA.....	25
(ii) PENDAFTARAN KONTRAKTOR BEKALAN DAN PERKHIDMATAN.....	27
(iii) PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING .....	27
(iv) RUJUKAN KOD BIDANG.....	27
<b>10. PEMATUHAN DAN TANGGUNGJAWAB.....</b>	<b>27</b>

## LAMPIRAN

## **PUNCA KUASA, PRINSIP DAN DASAR PEROLEHAN LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (LPB) (SUMBER: DANA DALAMAN LPB)**

### **1. Punca Kuasa**

Kuasa untuk melaksanakan Perolehan LPB adalah berpunca daripada Akta dan Peraturan seperti berikut:

#### **(i) Akta LPB**

**Rujuk Kertas Keputusan No. 38/ 2016.**

Lembaga Pengarah LPB diberi kuasa dan akauntabiliti penuh serta bertanggungjawab untuk membuat keputusan berkaitan semua perolehan berdasarkan tatacara ini termasuk pengauditan awam. LPB juga hendaklah memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara selaras dengan prinsip perolehan dan *good governance*. Sekiranya terdapat kebarangkalian *conflict of interest* atau *excessive power*, Lembaga Pengarah LPB boleh mencadangkan penambahbaikan kepada tatacara ini dari semasa ke semasa dan diperakukan oleh Lembaga Pengarah LPB.<sup>1</sup>

### **2. Kuasa Menggubal/ Meminda Dasar Perolehan Baharu<sup>1</sup>**

Lembaga Pengarah LPB hendaklah memperakukan sebarang pindaan dasar seperti di **perenggan 7** dan dibawa ke Kementerian Kewangan bagi mendapatkan kelulusan.

### **3. Penerimaan Peruntukan Daripada Kerajaan Bagi Perolehan Khusus<sup>1</sup>**

Perolehan yang menggunakan sebahagian dan/ atau sepenuhnya peruntukan/ pembiayaan Kerajaan Persekutuan sama ada melalui peruntukan, geran atau pinjaman daripada kos projek/ perbelanjaan, tidak kira agensi mana yang melaksanakan projek atau melakukan perbelanjaan hendaklah mematuhi semua peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

### **4. Prinsip-Prinsip Perolehan**

LPB dikehendaki memastikan semua urusan berkaitan perolehan LPB dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan seperti berikut:

---

<sup>1</sup> Bahagian ini ditambah susulan daripada kelulusan bersyarat oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan S/K.KEW/PK/MOT/D/00 JLD. 2 SK.5 (4) bertarih 23 Disember 2016

**(i) Akauntabiliti Pengurusan LPB**

Urusan perolehan yang diamanahkan hendaklah dilaksanakan secara bertanggungjawab dengan mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan.

**(ii) Diuruskan Secara Telus**

Semua dasar, peraturan dan proses perolehan yang dilaksanakan hendaklah jelas, diketahui dan difahami umum serta mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan.

**(iii) Nilai Faedah Yang Terbaik**

Pengurusan perolehan hendaklah memberi pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

**(iv) Saingan Terbuka**

Proses perolehan hendaklah memberi peluang terbuka kepada semua pihak yang layak bersaing.

**(v) Adil dan Saksama**

Sesuatu perolehan itu hendaklah dipelawa, diproses dan dipertimbangkan dengan adil dan saksama berasaskan dasar dan peraturan yang ditetapkan.

**5. Kategori Perolehan LPB**

Perolehan LPB dibahagikan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

**(i) Kerja**

Perolehan kerja melibatkan kerja-kerja pembinaan seperti bangunan, fasiliti pelabuhan, jalan raya, tapak kawasan dan kerja perparitan serta juga merangkumi kerja-kerja sivil, mekanikal dan elektrik.

(ii) **Bekalan**

Perolehan bekalan merangkumi barangan/peralatan yang dibekalkan bagi menjalankan sesuatu program, aktiviti atau projek LPB seperti makanan, pakaian, kenderaan dan kelengkapan pejabat.

(iii) **Perkhidmatan**

Perolehan perkhidmatan ditafsirkan sebagai khidmat tenaga manusia atau kepakaran untuk melaksanakan dan menyiapkan sesuatu projek. Bidang perkhidmatan terbahagi kepada dua iaitu perkhidmatan perunding dan bukan perunding.

Perkhidmatan perunding meliputi bidang-bidang seperti perunding pembangunan fizikal dan bukan fizikal. Perkhidmatan bukan perunding adalah meliputi perkhidmatan seperti pengendalian kursus dan latihan, penyenggaraan dan pembaikan, pencucian dan pembersihan, penyewaan dan pengurusan bangunan, pengiklanan, pengangkutan dan sebagainya.

**6. Perancangan Perolehan Tahunan Bagi Perolehan Secara Tender Yang Menggunakan Peruntukan LPB Di Bawah Belanja Mengurus dan Pembangunan**

LPB adalah bertanggungjawab untuk menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) masing-masing selaras dengan prinsip amalan tadbir urus yang baik. LPB perlu merancang perolehan tahunan (annual procurement plan) bagi perolehan yang akan dilaksanakan bagi tahun berikutnya dan mengemukakan maklumat perancangan perolehan secara tender kepada Lembaga Pengarah LPB. PPT yang wajib disediakan membantu LPB melaksanakan perolehan dengan terancang dan teratur serta mengelakkan amalan berbelanja di penghujung tahun atau di saat- saat akhir.

(i) **Objektif Penyediaan Perancangan Perolehan Tahunan**

- (a) Meningkatkan ketelusan dalam perolehan LPB;
- (b) Memastikan perolehan LPB dirancang dengan teliti dan sistematik;
- (c) Sebagai mekanisme untuk memantau perolehan yang dilaksanakan bagi mengelakkan berlakunya sebarang kelewatan, penyelewengan, salah guna kuasa dan perolehan di luar aturan;

- (d) Memastikan perolehan yang dibuat adalah mengikut perancangan dan teratur selaras dengan prinsip-prinsip perolehan LPB serta peraturan perolehan semasa;
- (e) Memastikan perbelanjaan berhemah dapat dicapai dan mengelakkan amalan berbelanja pada saat-saat akhir;
- (f) Mengoptimumkan prestasi perbelanjaan tahunan LPB dan mengelakkan shortfall terhadap peruntukan yang diluluskan; dan
- (g) Makluman awal mengenai tender-tender yang akan dipelawa supaya pembekal dan kontraktor bersedia untuk menyertainya.

**(ii) Penyediaan Perancangan Perolehan Tahunan**

- (a) Maklumat perancangan yang perlu disediakan adalah bagi perolehan secara tender sahaja. LPB juga adalah digalakkan untuk merancang perolehan secara sebut harga dan lain-lain kaedah perolehan.
- (b) Maklumat perancangan ini perlu dikemukakan kepada Pengurusan LPB dalam bentuk soft copy (format Excel) sebelum atau pada 31 Januari setiap tahun. Proses Aliran Kerja Penyediaan Perancangan Perolehan Secara Tender dan format PPT adalah seperti di **Lampiran 1.1**.
- (c) Pegawai Penyelaras Perolehan boleh membuat pindaan ke atas perancangan perolehan tahunan dan sebarang pindaan perlu dikemukakan kepada Pengurusan LPB.
- (d) Pegawai Penyelaras Perolehan adalah bertanggungjawab terhadap PPT bagi memastikan penguatkuasaan penyediaan perancangan perolehan di LPB.

Perancangan Perolehan Tahunan menjadi salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi setiap bahagian LPB dalam memastikan LPB merancang perolehan tahunan dan seterusnya memastikan semua aktiviti perolehan yang dirancang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

**7. Integrity Pact**

- (i) Bagi meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan LPB, semua

pihak yang terlibat dalam perolehan LPB adalah dikehendaki menandatangani *Integrity Pact*. Pihak yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (a) Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan LPB;
  - (b) Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan;
  - (c) Ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan;
  - (d) Pembida; dan
  - (e) Perunding.
- (ii) Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact Dalam Perolehan Kerajaan seperti di **Lampiran 1.2** akan dapat membantu LPB dalam memastikan semua perolehan LPB dilaksanakan dengan lebih telus dan seterusnya mengelak berlakunya pembaziran serta penyalahgunaan kuasa.

## **8. Dasar Perolehan LPB**

LPB hendaklah mematuhi dasar semasa LPB dalam membuat perancangan dan pelaksanaan perolehan seperti berikut:

### **(i) Dasar Penggunaan Bahan/Barangan Dan Perkhidmatan Tempatan**

- (a) Bahan, barangan dan perkhidmatan tempatan hendaklah diberi keutamaan dalam perolehan LPB. Pengurus Besar adalah bertanggungjawab sepenuhnya memantau dan memastikan penggunaan bahan, barangan dan perkhidmatan tempatan dalam perolehan LPB seperti peraturan yang ditetapkan.
- (b) LPB hendaklah memastikan spesifikasi yang disediakan bagi semua perolehan adalah bersesuaian dan berlandaskan bahan/barangan tempatan yang berasaskan Standard Malaysia (MS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM). Jika tidak ada MS bagi bahan/barangan yang berkenaan, spesifikasi jabatan yang disediakan oleh Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi atau standard antarabangsa lain yang sesuai hendaklah digunakan.
- (c) LPB hendaklah memberi keutamaan kepada Perolehan Hijau (jika berkaitan).

- (d) Semua barangan/bahan binaan termasuk alat mekanikal/elektrikal hendaklah menggunakan bahan/ barangan buatan tempatan seperti mana yang ditetapkan dalam Senarai Bahan-bahan Binaan Tempatan yang dikeluarkan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd atau Senarai Bahan/Barangan Tempatan yang dikeluarkan oleh SIRIM QA Services Sdn Bhd atau mana-mana agensi/badan yang telah diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia untuk menjalankan pengiktirafan dan persijilan di mana berkenaan. Sekiranya sesuatu barangan tidak terdapat dalam senarai tersebut, LPB hendaklah merujuk dan mendapat pengesahan dan kelulusan Pengurus Besar sekiranya barangan tersebut perlu diimport.
- (e) Pengimportan untuk kategori bahan/barangan yang sama dengan bahan/barangan tempatan hanya boleh dipertimbangkan jika:
- (1) tidak terdapat gred/kelas tertentu buatan tempatan; atau
  - (2) bahan/barangan tersebut tidak boleh diganti dengan bahan/barangan tempatan yang lain; atau
  - (3) berlaku kekurangan bekalan pada peringkat Nasional.
- (f) Bagi memastikan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya, LPB hendaklah memasukkan syarat ke dalam dokumen tender/ sebut harga dan kontrak seperti berikut:
- “Kontraktor adalah diwajibkan untuk menggunakan bahan/ barangan buatan tempatan yang disenaraikan di dalam Senarai Bahan-bahan Binaan Tempatan yang disediakan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd dan/atau Senarai Bahan/Barangan Tempatan yang disediakan oleh SIRIM QA Services Sdn Bhd mengikut mana yang berkenaan. Sekiranya kontraktor tidak mematuhi peraturan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan bahan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas kontraktor.
- Bahan/barangan buatan tempatan yang tidak disenaraikan boleh dipertimbangkan jika barangan tersebut telah terlebih dahulu diuji dan diperakukan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd atau SIRIM QA Services Sdn Bhd mengikut mana yang berkenaan. Jika pengujian tidak dapat dijalankan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd atau SIRIM QA Services Sdn Bhd kontraktor boleh memohon untuk menjalankan ujian dengan agensi lain tertakluk kepada kelulusan Pegawai Penguasa”.

- (g) LPB dikehendaki membuat pemantauan ke atas mana- mana projek sekiranya disyaki kontraktor tidak mematuhi syarat penggunaan bahan/barangan buatan tempatan.
- (h) Tindakan sewajarnya hendaklah diambil ke atas pegawai, kontraktor atau perunding yang gagal mematuhi peraturan-peraturan penggunaan bahan/barangan/perkhidmatan tempatan.

### **Penggunaan Produk/Perkhidmatan Syarikat Tempatan Berstatus Multimedia Super Corridor (MSC) Malaysia Dalam Perolehan ICT LPB**

- (i) Bagi menggalakkan pembangunan industri Information and Communication Technology (ICT) tempatan, LPB hendaklah memberi keutamaan kepada penggunaan produk/perkhidmatan ICT yang dihasilkan oleh syarikat tempatan yang berstatus MSC Malaysia di dalam perolehan LPB.
- (j) Bagi memastikan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya, LPB hendaklah memasukkan syarat di dalam dokumen sebut harga/tender dan dokumen kontrak seperti berikut:

*“Syarikat/pembekal hendaklah mengenal pasti, mengutamakan dan menggunakan produk/perisian/ kandungan/perkhidmatan ICT buatan syarikat tempatan berstatus MSC Malaysia yang disenaraikan di dalam senarai produk MSC Malaysia oleh Multimedia Development Corporation (MDeC). Sekiranya syarikat/pembekal tidak mematuhi peraturan menggunakan produk buatan MSC Malaysia setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan produk/ perkhidmatan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas syarikat/pembekal.”*

- (k) Bagi perolehan yang dilaksanakan secara sebut harga/tender yang turut disertai oleh syarikat ICT bertaraf Bumiputera dan menawarkan produk selain produk MSC Malaysia, LPB hendaklah memastikan produk/perkhidmatan MSC Malaysia yang memenuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan oleh LPB diberi keutamaan dalam pemilihan syarikat.

### **(ii) Dasar Perolehan Barangan Import**

- (a) Matlamat dasar perolehan barangan import LPB adalah untuk mengurangkan pembayaran tak ketara dan aliran wang keluar serta

meningkatkan penglibatan industri pengangkutan, insurans dan penggunaan pelabuhan tempatan.

- (b) Barangan import adalah peralatan, barangan siap atau komponen yang mempunyai ciri-ciri berikut:
  - (1) Nilai perolehan melebihi RM50,000 bagi setiap item;
  - (2) Bahan-bahan binaan;
  - (3) Peralatan bagi kegunaan industri pembinaan dan jentera/mesin; atau
  - (4) Perkakasan ICT
- (c) LPB hendaklah memastikan kelulusan Pengurus Besar telah diperolehi terlebih dahulu sebelum perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000 dilaksanakan. Pengurus Besar adalah bertanggungjawab untuk membuat semakan status barangan tempatan/import sebelum perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000 dilaksanakan. Semakan status barangan tempatan/import hendaklah dibuat secara berikut:
  - (1) merujuk terus kepada portal Agensi yang disenaraikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI); dan
  - (2) melalui kaedah/mekanisme lain sebagaimana yang diperkenalkan dan ditetapkan oleh MITI dari semasa ke semasa.
- (d) Semua perolehan barangan import LPB hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
  - (1) kaedah perolehan barangan import bernilai melebihi RM50,000 bagi setiap item setahun atau RM200,000 bagi satu kontrak hendaklah dilaksanakan secara *Free On Board* (FOB) atau kaedah-kaedah lain seperti yang dinyatakan di dalam Incoterms oleh *International Chamber of Commerce* (ICC) di mana LPB bertanggungjawab menguruskan perkara-perkara berkaitan pengangkutan dan insurans;
  - (2) urusan penghantaran hendaklah dikendalikan oleh '*Multimodal Transport Operators*' (MTO) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dari tempat barangan

dibeli/dibuat hingga ke destinasi terakhir yang dinamakan oleh LPB;

- (3) perlindungan insurans barangan import hendaklah ditanggung di bawah Akaun Amanah Kumpulan Wang Insurans Barang-Barang Kerajaan (Akaun Amanah KWIBK); dan
  - (4) semua barangan hendaklah dihantar terus dari pangkalan memuat (*port of loading*) atau tempat-tempat yang dinamakan di negara asal barangan dibeli (*country of origin*) atau negara pembuat ke pangkalan punggah (*port of discharge*) yang dinamakan di Malaysia sebelum dihantar ke destinasi terakhir. Perolehan yang diimport dan dibekalkan melalui pelabuhan negara kedua tidak dibenarkan sama sekali.
- (e) Tatacara Pengurusan Barangan Import LPB adalah seperti di **Lampiran 1.3**.

### **Dasar FOB**

- (f) LPB hendaklah mensyaratkan di dalam dokumen sebut harga/tender bahawa tawaran harga hendaklah berdasarkan harga FOB atau kaedah-kaedah lain yang seumpama seperti *Ex Works* (EXW) dan *Free Carrier* (FCA) di mana perkara-perkara berkaitan pengangkutan dan insurans diuruskan oleh LPB bermula dari tempat barangan diterima. Kegagalan mematuhi arahan ini akan menyebabkan tawaran penyebut harga/petender tidak akan dipertimbangkan.
- (g) Penyebut harga/petender hendaklah disyaratkan mengemukakan maklumat terperinci atau deskripsi barangan yang ditawarkan bagi tujuan pelawaan sebut harga MTO. Kegagalan mengemukakan maklumat yang tepat dan lengkap boleh menyebabkan penyebut harga/petender bertanggungjawab ke atas tambang (*freight*) bagi pengangkutan barangan di bawah kontrak berkenaan.
- (h) *Transshipment* tidak dibenarkan kecuali tidak terdapat perkhidmatan penghantaran terus melalui kapal/pesawat atau barangan mesti sampai pada tarikh yang ditetapkan. Jika ini berlaku, keutamaan hendaklah diberi kepada kapal/pesawat Malaysia bagi pengangkutan barangan seterusnya.
- (i) Bagi dagangan berbahaya iaitu semua item kelas 1 yang

dikelaskan di bawah *International Maritime Organisation* (IMO) seperti bahan letupan, LPB hendaklah membantu syarikat MTO bagi memastikan penghantaran dagangan berbahaya dari pangkalan punggah hingga ke destinasi terakhir adalah selamat.

### **Pemilihan MTO Dalam Mengendalikan Barangan Import LPB**

- (j) Hanya satu MTO perlu dilantik bagi menguruskan penghantaran di bawah satu kontrak induk. Kontrak induk bermaksud sebut harga/tender yang telah disetujuterima atau kontrak bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah diikat antara LPB dengan pembekal/kontraktor. Walau bagaimanapun, LPB dibenarkan melantik lebih daripada satu MTO bagi satu kontrak induk sekiranya didapati ianya lebih menjimatkan.
- (k) Permulaan operasi oleh syarikat MTO dalam menguruskan penghantaran barangan LPB adalah tertakluk kepada kaedah perolehan, misalnya bagi FOB ialah sebaik sahaja barangan diletakkan di atas kapal, manakala bagi EXW bermula dari premis yang ditetapkan oleh pembekal di luar negara.
- (l) Perolehan bagi perkhidmatan MTO sehingga RM50,000 boleh diuruskan secara pembelian terus. Semua perolehan melebihi RM50,000 hendaklah diuruskan melalui kaedah sebut harga atau *e-bidding*. Sebut harga sehingga RM500,000 hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga. Manakala sebut harga melebihi RM500,000 hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan LPB.
- (m) Bagi perolehan perkhidmatan MTO yang melebihi RM50,000 syarikat Bumiputera hendaklah diberi keutamaan harga mengikut dasar keutamaan harga.

### **Perlindungan Insurans Barangan Import LPB**

- (n) MTO hendaklah mendapatkan perlindungan insurans untuk barangan LPB yang diimport. Insurans ini juga melindungi perjalanan pergi dan balik apabila barangan tersebut perlu dibaiki/diganti. Perlindungan ini tidak termasuk perjalanan barangan yang dilakukan oleh agensi di Semenanjung Malaysia dan di antara Sabah dan Sarawak.
- (o) Perlindungan yang diberi meliputi perkara-perkara berikut:
  - (1) segala risiko (all risk) yang lazimnya digunakan oleh

syarikat insurans; dan

- (2) perjalanan barangan daripada kilang atau gudang di seberang laut ke stor LPB termasuk semua bayaran seperti harga barangan, tambang, pertukaran pengangkutan ke pelabuhan pengeksporth, bayaran untuk dermaga, 'Bill of Lading/Airway Bill' dan tambang pengangkutan ke destinasi terakhir sama ada darat atau laut sekiranya ia merupakan sebahagian daripada perjalanan dari seberang laut.
- (p) Bayaran premium yang dikenakan ialah 0.5% daripada kos barangan atau invois pembekal, tambang dan 10% atau diringkaskan 0.5% [(kos barangan + tambang) + 10% (kos barangan + tambang)].
- (q) Kegagalan LPB membayar premium insurans akan mengakibatkan LPB bertanggungjawab sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan ke atas barangan yang diimport.

#### **Perolehan Secara EXW**

- (r) Perolehan EXW bermaksud pihak penjual bertanggungjawab menyediakan barangan setakat di gudang/kilang yang dinamakan sahaja. Manakala pihak pembeli bertanggungjawab menyediakan pengangkutan, menanggung segala kos dan risiko dalam urusan pemindahan barangan daripada gudang/kilang penjual ke destinasi terakhir yang telah ditentukan.
- (s) Perolehan secara EXW membolehkan pembeli mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas barangan dan memastikan dasar-dasar Kerajaan dipenuhi seperti penggunaan perkhidmatan MTO, kapal/pesawat, pelabuhan dan insurans tempatan. Di samping itu, perolehan cara ini boleh mengurangkan aliran wang keluar dan memberi peluang kepada MTO beroperasi di pasaran antarabangsa.
- (t) Perolehan barangan melalui kaedah EXW hendaklah memenuhi kriteria berikut:
  - (1) Bagi perolehan yang dibawa melalui laut yang dimuat secara kontena penuh (*Full Container Load*);
  - (2) Bagi perolehan yang dibawa melalui udara, berat barangan

adalah satu (1) tan metrik atau lebih; dan

- (3) Bagi perolehan yang diimport melalui pengangkutan jalan darat.

### **Perolehan Barangan Ex-Stock**

- (u) Perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam negara (*ex-stock*) dan bernilai melebihi RM50,000 memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah LPB terlebih dahulu sebelum perolehan dilaksanakan. Sebut harga/tender secara harga bersih (*nett delivered price*) boleh dilaksanakan oleh LPB bagi perolehan barangan import yang sudah berada di dalam negara (*ex-stock*) dengan syarat LPB berpuas hati barangan ada di dalam pasaran dan menguntungkan LPB.

### **Perolehan Barangan Import Yang Bernilai Kurang RM50,000.00**

- (v) Bagi perolehan barangan import yang bernilai kurang dari RM50,000 bagi satu jenis item setahun, LPB digalakkan mengurus perolehannya secara FOB/EXW tertakluk kepada persetujuan pihak pembekal. Dalam hal ini, LPB hendaklah memastikan harga yang ditawarkan tidak termasuk tambang pengangkutan dan insurans. LPB dibolehkan melantik mana-mana MTO yang mengenakan harga yang berpatutan bagi mengurus pengangkutan dan perlindungan insurans dibuat di bawah Akaun Amanah KWIBK.

### **Pembayaran Kepada Pihak Pembekal**

- (w) LPB hendaklah membuat pembayaran kepada pihak pembekal tertakluk kepada perjanjian kontrak yang dimeterai.

## **(iii) Dasar Penggunaan Mata Wang**

### **Penggunaan Mata Wang Bagi Tender Tempatan**

- (a) Tawaran harga dan bayaran bagi perolehan yang dibuat secara tempatan hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia sahaja.
- (b) Tawaran harga bagi perolehan alat ganti yang dibuat daripada Original Equipment Manufacturer (OEM) melalui kontraktor/pembekal tempatan boleh dibuat sama ada dalam

Ringgit Malaysia ataupun mata wang asing dan bayarannya hendaklah dibuat dalam matawang yang sama seperti dalam tawaran yang dikemukakan.

### **Penggunaan Mata Wang Bagi Tender Antarabangsa**

- (c) Tawaran harga daripada kontraktor/pembekal luar dan bayaran oleh LPB hendaklah dibuat dalam matawang asing.
- (d) Tawaran harga daripada kontraktor/pembekal tempatan bagi tender antarabangsa boleh dibuat sama ada dalam Ringgit Malaysia ataupun mata wang asing dan bayarannya hendaklah dibuat dalam mata wang yang sama seperti dalam tawaran yang dikemukakan.
- (e) Bagi tujuan penilaian harga, kadar pertukaran mata wang yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada tarikh tutup tender hendaklah diguna pakai.

### **(iv) Dasar Keutamaan Kepada Syarikat Bumiputera Definisi Syarikat Bumiputera**

- (a) Syarikat Bumiputera hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:
  - (1) sekurang-kurangnya 51% pemilikan saham syarikat dimiliki oleh Bumiputera dan pemilikan saham individu Bumiputera hendaklah melebihi saham individu bukan Bumiputera;
  - (2) sekurang-kurangnya 51% daripada Lembaga Pengarah syarikat dipegang oleh Bumiputera;
  - (3) jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurus Besar dan jawatan-jawatan penting lain (keyposts) hendaklah dipegang oleh Bumiputera;
  - (4) sekurang-kurangnya 51% daripada pekerja hendaklah terdiri dari Bumiputera;
  - (5) pengurusan kewangan hendaklah dikuasai oleh Bumiputera; dan
  - (6) carta organisasi dan fungsi pengurusan syarikat hendaklah menunjukkan penguasaan sepenuhnya oleh Bumiputera.

### **Usaha Sama Di Antara Tempatan Dan Asing**

- (b) Syarikat yang diiktiraf sebagai sebuah syarikat usaha sama di antara tempatan dan asing hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:
  - (1) Syarikat tersebut hendaklah ditubuhkan di Malaysia. Pemilikan ekuiti asing tidak melebihi 30% manakala warganegara Malaysia Bumiputera tidak kurang 30%; dan
  - (2) Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja hendaklah mengikut peratusan di dalam pemilikan ekuiti.

### **Usaha Sama Di Antara Bumiputera Dan Asing**

- (c) Syarikat yang diiktiraf sebagai usaha sama di antara Bumiputera dan Asing hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:
  - (1) Syarikat tersebut hendaklah ditubuhkan di Malaysia. Pemilikan ekuiti warganegara Malaysia Bumiputera tidak kurang 51% dan asing tidak melebihi 49%; dan
  - (2) Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja hendaklah mengikut peratusan di dalam pemilikan ekuiti.

### **Pihak Berkuasa Yang Memberikan Taraf**

- (d) Pemberian taraf Bumiputera oleh pihak berkuasa seperti berikut:
  - (1) Bidang bekalan dan perkhidmatan - Kementerian Kewangan; dan
  - (2) Bidang kerja – Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (CIDB) atau UPKJ

### **Dasar Keutamaan Kepada Syarikat Bumiputera Bagi Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan**

#### **Perolehan melebihi RM50,000 sehingga RM100,000**

- (e) Semua perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 sehingga RM100,000 hendaklah dipelawa di kalangan syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

## **Keutamaan Harga**

- (f) Bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM100,000, syarikat Bumiputera hendaklah diberi keutamaan harga mengikut peratusan berikut:

<u>Keutamaan</u>	<u>Nilai Tender</u>	<u>Peratusan</u>
Melebihi RM100,000 hingga RM500,000		10%
Melebihi RM500,000 hingga RM1.5 juta		7%
Melebihi RM1.5 juta hingga RM5 juta		5%
Melebihi RM5 juta hingga RM10 juta		3%
Melebihi RM10 juta hingga RM15 juta		2.5%
Melebihi RM15 juta		Tiada keutamaan

- (g) Keutamaan harga ini adalah berdasarkan kepada nilai tawaran terendah dan boleh diterima dari syarikat Bukan Bumiputera dibandingkan dengan harga terendah syarikat Bumiputera. Pengiraan keutamaan harga ini hendaklah dibuat di peringkat keputusan Sebut Harga atau Tender. Contoh pengiraan keutamaan harga kepada syarikat Bumiputera adalah seperti di **Lampiran 1.4**.

## **Keutamaan Kepada Pengimport Bumiputera**

- (h) LPB juga diingatkan supaya memberi keutamaan kepada pengimport tunggal Bumiputera atau mana-mana syarikat Bumiputera yang menjadi pemegang francais untuk bekalan.

## **Keutamaan Kepada Ahli Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak**

- (i) Sekiranya timbul apa-apa pilihan di mana semua faktor harga, keupayaan dan lain-lain adalah sama, jika persaingan adalah di antara kontraktor Bumiputera yang menjadi ahli Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak dan seorang lagi adalah kontraktor Bumiputera yang bukan ahli dewan, keutamaan di sini mestilah diberi kepada kontraktor yang menjadi ahli Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak.

## **Dasar Keutamaan Kepada Bumiputera Untuk Kontrak Kerja**

- (j) LPB adalah dikehendaki mengenal pasti dan memperuntukkan

sekurang-kurangnya sebanyak 30% daripada nilai kerja kecuali kerja kecil/penyenggaraan di bawah RM50,000.00 pada satu-satu tahun dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera untuk ditandingi di kalangan mereka sahaja.

- (k) Bagi baki 70% daripada kerja itu, kontraktor Bumiputera boleh mengambil bahagian dalam pelawaan tender dengan tidak diberi apa-apa keutamaan.
- (l) Bagi kerja-kerja yang bernilai tidak melebihi RM200,000.00 dan juga kerja-kerja yang menggunakan Jadual Kadar hendaklah dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera sahaja. Kerja-kerja ini hendaklah tidak termasuk di bawah peruntukan 30% nilai kerja-kerja yang dikhaskan untuk Bumiputera seperti di perenggan (r).
- (m) Kerja-kerja yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM350,000.00, pengagihan sekurang-kurangnya 50% hendaklah dikhaskan kepada kontraktor Bumiputera, manakala bakinya hendaklah ditandingi oleh kontraktor Bumiputera dan kontraktor Bukan Bumiputera.

#### **Pelaksanaan Keutamaan**

- (n) LPB hendaklah menyatakan dengan jelas dalam dokumen pelawaan sebut harga dan tender mengenai pelaksanaan keutamaan harga untuk Bumiputera.

#### **(v) Peraturan Perolehan Perkhidmatan Percetakan Dokumen LPB**

- (a) Semua urusan perolehan percetakan dokumen LPB hendaklah dilaksanakan dengan syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan mengikut tatacara perolehan semasa. Bagi percetakan dokumen keselamatan, LPB hendaklah mendapatkan khidmat nasihat dan pengesahan dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (PKPKKM, JPM) sebelum perolehan dilaksanakan.

#### **(vi) Keutamaan Kepada Pelaksanaan Industrialised Building System (IBS) Dalam Projek LPB**

- (a) IBS merupakan satu sistem atau kaedah pembinaan yang mana komponennya dihasilkan di dalam keadaan terkawal (di kilang atau di tapak bina), diangkut dan dipasang dalam kerja pembinaan

dengan penggunaan pekerja yang minimum di tapak. Objektif pelaksanaan kaedah IBS adalah untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk, mempercepatkan tempoh pembinaan serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

- (b) Bagi mencapai objektif pelaksanaan kaedah IBS yang telah ditetapkan, LPB telah memutuskan keperluan untuk mempertingkatkan dan memperluaskan penggunaan IBS dalam projek LPB.
- (c) LPB adalah dikehendaki untuk memberi keutamaan untuk mempelawa projek baru menggunakan kaedah IBS seperti berikut:
  - (1) Menggunakan sistem IBS terbuka iaitu sistem komponen IBS yang menekankan reka bentuk sesuatu bangunan berdasarkan penggunaan piawaian Kordinasi Modular, MS 1064 dan tidak menetapkan penggunaan sesuatu sistem komponen IBS semasa proses perolehan. Ianya berdasarkan kepada katalog, termasuk piawaian yang boleh diguna pakai oleh semua pihak tanpa sekatan reka bentuk;
  - (2) mempertingkatkan kandungan komponen IBS bagi setiap projek LPB pada tahap tidak kurang daripada 70%. Pengiraan penggunaan kandungan IBS dalam sesuatu projek binaan bangunan adalah berdasarkan kepada *Manual For Industrial Building System (IBS) Content Scoring System* yang diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
  - (3) memasukkan syarat-syarat kontrak dan klausa keperluan penggunaan IBS dalam projek baru LPB dengan merujuk ke Laman web Jabatan Kerja Raya iaitu [www.jkr.gov.my](http://www.jkr.gov.my).

**(vii) Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (Government Green Procurement – GGP)**

- (a) Peraturan ini sebagai makluman awal mengenai inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement - GGP*) serta memberi kesedaran dan galakan bagi meningkatkan pengetahuan LPB dalam menjayakan pelaksanaan GGP di Malaysia.
- (b) Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) pada 23 Oktober 2012, yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah memutuskan bahawa Kementerian Kewangan

berperanan sebagai penyelarar kepada GGP sebagaimana yang terkandung di bawah Program MyHIJAU yang diselaraskan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Program MyHIJAU terdiri daripada empat (4) komponen iaitu MyHIJAU Perolehan, MyHIJAU Direktori, MyHIJAU Pelabelan serta MyHIJAU Industri dan PKS.

- (c) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pula bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian berkaitan Penggunaan dan Pengeluaran Mampan (*Sustainable Consumption and Production*). GGP merupakan komponen utama di dalam kajian tersebut.

### **Definisi GGP**

- (d) GGP merujuk kepada perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di sektor Kerajaan dengan mengambil kira kriteria dan standard alam sekitar untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi serta meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar dan sumber semulajadi yang berpunca daripada aktiviti manusia.

### **Jawatankuasa Perolehan Hijau Kerajaan**

- (e) Selaras dengan MTHPI, Jawatankuasa Pemandu Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement Steering Committee - GGPSC*) telah ditubuhkan pada 11 Julai 2013 bagi memandu dan menyelaraskan pelaksanaan GGP. GGPSC dipengerusikan bersama oleh Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK), Kementerian Kewangan dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dengan dianggotai oleh agensi-agensi berkaitan.
- (f) Pelan Tindakan Jangka Pendek (*Short Term Action Plan*) GGP telah dibangunkan bagi tujuan pelaksanaan GGP. Pelan ini merupakan rancangan tindakan jangka pendek bagi tempoh mulai Julai 2013 sehingga Disember 2014 mengenai kaedah pelaksanaan GGP.
- (g) Jawatankuasa Kerja Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement Working Committee - GGPWC*) turut ditubuhkan bagi memastikan semua rancangan di bawah Pelan Tindakan Jangka Pendek GGP dapat dilaksanakan dengan teratur. Sehubungan itu, projek-projek perintis akan dilaksanakan secara berperingkat selaras dengan Pelan Tindakan Jangka Pendek GGP. Kementerian

yang telah dipilih sebagai LPB perintis adalah Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

- (h) Dalam tempoh pelaksanaan Pelan Tindakan Jangka Pendek GGP, satu Pelan Tindakan Jangka Panjang GGP yang merangkumi dasar dan pelaksanaan GGP oleh semua LPB Kerajaan turut akan dirangka.

### **Peranan LPB**

- (i) LPB hendaklah bersiap sedia ke arah pelaksanaan GGP dengan mempertingkatkan pemahaman dan pengetahuan semua pegawai LPB berkaitan inisiatif Hijau selaras dengan perkembangan semasa. Sebagai persediaan awal, LPB boleh mengenal pasti bidang-bidang perolehan LPB yang bersesuaian untuk pelaksanaan GGP di LPB masing-masing.
- (j) Sementara menunggu pelaksanaan GGP sepenuhnya, LPB juga perlu bertindak secara proaktif dengan melaksanakan Inisiatif Hijau dan perkara lain yang berkaitan seperti penggunaan tenaga dan sumber secara efisien, pengamalan konsep Life Cycle Costing, Pengurusan Nilai dan sebagainya.

### **Rujukan**

- (k) Untuk sebarang maklumat lanjut berkenaan Pelan Tindakan Jangka Pendek GGP dan inisiatif Hijau di Malaysia, LPB boleh merujuk kepada laman sesawang [www.scpmalaysia.gov.my](http://www.scpmalaysia.gov.my). LPB boleh mengemukakan sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini kepada alamat e-mel: [ggp@treasury.gov.my](mailto:ggp@treasury.gov.my) atau [g\\_scp@epu.gov.my](mailto:g_scp@epu.gov.my).

## **(viii) Dasar Kenaan GST Dalam Perolehan LPB**

### **(a) Pendahuluan**

Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] berkuat kuasa mulai 1 April 2015. Sehubungan itu, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ke atas kontrak perolehan LPB adalah seperti berikut:

**(b) Syarat Mewajibkan Syarikat/Firma Yang Berurusan Dengan Perolehan LPB Untuk Mengisytiharkan Nombor Pendaftaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)**

- (1) LPB hendaklah memaklumkan kepada syarikat/firma yang hendak melaksanakan perolehan bersama LPB supaya mengisytiharkan status pendaftaran GST.
- (2) LPB hendaklah memastikan syarikat/firma yang telah berdaftar GST mengemukakan nombor pendaftaran GST sebelum menyertai perolehan LPB.
- (3) Bagi syarikat/firma yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta GST, namun akan menjadi syarikat/firma yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, hendaklah memaklumkan dengan segera kepada LPB berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat/firma tersebut di bawah Akta GST.
- (4) Setelah memaklumkan perubahan status pendaftaran GST tersebut, syarikat/firma boleh memohon pelarasan harga kontrak dan menuntut sebarang kenaikan GST daripada LPB mulai tarikh syarikat/firma berdaftar GST dengan syarat kontrak semasa masih berkuat kuasa bagi baki perolehan yang belum disempurnakan.
- (5) LPB hendaklah pada sepanjang masa menyemak kesahihan status pendaftaran GST syarikat/firma pembekal berkaitan di laman sesawang rasmi JKDM: [gst.customs.gov.my](http://gst.customs.gov.my).

**(c) Syarat Mewajibkan Syarikat/Firma Yang Berurusan Dengan Perolehan LPB Untuk Berdaftar GST**

- (1) Mana-mana syarikat/firma yang ditawarkan perolehan yang bernilai melebihi RM500 ribu dalam tempoh 12 bulan hendaklah berdaftar GST dengan JKDM (sekiranya pembekal tersebut belum berdaftar GST).

**(d) Penentuan Kaedah Perolehan & Kaedah Penyediaan Anggaran Jabatan**

- (1) LPB hendaklah mengambil kira kenaikan GST dalam perancangan perolehan dan penyediaan peruntukan.

Namun, LPB hendaklah menggunakan anggaran jabatan tanpa kenaan GST untuk menentukan kaedah perolehan.

**(e) Tawaran Harga Syarikat/ Firma**

- (1) Hanya syarikat/firma yang berdaftar GST sahaja boleh mengenakan GST ke atas produk/perkhidmatan/kerja yang ditawarkan dalam perolehan LPB.
- (2) Perolehan bekalan LPB adalah tidak diberi pelepasan daripada kenaan GST.
- (3) Perolehan perkhidmatan dan kerja oleh LPB adalah dikenakan GST.
- (4) Semua tawaran harga (pembelian terus, sebut harga dan tender) oleh syarikat/firma hendaklah dikemukakan tanpa kenaan GST. Sekiranya syarikat/firma yang berjaya adalah berdaftar GST dengan JKDM, LPB akan menawarkan nilai perolehan termasuk kenaan GST.

**(f)** Mana-mana syarikat/firma yang belum berdaftar GST tetapi akan menjadi wajib berdaftar GST setelah ditawarkan kontrak LPB, surat setuju terima hendaklah dikeluarkan oleh LPB dengan tawaran harga termasuk kenaan GST. LPB perlu memastikan syarikat/firma mengemukakan nombor pendaftaran GST.

**(g) Kaedah Penilaian Perolehan Secara Lantikan Terus / Pembelian Terus / Sebut Harga / Tender**

- (1) Penilaian harga bagi lantikan terus, pembelian terus, sebut harga dan tender hendaklah dibuat oleh pihak LPB berdasarkan **harga tawaran tanpa GST**.
- (2) Pemilihan pembekal akan dibuat berdasarkan tawaran harga yang terendah yang boleh diterima (*lowest acceptable offer*) dan menguntungkan pihak LPB (*best value for money*).

**(h) Perolehan Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja Yang Dikenakan GST Dalam Perolehan LPB**

- (1) Semua perolehan kerja/ perkhidmatan bukan perunding/ perkhidmatan perunding akan dikenakan GST oleh

syarikat/firma yang berdaftar GST.

**(i) Pembekalan / Perkhidmatan Yang Disediakan Oleh LPB**

- (1) Sebarang pembekalan barangan / perkhidmatan yang diberikan oleh LPB kepada pihak lain sama ada awam, swasta atau Agensi Kerajaan yang lain tidak dikenakan GST di bawah Seksyen 64 (1) Akta GST 2014 melainkan apa-apa pelepasan yang dinyatakan dalam Perintah Kastam dan Arahan Ketua Pengarah Kastam (boleh dicapai melalui [gst.customs.gov.my](http://gst.customs.gov.my))
- (2) LPB hendaklah sentiasa merujuk kepada [gst.customs.gov.my](http://gst.customs.gov.my).

**(j) Kenaan GST Ke Atas Pembekalan Dalam *Designated Areas* (DA)**

- (1) Perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja yang melibatkan *Designated Area* (DA) di Langkawi, Labuan dan Tioman tidak dikenakan GST. Ini merangkumi perolehan yang dibuat dalam kawasan DA (Cth: Langkawi – Langkawi) atau di antara kawasan DA (Cth: Langkawi – Tioman) melainkan apa-apa pelepasan yang dinyatakan dalam Perintah Kastam dan Arahan Ketua Pengarah Kastam (boleh dicapai melalui [gst.customs.gov.my](http://gst.customs.gov.my))

**(k) Pengeluaran *Tax Invoice***

- (1) *Tax Invoice* adalah dokumen yang akan membolehkan syarikat/firma yang berdaftar GST membuat tuntutan GST.
- (2) LPB hendaklah memastikan mana-mana syarikat/firma berdaftar GST mengeluarkan *Tax Invoice* yang mengandungi kenaan GST bagi perolehan (bekalan/ perkhidmatan/ kerja) yang dibekalkan.
- (3) Syarikat/firma tidak berdaftar GST perlu keluarkan invois biasa sahaja (tanpa kenaan GST).

**(l) Kontrak perolehan LPB yang sedang berkuat kuasa di mana Surat Setuju Terima (SST) telah ditandatangani dan tempoh kontrak melangkaui 1 April 2015**

- (1) Kontrak perkhidmatan bukan perunding sedia ada yang tidak dikenakan cukai perkhidmatan diberi pelepasan GST sehingga 31 Mac 2017 atau tarikh tamat kontrak, mana yang terdahulu.
- (2) Kontrak perunding dan perkhidmatan bukan perunding sedia ada yang telah dikenakan Cukai Perkhidmatan akan diganti dengan GST tertakluk kepada syarat berdaftar GST dengan JKDM.
- (3) Kontrak kerja sedia ada diberi pelepasan daripada membayar GST sehingga kontrak tamat.
- (4) Kontrak kerja semasa yang sedang berkuat kuasa pada atau selepas 1 April 2015 yang melibatkan pelanjutan masa (*Extension of Time – EOT*) diberi pelepasan daripada membayar GST sehingga kontrak tersebut tamat.

**9. Pendaftaran Kontraktor/Pembekal/Syarikat/ Firma Perunding<sup>2</sup>**

Semua perolehan LPB hendaklah dilaksanakan dengan kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan seperti berikut:

**(i) Pendaftaran Kontraktor Kerja**

- (a) Semua pendaftaran kontraktor kerja awam dan kerja elektrik dikendalikan oleh CIDB mengikut jenis kerja yang mereka berkecualan mengikut gred-gred berkaitan. Semua kontraktor kerja bagi perolehan Kerajaan untuk kategori Bangunan (B), Kerja Awam (CE) serta mekanikal (M) dan Elektrik (E) hendaklah mempunyai:
  - (1) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK);
  - (2) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK); dan
  - (3) Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkaitan)

Mengikut kelas dan had nilai perolehan kerja yang ditetapkan seperti berikut:

---

<sup>2</sup> Bahagian ini dipinda susulan daripada kelulusan bersyarat oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan S/K.KEW/PK/MOT/D/00 JLD. 2 SK.5 (4) bertarikh 23 Disember 2016

**KONTRAKTOR KERJA KATEGORI BANGUNAN/ AWAM/  
MEKANIKAL**

<b>Gred</b>	<b>Had Nilai Perolehan Kerja</b>
G1	RM200,000 dan ke bawah
G2	Melebihi RM200,000 hingga RM500,000
G3	Melebihi RM500,000 hingga RM1,000,000
G4	Melebihi RM1,000,000 hingga RM3,000,000
G5	Melebihi RM3,000,000 hingga RM5,000,000
G6	Melebihi RM5,000,000 hingga RM10,000,000
G7	Melebihi RM10,000,000

**KONTRAKTOR KERJA KATEGORI ELEKTRIK**

<b>Gred</b>	<b>Had Nilai Perolehan Kerja</b>
G1	Sehingga RM200,000
G2	Sehingga RM500,000
G3	Sehingga RM1,000,000
G4	Melebihi RM200,000 hingga RM3,000,000
G5	Melebihi RM200,000 hingga RM5,000,000
G6	Melebihi RM200,000 hingga RM10,000,000
G7	Melebihi RM200,000 dan ke atas

- (b) Bagi negeri Sarawak, Pihak Berkuasa bagi mendaftar dan mengawalselia kontraktor tempatan yang terlibat dalam perolehan LPB khusus di negeri Sarawak diuruskan oleh Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ).
- (c) Pihak Berkuasa bagi menilai dan memberi Sijil Taraf Bumiputera kepada kontraktor kerja yang layak serta mengambil tindakan tatatertib terhadap kontraktor Bumiputera yang melanggar sebarang syarat yang berhubungkait dengan pemberian taraf Bumiputera tersebut ialah Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Kementerian Kerja Raya Malaysia (dahulu dikenali sebagai Pusat Khidmat Kontraktor - PKK) atau mana-mana agensi yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
- (d) LPB dikehendaki mempelawa hanya kontraktor kerja yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK dan SPKK dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan untuk mengambil

bahagian di dalam urusan perolehan berkenaan.

(e) Peluang kontraktor yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ) untuk menyertai perolehan kerja masih dikekalkan seperti berikut:

(1) Kontraktor yang berdaftar dengan UPKJ dan mempunyai PPK yang dikeluarkan oleh CIDB boleh dipelawa bersama-sama kontraktor yang mempunyai PPK dan SPKK untuk menyertai perolehan LPB.

**(ii) Pendaftaran Kontraktor Bekalan dan Perkhidmatan**

Semua urusan pendaftaran syarikat bekalan dan perkhidmatan di dikendalikan oleh Kementerian Kewangan atau LPB sahaja. LPB dikehendaki mempelawa hanya syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (termasuk Perbendaharaan Malaysia Sabah dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak) untuk mengambil bahagian di dalam urusan perolehan bekalan atau perkhidmatan kecuali perolehan bekalan dan perkhidmatan yang tidak melebihi RM50 ribu.

**(iii) Pendaftaran Firma Perunding**

Pendaftaran firma perunding bagi seluruh Malaysia bagi perolehan Kerajaan adalah dikendalikan oleh Kementerian Kewangan atau LPB. LPB dikehendaki menggunakan hanya perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau LPB sahaja.

**(iv) Rujukan Kod Bidang**

LPB hendaklah melayari laman web ePerolehan [[www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my)] untuk merujuk senarai kod bidang bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan (termasuk perkhidmatan perunding).

**10. Pematuhan Dan Tanggungjawab**

**Tanggungjawab Pengurus Besar**

(i) Pengurus Besar adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua urusan perolehan yang dilaksanakan mengikut peraturan kewangan dan prinsip serta dasar perolehan yang ditetapkan oleh LPB. Sebarang

pelanggaran terhadap peraturan yang ditetapkan hendaklah diambil tindakan sewajarnya seperti yang ditetapkan dalam peraturan kewangan.

**Had Nilai Perolehan, Kaedah Panggilan Sebut Harga, Pihak Berkuasa Melulus (PBM) dan Kuasa-Kuasa Lembaga Pengarah LPB<sup>2</sup>**

- (ii) Lembaga Pengarah LPB adalah diberi kuasa untuk meluluskan perolehan bekalan/ kerja/ perkhidmatan seperti berikut:-

<b>Jenis Perolehan</b>	<b>Had Nilai Perolehan</b>	<b>Kaedah Panggilan Sebut Harga</b>	<b>Pihak Berkuasa Melulus (PBM)</b>
Bekalan & Perkhidmatan / Perkhidmatan Pengendalian Kursus dan Latihan / <i>Information Telecommunication Technology (ICT)</i>	Sehingga RM20 ribu	Pembelian Terus	Pengurus Besar/ Pegawai yang diturunkan kuasa
	Melebihi RM20 ribu sehingga RM50 ribu	Sebut Harga dengan kelonggaran	Jawatankuasa Sebut Harga LPB
	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Sebut Harga	Jawatankuasa Sebut Harga LPB
	Melebihi RM500 ribu hingga RM10 juta	Tender Terhad (Diperakukan oleh Lembaga Perolehan dan dimuktamadkan oleh Lembaga Pengarah LPB sekiranya melebihi RM10 juta)	Lembaga Perolehan 'B'
	Melebihi RM500 ribu sehingga RM20 juta	Tender Terbuka	Lembaga Perolehan 'B'
	Melebihi RM20 juta sehingga RM100 juta	Tender Terbuka	Lembaga Perolehan 'A'
	Melebihi RM100 juta	Tender Terbuka	Diperakukan oleh Lembaga Perolehan LPB dan dimuktamadkan di peringkat Lembaga Pengarah LPB <sup>2</sup>

Jenis Perolehan	Had Nilai Perolehan	Kaedah Panggilan Sebut Harga	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)
Kerja	Sehingga RM20 ribu	Pembelian Terus/ Lantikan Terus	Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan/ Pegawai yang diturunkan kuasa
	Melebihi RM20 ribu sehingga RM500 ribu	Sebut Harga	Jawatankuasa Sebut Harga LPB
	Melebihi RM500 ribu sehingga RM10 juta	Tender Terhad (tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah LPB)	Lembaga Perolehan 'B'
	Melebihi RM500 ribu sehingga RM20 juta	Tender Terbuka	Lembaga Perolehan 'B'
	Melebihi RM20 juta sehingga RM100 juta	Tender Terbuka	Lembaga Perolehan 'A'
	Melebihi RM100 juta	Tender Terbuka	Diperakukan oleh Lembaga Perolehan LPB dan dimuktamadkan di peringkat Lembaga Pengarah LPB <sup>2</sup>
Projek Secara Reka dan Bina	Sehingga RM10 juta (tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian Tender LPB)	Tender Terhad (hanya dibenarkan untuk projek-projek khas yang perlu disiapkan dalam masa yang singkat bagi menepati jadual yang telah ditetapkan atau demi kepentingan dan keselamatan Negara yang	Lembaga Perolehan 'B'

Jenis Perolehan	Had Nilai Perolehan	Kaedah Panggilan Sebut Harga	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)
		bukan berpunca dari kelemahan perancangan (Agensi)	
	Melebihi RM10 juta	Tender Terhad	Diperakukan oleh Lembaga Perolehan LPB dan dimuktamadkan di peringkat Lembaga Pengarah LPB <sup>2</sup>
	Sehingga RM100 juta	Tender Terbuka dengan syarat pra kelayakan	Lembaga Perolehan 'A'
	Melebihi RM100 juta	Tender Terbuka dengan syarat pra kelayakan	Diperakukan oleh Lembaga Perolehan LPB dan dimuktamadkan di peringkat Lembaga Pengarah LPB <sup>2</sup>
Perkhidmatan Perunding – Projek Pembangunan Fizikal	Sehingga RM5 juta	Lantikan Terus Beserta Kos Siling	Jawatankuasa Sebut Harga LPB
	Sehingga RM20 juta	Tender Terhad / Tender Terbuka	Lembaga Perolehan 'B' Tender Terhad yang melebihi RM10 juta hendaklah diperaku oleh Lembaga Perolehan LPB dan dimuktamadkan di peringkat Lembaga Pengarah LPB <sup>2</sup>
	Sehingga RM100 juta <sup>2</sup>	Tender Terbuka	Lembaga Perolehan 'A'

Jenis Perolehan	Had Nilai Perolehan	Kaedah Panggilan Sebut Harga	Pihak Berkuasa Melulus (PBM)
	Melebihi RM100 juta	Tender Terbuka	Diperakukan oleh Lembaga Perolehan LPB dan dimuktamadkan di peringkat Lembaga Pengarah LPB <sup>2</sup>
Perkhidmatan Perunding – Kajian (termasuk EIA) & Kajian Kerja Ukur	Sehingga RM500 ribu	Lantikan Terus Beserta Kos Siling	Jawatankuasa Sebut Harga LPB
	Sehingga RM2 juta	Tender Terhad / Tender Terbuka	Lembaga Perolehan 'B'
	Sehingga RM5 juta	Tender Terbuka	Lembaga Perolehan 'A'
	Melebihi RM5 juta	Tender Terbuka	Lembaga Pengarah LPB
\*Potong/Ubahsuai/Tambah dimana perlu

Alamat MTO  
(Address of MT)  
/1996

LAMPIRAN C  
SCHEDULE NO.5 TO  
CONTRACT NO.PERB/PK/\*

KERAJAAN MALAYSIA

ARAHAN PERKAPALAN  
(SHIPPING INSTRUCTION)

1. NO.RUJUKAN ARAHAN PERKAPALAN:  
TARIKH:  
(Shipping Instruction Ref. No.) (Date)
  
2. NAMA DAN ALAMAT JABATAN:  
(Name and address of Department)
  
3. NO. KONTRAK:  
(Contract No.)
  - 3.1 NILAI KONTRAK:  
(Contract Value)
  
4. JADUAL PENGHANTARAN:  
(Delivery Schedule)
  
5. NO. PESANAN TEMPATAN:  
(Purchase Order No.)
  
6. NAMA DAN ALAMAT PEMBEKAL TEMPATAN:  
(Name and Adress of Local Supplier)
  - 6.1 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB:  
(Person to Contact)
  - 6.2 NO. TELEFON/FAKSIMILI:  
(Telephone/Fax No.)

7. NAMA DAN ALAMAT PEMBEKAL LUAR NEGERI  
(Name and Address of Overseas Supplier)
  - 7.1 PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB  
(Person to Contact)
  - 7.2 NO. TELEFON/FAKSIMILI:  
(Telephone/Fax No.)
8. KAEDAH PEMBELIAN:  
\*(Ex. Works/FCA/FOB .....)
9. PERIHAL/KUANTITI BARANGAN:  
(Cargo Description/Quantity)
10. HARGA BARANGAN:  
(Cargo Value)
11. HARGA TAMBANG:  
(Freight Value)
12. NEGARA ASAL BARANGAN DIBELI:  
(Country of Origin)
13. PENGKALAN MEMUAT;  
(Port of Loading)
14. PENGKALAN PUNGGAH:  
(Port Of Discharge)
15. DESTINASI TERAKHIR:  
(Final Destination)
16. TARIKH DAN MASA BARANGAN DIPERLUKAN DI MALAYSIA:  
(Date Cargo required to be in Malaysia)

17. ARAHAN KHAS:  
(Special Instruction)
18. TANDA PENGENALAN:  
(Shipping Mark to appear on Package)
  
19. TANDATANGAN :  
NAMA DAN JAWATAN :  
TARIKH :  
NO. TELEFON :  
NO. FAKSIMILI :
  
- SK: 1) KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN  
2)  
3)  
4)  
5)

PANDUAN MENGISI BORANG ARAHAN PERKAPALAN

1. NO. RUJUKAN ARAHAN PERKAPALAN (RUJ. BIL FAIL JABATAN) DAN NYATAKAN TARIKH ARAHAN PERKAPALAN DIKELUARKAN
2. NAMA DAN ALAMAT JABATAN YANG MENGELUARKAN ARAHAN PERKAPALAN
3. NO. RUJUKAN KONTRAK YANG DIMETERAI ANTARA JABATAN DAN PEMBEKAL  
  
3.1 NILAI KONTRAK YANG DIMETERAI ANTARA JABATAN DAN PEMBEKAL
4. JIKA MELEBIHI SATU TEMPAT PENGHANTARAN SILA GUNAKAN LAMPIRAN
5. NO. PESANAN TEMPATAN YANG DIKELUARKAN KEPADA PIHAK PEMBEKAL, SILA SERTAKAN JIKA ADA.
6. NAMA DAN ALAMAT PEMBEKAL TEMPATAN YANG DIMETERAI KONTRAK DENGAN JABATAN.
7. NAMA DAN ALAMAT PEMBEKAL LUAR NEGERI DIMANA PESANAN DIBUAT OLEH JABATAN.
8. KAEDAH PEMBELIAN ATAU KONTRAK YANG DIMETERAI DIANTARA JABATAN DAN PEMBEKAL ATAU KAEDAH-KAEDAH LAIN YANG MEMPUYAI KAEDAH YANG SERUPA YANG DIPERSETUJUI
9. KETERANGAN DAN KUANTITI BARANGAN YANG DIPESAN NYATAKAN JUGA SAMA ADA BARANGAN TERSEBUT BARANGAN BAHAYA ATAU TIDAK SEBAGAIMANA DIKELASKAN DI DALAM KELAS INTERNATIONAL MARITIME ORGANISATION
10. HARGA BARANGAN YANG DIPESAN BERDASARKAN HARGA BARANGAN IMPORT MENGIKUT KONTRAK YANG TELAH DITANDATANGANI ANTARA AGENSI DENGAN KONTRAKTOR.
11. HARGA TAMBANG IAITU HARGA YANG DIPERSETUJUI ANTARA AGENSI DENGAN MTO YANG DIPILIH UNTUK MENGURUSKAN PENGHANTARAN BARANGAN DI PARA 10.
12. NEGARA DIMANA BARANGAN DIBELI

13. NYATAKAN NAMA PELABUHAN/LAPANGAN TERBANG/TEMPAT PENGHANTARAN AKAN DIURUSKAN. (SILA RUJUK PADA MTO YANG TERLIBAT UNTUK KEPASTIAN). POTONG MANA YANG TIDAK BERKAITAN.
  14. NYATAKAN PELABUHAN/LAPANGAN TERBANG/TEMPAT DIMANA BARANGAN AKAN DIPUNGGAH. POTONG MANA YANG TIDAK BERKAITAN.
  15. NYATAKAN TEMPAT/ALAMAT TERAKHIR BARANGAN PERLU DIHANTAR OLEH MTO
  16. TARIKH DAN MASA BARANGAN PERLU BERADA DI MALAYSIA.
  17. ARAHAN KHAS JABATAN KEPADA MTO MISALNYA JIKA MEMERLUKAN PENGAWASAN YANG RAPI KERANA BARANGAN ADALAH SENSITIF ATAU LAIN-LAIN ARAHAN KHAS YANG PATUT DIAMBIL PERHATIAN OLEH MTO.
  18. TANDA PERKAPALAN DI LUAR BUNGKUSAN SEPERTI PENGGUNAAN LAMBANG JABATAN, ALAMAT DAN LAIN-LAIN BAGI MEMUDAHKAN BUNGKUSAN ITU UNTUK DIKENALPASTI SEBAGAI BUNGKUSAN SESUATU JABATAN BERKENAAN.
  19. TANDATANGAN NAMA DAN JAWATAN PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGURUSKAN PEMBELIAN DI JABATAN DAN PEGAWAI INI BOLEH DIHUBUNGI OLEH MTP SEANDAINYA MEMERLUKAN MAKLUMAT LANJUT TENTANG PENGHANTARAN ATAU BERLAKU SEBARANG MASALAH
- SK: SELAIN DARI PERBENDAHARAAN, PIHAK-PIHAK LAIN YANG PATUT DIMAKLUMKAN ATAU MENGETAHUI YANG PENGHANTARAN SEDANG DIURUSKAN DENGAN MTO.

LAMPIRAN DINSTITUTE CARGO CLAUSES (ALL RISKS)

1. Lindungan insurans ini bermula dari masa barangan meninggalkan gudang atau tempat simpanan terletak di tempat yang tercatat di dalam Polisi untuk permulaan perjalanan. Bersambung semasa perjalanan biasa dan berakhir sama ada sampai:
  - a. ke Gudang Konsaini (*Consignee's Warehouse*) atau ke gudang terakhir yang loain atau ke tempat simpanan yang destinasiya tercatat di dalam Polisi; atau
  - b. ke gudang atau tempat simpanan yang berlainan, sama ada sebelum sampai atau di destinasi yang tercatat di dalam Polisi, yang telah dipilih oleh pihak pembeli (*assured*) untuk penggunaan:
    - i) simpanan selain dari perjalanan pengangkutan yang biasa;  
atau
    - ii) pengangkutan ataupun pembahagian  
atau
  - c. tamat Sembilan puluh (90) hari selepas selesai pemunggahan melalui tepi kapal (*overside*) barangan tersebut yang dilindungi insurans dari kapal di pelabuhan yang terakhir;

yang mana akan berlaku dahulu.

Jika setelah pemunggahan melalui tepi kapal dari kapal pengangkutan di pelabuhan pemunggahan yang terakhir, tetapi sebelum tamatnya lindungan insurans ini, barangan yang tersebut akan dihantar ke destinasi selain dari tempat di mana ia dilindungi insurans, lindungan insurans ini walaupun tertakluk kepada syarat penamatan yang tersebut di atas, tidak akan disambungkan dari permulaan penghantaran ke destinasi yang lain itu.

Lindungan insurans ini akan sentiasa berkuatkuasa (tertakluk kepada penamatan yang tersebut di atas kepada syarat Klausula 2 dibawah) semasa kelengahan di luar kawalan pihak pembeli (*Assured*), pelencongan, pemunggahan yang dipaksa, pengiriman semula (*reshipment*) atau pertukaran muatan (*transshipment*) dan jika ada pertukaran di dalam perjalanan kapal yang berlaku mengikut kebebasan

- yang diberi kepada tuanpunya kapal atau penyewa kapal di bawah Kontrak Pengangkutan (*Contract of Affreightment*)
2. Jika ada sesuatu di luar kawalan pembeli (*Assured*), sama ada, Kontrak Pengangkutan (*Contract of Affreightment*) ditamatkan di pelabuhan atau di tempat selain dari destinasi yang tercatat atau perjalanan telah ditamatkan sebelum penyampaian barangan yang dinyatakan di Klausa 1 di atas, maka, dengan syarat notis segera diberi kepada syarikat insurans dan dengan tambahan premium jika perlu, lindungan insurans ini akan berkuatkuasa hingga, sama ada:
    - i. barangan telah dijual dan dihantar ke pelabuhan atau tempat tersebut atau jika sudah dipersetujui, hingga tamanya Sembilan puluh (90) hari selepas tamatnya pemunggahan melalui tepi kapal barangan yang dilindungi dari kapal laut di pelabuhan atau tempat tersebut, tertakluk kepada yang mana akan berlaku dahulu.
    - ii. jika barangan dihantar dalam tempoh Sembilan puluh (90) hari (atau didalam tempoh tambahan yang dipersetujui) ke destinasi yang tercatat di dalam polisi atau ke destinasi yang lain, hingga ditamatkan menurut syarat-syarat di dalam Klausa 1 di atas.
  3. Lindungan insurans ini termasuk perjalanan menggunakan rakit atau tongkang dari atau kepada kapal. Setiap rakit atau tongkang dianggap berasingan dari segi lindungan insurans. Pihak pembeli (*Assured*) adalah tidak dimudaratkan oleh apa-apa perjanjian yang mengecualikan pihak pemilik tongkang dari sebarang liability.
  4. Perlindungan insurans juga akan diberi tertakluk kepada nilai premium yang akan dibincang, jika terdapat pertukaran perjalanan kapal atau sebarang ketinggalan atau kesalahan di dalam keterangan kapal pengangkut atau perjalanan kapal.
  5. Lindungan insurans ini adalah terhadap segala risiko (*All Risks*) kerosakan atau kehilangan perkara subjek yang dilindungi (*subject matter insured*) tetapi tidak sekali-kali meliputi kehilangan, kerosakan dan kerugian yang disebabkan oleh kelengahan ataupun atau kecacatan atau sifat sedia ada (*inherentvice of nature*) perkara subjek yang dilindungi. Tuntutan-tuntutan yang boleh diperolehi di bawah Perlindungan '*All Risks*' akan dibayar tanpa mengira peratusannya.
  6. Tuntutan untuk '*Constructive Total Loss*' tidak akan dibayar di bawah Perlindungan '*All Risks*' ini melainkan barangan telah ditinggalkan dengan munasabah disebabkan 'kehilangan menyeluruh yang sebenar' (*Actual total loss*) yang tidak dapat dielakkan atau disebabkan kos membaikpulih

dan menghantar barangan ke destinasi yang dilindungi akan melebihi nilai barangan semasa sampai ke destinasi.

7. '*General Average*' dan '*Salvage Charges*' (harga menyelamatkan barangan) akan dibayar mengikut '*Foreign Statement*' atau '*York Antwerp Rules*' (Undang-undang York Antwerp) jika ia menuruti dengan kontrak penghantaran (*Contract of affreightment*)
8. Sifat kegunaan kapal di atas laut (*seaworthiness of the vessel*) di antara pembeli/pihak yang dilindungi (*Assured*) dan pihak pelindung (*underwriters*) adalah diakui.
9. Sekiranya terjadi kehilangan, hak pembeli membuat tuntutan insurans, (*Assured's right of recovery*) di bawah perlindungan ini tidak akan dimudaratkan oleh fakta bahawa kehilangan itu telah disebabkan oleh tindakan yang salah atau kelakuan buruk tuannya kapal atau kakitangannya, dilakukan tanpa priviti pembeli (*Assured*)
10. Adalah tanggungjawab pembeli (*Assured*) atau wakil (*Agent*) mereka, di dalam semua perihal, untuk mengambil langkah yang munasabah untuk mengelakkan atau mengurangkan kehilangan/kerugian dan untuk memastikan segala hak mereka (pembeli/*Assured*) terhadap pihak pengangkut, penjamin atau pihak ketiga yang lain, dikekalkan dan dilakukan dengan sepatutnya.
11. Perlindungan insurans ini adalah bukan untuk faedah pengangkut atau baiki.
12. Lindungan insurans ini diperluaskan untuk menggantirugi pihak pembeli (*Assured*) terhadap bahagian tanggungannya di dalam kontrak pengangkutan (*Contract of affreightment*) yang tercatat di bawah klausa '*Both to Blame Collision Clause*' semasa terjadi kehilangan yang dilindungi.

Jika terdapat apa-apa tuntutan dari pihak tuannya kapal menurut syarat kalusa ini, pembeli (*Assured*) hendaklah memberitahu Syarikat Insurans yang mempunyai hak, mempertahankan pihak pembeli (*Assured*) dari tuntutan seperti ini dengan menggunakan perbelanjaan sendiri.

13. Tidak ada perlindungan jika kehilangan atau kerosakan kepada barangan disebabkan oleh tangkapan, rampasan, tahanan, penghalangan atau penahanan, dari akibatnya atau cubaan ancumannya; juga dari akibat permusuhan atau operasi menyerupai peperangan sama ada peperangan telah diisytiharkan atau tidak; juga ia tidak melindungi sebarang pelanggaran, persentuhan dengan objek yang kukuh atau timbul (selain dari periuk api atau torpedo), terlantar, cuaca buruk atau kebakaran

melainkan disebabkan dengan terus (dan bebas dari sifat dasar perjalanan atau perkhidmatan kapal berkenaan atau, di masa pelanggaran, ada kapal yang lain terlibat, sedang melaksanakan) oleh satu kelakuan permusuhan atau bertentangan dengan satu kuasa pihak yang berseteru, dan di sini 'kuasa' juga termasuk pihak berkuasa yang mempunyai tentera laut, kententeraan atau tentera udara yang berhubungan dengan satu kuasa.

Tidak ada perlindungan juga jika kehilangan atau kerosakan akibat dari perang saudara, revolusi, penderhakaan, pemberontakan, atau mogok awam yang berbangkit darinya atau dari akibat perlanunan. Jika Klausula No. 13 ini dihapuskan, Institusi War Clause semasa yang berkaitan akan dianggap telah menjadi sebahagian dari perlindungan ini.

14. Tidak ada perlindungan jika kehilangan atau kerosakan.
- a. Disebabkan oleh pemogok, pekerja yang tidak dibenar masuk ke kawasan perniagaan atau orang-orang yang mengambil bahagian di dalam rusuhan buruh, rusuhan atau kerusuhan awam;
  - b. Diakibatkan dari pemogok, pekerja yang disekat masuk, rusuhan buruh, rusuhan atau rusuhan awam.

Jika Klausula No. 14 ini dihapuskan, 'Institut Strikes Riots and Civil Commotion Clause' semasa yang berkaitan akan dianggap telah menjadi sebahagian dari perlindungan ini.

15. Adalah menjadi satu syarat perlindungan insurans ini pihak pembeli (*Assured*) akan sentiasa bertindak dengan seberapa segera yang munasabah dalam semua perihal di dalam kawalan mereka.

#### **NOTA**

**Adalah perlu bagi pihak pembeli (*Assured*) apabila menyedari sesuatu kejadian yang diberi keutamaan '*Held Covered*' di bawah perlindungan ini, supaya seberapa segera memberi notis kepada pihak perlindungan (*Insurer/Underwriter*) dan hak mendapat perlindungan ini adalah bergantung kepada pematuhan obligasi ini.**

LAMPIRAN D  
(Bahasa Inggeris)INSTITUTE CARGO CLAUSES (ALL RISKS)

1. This insurance attaches from the time the goods leave the warehouse or place of storage at the place named in the policy for the commencement of the transit, continues during the ordinary course of transit and terminates either on delivery:
  - a) To the Consignees' or other final warehouse or place of storage at the destination named in the policy;
  - b) To any other warehouse or place of storage, whether prior to or at the destination named in the policy, which the assured elect to use either:
    - i) For storage other than in the ordinary course of transit; or
    - ii) For allocation or distributionor
  - c) On the expiry of 90 days after completion of discharge overseas of the goods hereby insured from the overseas vessel at the final port of discharge whichever shall first occur.

If after discharge overseas from the overseas vessel at the final port of discharge, but prior to termination of this insurance, the goods are to be forwarded to a destination other than that to which they are insured hereunder, this insurance whilst remaining subject to termination as provided for above, shall not extend beyond the commencement of transit to such other destination.

This insurance shall remain in force (subject to termination as provided for above and to the provisions of Clause 2 below) during delay beyond the control for the *Assured*, any deviation forced discharge, reshipment or transshipment and during any variation of the adventure arising from the exercise of a liberty granted to shipowners or charterers under the contract of affreightment

2. If owing to circumstance beyond the control of the Assured either the contract of affreightment is terminated at a port or place other than the destination named therein or the adventure is otherwise terminated before delivery of the goods as provided for in Clause 1 above, then, subject to prompt notice being given to Underwriters and to an additional premium of required, this insurance shall remain in force until either:

- i) The goods are sold and delivered at such port or place, or unless otherwise specially agreed, until the expiry of 90 days after completion of discharge overseas of the goods hereby insured from the overseas vessel at such port or place whichever shall first occur.
  - ii) If the goods are forwarded within the said period of 90 days (or any agreed extension thereof) to the destination named in the policy or to any other destination, until terminated in accordance with the provisions of Clause 1 above.
3. Including transit by craft raft or lighter to or from the vessel. Each craft raft or lighter to be deemed a separate insurance. The Assured are not to be prejudiced by any agreement exempting lightermen from liability.
4. Held covered at a premium to be arranged in case of change of voyage or of any omission or error in the description of the interest vessel or voyage.
5. This insurance is against all risks of loss or or damage to the subject matter insured but shall in no case be deemed to extend to cover loss damage expense proximately caused by delay or inherent vice or nature of the subject matter insured. Claims recoverable hereunder shall be payable irrespective of percentage
6. No claim for Constructive Total Loss shall be recoverable hereunder unless the goods are reasonably abandoned either on account of their actual total loss appearing to be unavoidable or because the cost of reconditioning and forwarding the goods to the destination to which they are insured would exceed their value on arrival.
7. General Average and Salvage Charges payable according to Foreign Statement or York Antwerp Rules if in accordance with the contract of affreightment.
8. The seaworthiness of the vessel as between the Assured and underwriters is hereby admitted.
9. In the event of loss the Assured's right of recovery hereunder shall not be prejudiced by the fact that the loss may have been attributable to the wrongful act or misconduct of the shipowners or their servants, committed without the privity of the Assured.
10. It is the duty of the Assured and their Agents, in all cases, to take such measures as may be reasonable for the purpose of averting or minimizing

a loss and so ensure that all rights againsts carriers, bailes or other third parties are properly preserved and exercised.

11. This insurance shall not insure to the benefit of the carrier or other bailee.
12. This insurance is extended to indemnify the Assured against such proportion of liability under the contract of affreightment 'Both to Blame Collision' Clause as is in respect of a loss recoverable hereunder.

In the event of any claim by shipowners under the said Clause the Assured agree to notify the Underwriters who shall have the right, at their own cost and expense, to defend the Assured againsts such claim.

13. Warranted free of capture, seizure, arrest, restraint or detainment, and the consequences thereof or of any attempt threat; also from the consequences of hostilities or warlike operations, whether there be a declaration or war or not; but this warranty shall not exclude collision, contract with any fixed or floating object (other than a mine or torpedo), stranding, heavy weather or fire unless caused directly (and independently of the nature of the voyage or service which the vessel concerned or, in the case of a collision, any other vessel involved therein, is performing) by a hostile act by or against a belligerent power, and for the purpose of this warranty 'power' includes any authority maintaining naval, military or air forces in association with a power,
14. Warranted free of loss or damage.
  - a) Caused by strikes, locked-out workmen or persons taking part in labour disturbances, riots or civil commotions;
  - b) Resulting from strikers lock-outs, labour disturbances, riots or civil commotions.

Should Clause No. 13 be deleted, the relevant current Institute Strikers Riots and Civil Commotions Clauses shall be deemed to form part of this insurance.

15. It is a condition of this insurance that the Assured shall act with reasonable dispatch in all circumstances within their control.

NOTE- It is necessary for the Assured when they become aware of an event which is 'held covered' under this insurance to give prompt notice to Underwriters and the right to such cover is dependent upon compliance with this obligation.

LAMPIRAN E  
AP 233(a)  
(\* Bahasa Melayu)

KERAJAAN MALAYSIA  
PERAKUAN TANGGUNG RUGI TERHADAP KEHILANGAN

Dengan ini diperakukan bahawa barangan yang dinyatakan di dalam (No. Pesanan Jabatan) ..... bertarih ..... mengandungi ..... Yang bernilai (PAK/ ) RM ..... yang lebih kurang sama, akan dihantar atas risiko Kerajaan Malaysia dari mana-mana pelabuhan dan.atau tempat, mengikut apa-apa giliran atau sebaliknya, dalam ..... (nama negara pengeksport) termasuk risiko dari gudang atau kerja-kerja dan dari pemindahan jika ada, sehingga diserahkan kepada konsaini atau seseorang yang diberi kuasa untuk menerima serahan bagi pihak konsaini dan jika sekiranya kehilangan kesemua atau sebahagian berlaku dalam transit, penjual atau agen penjual yang diberikuasa akan dibayar harga penuh kontrak tersebut.

.....  
Pegawai yang diberikuasa untuk tandatangan

.....  
.....  
Nama dan Jawatan

.....  
.....  
Jabatan

.....  
.....  
Tarikh

LAMPIRAN E  
AP 233(a)  
(\* Bahasa Inggeris)

GOVERNMENT OF MALAYSIA  
CERTIFICATE OF INDEMNITY AGAINST LOSS

This is to certify that the goods specified in (Department Order No.) dated ..... Consisting of ..... to the value of (FOB/ ) RM ..... Being the same, more or less will be transported at the risk of the Government of Malaysia from any ports and/or places, in any order or retardation in ..... including risk from warehouse or works and of transshipment, if any, until delivered to the consignee or some person authorized to accept delivery on behalf of the consigned, and in the event of either total or partial loss being suffered during transit the vendor or the vendor's accredited agent will be paid the full contract price thereof

.....

.....

Officer Authorised to sign

.....

.....

Name and designation

.....

.....

Department

.....

.....

Date

**FORMULA PENGIRAAN KEUTAMAAN HARGA KEPADA SYARIKAT BUMIPUTERA****Langkah 1:**

$$\begin{aligned}
 & \text{Harga Tawaran Pembekal Bumiputera (B)} \\
 - & \text{Harga Tawaran Pembekal Bukan Bumiputera (BB)} \\
 = & \underline{\text{Perbezaan Harga (RM)}}
 \end{aligned}$$

**Langkah 2:**

$$\text{Peratus Perbezaan (\%)} = \frac{\text{Perbezaan Harga}}{\text{Harga Tawaran BB}} \times 100$$

**Langkah 3:**

Bandingkan % Perbezaan dengan % Keutamaan yang telah ditetapkan

<b>Nilai Perolehan</b>	<b>% Keutamaan</b>
melebihi RM100 ribu – RM500 ribu	10%
melebihi RM500,000 – RM1.5 juta	7%
melebihi RM1.5 juta – RM5 juta	5%
melebihi RM5 juta – RM10 juta	3%
melebihi RM10 juta – RM15 juta	2.5%
melebihi RM15 juta	Tiada

Jika % Perbezaan  $\leq$  % Keutamaan=pilih pembekal bumiputera

Jika % Perbezaan  $>$  % Keutamaan=pilih pembekal bukan bumiputera

**Contoh Pengiraan:****Langkah 1:**

	Harga Tawaran Pembekal Bumiputera (B)	:	RM10,700,000
-	<u>Harga Tawaran Pembekal Bukan Bumiputera (BB):</u>		<u>RM10,500,000</u>
=	<u>Perbezaan Harga (RM)</u>		<u>RM 200,000</u>

**Langkah 2:**

$$\begin{aligned} \text{Peratus Perbezaan (\%)} &= \frac{200,000}{10,500,000} \times 100 \\ &= 1.9\% \end{aligned}$$

**Langkah 3:**

Bandingkan % Perbezaan dengan % Keutamaan yang telah ditetapkan

Nilai Perolehan	% Keutamaan
melebihi RM100 ribu – RM500 ribu	10%
melebihi RM500,000 – RM1.5 juta	7%
melebihi RM1.5 juta – RM5 juta	5%
melebihi RM5 juta – RM10 juta	3%
melebihi RM10 juta – RM15 juta	2.5%
melebihi RM15 juta	Tiada

% Perbezaan < % Keutamaan = **pilih pembekal bumiputera**  
 (1.9%)      (2.5%)



**DASAR DAN GARIS PANDUAN**  
**PROGRAM KOLABORASI INDUSTRI**  
*(INDUSTRIAL COLLABORATION PROGRAMME - ICP)*  
**DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB 1 – PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
LATARBELAKANG .....	1
FALSAFAH .....	2
OBJEKTIF.....	3
RUJUK SILANG .....	4
TERMINOLOGI DAN TAFSIRAN .....	4
<b>BAB 2 – KATEGORI.....</b>	<b>10</b>
PENGENALAN.....	10
PROGRAM PENGUKUHAN EKONOMI (PPE) .....	10
PERDAGANGAN TIMBALBALAS (COUNTERTRADE) .....	12
PROGRAM OFFSET .....	13
PENGUNAAN KANDUNGAN TEMPATAN MALAYSIA (MLC).....	17
USAHASAMA (JV) DAN PERKONGSIAN DENGAN SYARIKAT TEMPATAN .....	19
<b>BAB 3 – PELAKSANAAN ICP.....</b>	<b>21</b>
PENGENALAN .....	21
PRINSIP .....	22
TERMA DAN SYARAT .....	24
PEMATUHAN KEPADA POLISI ICP .....	33
<b>BAB 4 – RANGKA KERJA PENGURUSAN PROGRAM ICP MALAYSIA.....</b>	<b>36</b>
PENGENALAN .....	36
PRA-PELAKSANAAN.....	36
PERMULAAN PROSES ICP .....	37
TENDER .....	38
PENILAIAN CADANGAN ICP .....	38
AUDIT PENERIMA ICP .....	39
PERJANJIAN UTAMA ICP (1ST TIER AGREEMENT) .....	41
PERJANJIAN SEKUNDER ICP (2ND TIER AGREEMENT) .....	42

PEMANTAUAN DAN LAPORAN .....	43
AUDIT PEMANTAUAN (SURVEILLANCE AUDIT) .....	44
AUDIT PASCA PELAKSANAAN .....	45
PELEPASAN OBLIGASI .....	46
PERBANKAN KREDIT PRA- <b>ICP</b> .....	47
<b>BAB 5 – ORGANISASI PELAKSANA</b> .....	<b>49</b>
PENDAHULUAN .....	49
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) .....	49
AGENSI DEPOSITORI TEKNOLOGI ( <b>TDA</b> ) .....	49
UNIT PENGURUSAN <b>ICP</b> ( <b>IMU</b> ) .....	53
<b>BAB 6 – PENGURUSAN PELAKSANAAN</b> .....	<b>57</b>
PENGENALAN .....	57
JAWATANKUASA EKSEKUTIF <b>ICP</b> MALAYSIA (MALAYSIAN <b>ICP</b> EXECUTIVE COMMITTEE <b>MIEC</b> ).....	58
JAWATANKUASA <b>ICP</b> ( <b>ICP</b> COMMITTEE - <b>IC</b> ).....	59
JAWATANKUASA KERJA <b>ICP</b> ( <b>ICP</b> WORKING COMMITTEE - <b>IWC</b> ).....	62
JAWATANKUASA PENILAIAN PROGRAM <b>ICP</b> ( <b>ICP</b> EVALUATION COMMITTEE - <b>IEC</b> ) ....	63
PUSAT INFORMASI .....	64
<b>BAB 7 – PENUTUP</b> .....	<b>65</b>

**Lampiran:**

- Lampiran 1 – Rangka Kerja dan Carta Alir Pengurusan **ICP** Malaysia
- Lampiran 2 – Pengiraan Nilai Kredit **ICP**
- Lampiran 3 – Pengganda
- Lampiran 4 – Contoh Perjanjian Utama Program **ICP**
- Lampiran 5 – Pengurusan Penalti
- Lampiran 6 – Contoh Laporan Berkala Prestasi Kemajuan **IMU** kepada **TDA**
- Lampiran 7 – Contoh Surat Pelepasan Obligasi Program Kolaborasi Industri
- Lampiran 8 – Organisasi Pengurusan **ICP** Malaysia

## BAB 1 – PENGENALAN

### LATARBELAKANG

1. Kerajaan Malaysia komited untuk membangunkan teknologi, industri dan ekonomi secara keseluruhan bertujuan untuk meningkatkan daya saing negara dan menyokong pelaksanaan agenda masyarakat berpendapatan tinggi. Bagi mendokong komitmen tersebut, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Program *Offset* sebagai salah satu dasar Kerajaan yang terpakai ke atas semua aktiviti perolehan kerajaan berkaitan bekalan, perkhidmatan dan kerja.

2. Berdasarkan kepada manfaat Program *Offset* yang telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan berhasrat memperkasakan Program *Offset* ini dengan memperluaskan skop kepada pelbagai sektor yang boleh mendapat manfaat melalui program ini. Sehubungan dengan itu, Kerajaan memperkenalkan Program Kolaborasi Industri (*Industrial Collaboration Program – ICP*) sebagai penambahbaikan kepada pelaksanaan Dasar dan Garis Panduan Program *Offset* Dalam Perolehan Kerajaan iaitu seperti yang termaktub di dalam 1Pekeliling Perbendaharaan/PK 1 Perenggan 6(v).

3. Program Kolaborasi Industri (**ICP**) adalah program yang melibatkan aktiviti yang akan memberi nilai tambah ke atas sesuatu perolehan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan kos yang efektif. **ICP** merangkumi Program Pengukuhan Ekonomi (**PPE**), Program Perdagangan Timbalbalas (*Countertrade*) dan Program *Offset* atau program-program lain yang seumpamanya.

4. Dasar dan Garis Panduan **ICP** Dalam Perolehan Kerajaan ini digunakan sebagai panduan asas terma dan syarat pelaksanaan aktiviti-aktiviti **ICP** di Malaysia. Justeru, bagi memastikan pelaksanaan **ICP** yang teratur dan sistematik, satu rangka kerja telah dibentuk sebagai panduan kepada proses pelaksanaan tersebut. Model Rangka kerja dan Carta Alir Pengurusan **ICP** Malaysia ini adalah seperti di **Lampiran 1**.

## FALSAFAH

5. Dalam mendokong pembangunan negara, **ICP** digunakan sebagai salah satu pendekatan bagi memperkukuh sosioekonomi negara berasaskan pembangunan mapan bagi menaik taraf kebolehpayaan dan kapasiti negara. Keutamaan diberi kepada aktiviti yang melibatkan pembangunan dan pemerkasaan industri tempatan dalam sektor terpilih ke arah mencapai status negara maju. **ICP** dilihat sebagai satu strategi pelaburan jangka panjang dalam membangun dan mengukuhkan pelbagai industri di Malaysia.

6. Pelaksanaan **ICP** adalah satu usaha Kerajaan Malaysia untuk membuka peluang kepada industri tempatan di pasaran antarabangsa. Ia juga dapat dijadikan sebagai batu loncatan kepada industri tempatan untuk terlibat dalam aktiviti Rangkaian Bekalan Global (*Global Supply Chain*). Oleh itu, pelaksanaan **ICP** perlu mengambil kira kepentingan semua pihak (situasi menang-menang dan saling melengkapi) untuk memastikan impak yang lebih menyeluruh. Justeru, Penyedia **ICP** perlu bekerjasama dengan Kerajaan dalam pelaksanaan **ICP** supaya memperoleh manfaat dalam usaha pembangunan negara.

7. Bagi tujuan pelaksanaan **ICP**, perkara berikut perlu dipatuhi oleh Agensi:

- 7.1. Dasar dan Garis Panduan **ICP** ini merupakan satu keperluan **mandatori** bagi semua agensi kerajaan yang membuat perolehan dengan had nilai yang ditetapkan;
- 7.2. Penguatkuasaan Mandatori Dasar ini turut dipanjangkan pemakaiannya kepada Syarikat Milik Kerajaan (*Government Own Company - GOC*) dan anak syarikatnya; dan
- 7.3. Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Link Company - GLC*) dan anak syarikatnya dan Syarikat Persendirian adalah **digalakkan** melaksanakan **ICP** sebagai sumbangan pembangunan pelbagai sektor industri di Malaysia. Insentif-insentif dalam pelaksanaan **ICP** boleh dirujuk kepada **MOF**/Agensi yang berkaitan.

## OBJEKTIF

8. Objektif **ICP** adalah seperti berikut:
  - 8.1. Sebagai pemangkin kepada kerjasama strategik global yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi dan industri melalui aktiviti pembangunan dan pengukuhan kemahiran, kemampuan, kapasiti dan pemasaran serta potensi eksport;
  - 8.2. Memaksimumkan penggunaan kandungan tempatan ke arah mengurangkan kebergantungan kepada negara luar dan seterusnya mengurangkan aliran keluar mata wang Malaysia;
  - 8.3. Memantapkan asas industri, ekonomi dan teknologi yang mampan di Malaysia berasaskan kepada pembangunan kemampuan strategik dan penyertaan industri tempatan dalam rangkaian bekalan global bagi membina landskap industri tempatan yang mampan dan kompetitif;
  - 8.4. Menggalakkan pemindahan teknologi (*Transfer of Technology* - **TOT**) dan pengetahuan strategik;
  - 8.5. Membentuk kerjasama dalam projek-projek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan strategik (*Research, Development & Commercialisation* - **R&D&C**); dan
  - 8.6. Menyokong inisiatif Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment* - **FDI**) dan menjalin kerjasama untuk membangunkan sumber manusia dalam sektor strategik seterusnya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, meningkatkan kepakaran serta keupayaan tempatan.

## RUJUK SILANG

9. Untuk memastikan keterangkuman dokumen ini dengan dasar dan garis panduan Kerajaan yang lain, berikut adalah dokumen yang digunakan sebagai rujuk silang kepada terma dan syarat dalam garis panduan ini:

- 9.1. IPekeliling Perbendaharaan Malaysia (**IPP**);
- 9.2. Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana 2012-2020 oleh Majlis Pembangunan **PKS** Kebangsaan;
- 9.3. Defense Industry, Security and Enforcement Blueprint oleh Kementerian Pertahanan Malaysia;
- 9.4. Garis Panduan Program Pembangunan Vendor oleh SME Corp; dan
- 9.5. Peraturan dan Garis Panduan lain yang sedang berkuat kuasa.

## TERMINOLOGI DAN TAFSIRAN

10. Berikut adalah definisi terminologi yang akan digunakan dalam dokumen ini:

- 10.1. **Agensi** adalah merupakan Kementerian (Persekutuan dan Negeri), Jabatan (Persekutuan dan Negeri), Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri), Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Tempatan Utama (**STU**) atau mana-mana organisasi yang menggunakan peruntukan kewangan daripada Kerajaan Pusat, sama ada keseluruhan organisasi agensi berkenaan ataupun sebahagian daripadanya.
- 10.2. **Agensi Depositori Teknologi** (*Technology Depository Agency - TDA*) adalah merupakan agensi di bawah Kementerian Kewangan yang mengurus dan memantau pelaksanaan **ICP** di Malaysia.

- 10.3. **Badan Pentadbir ICP (ICP Authority)** adalah merupakan satu organisasi yang diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia bagi mengurus tadbir pelaksanaan **ICP** di Malaysia.
- 10.4. **Completely Knocked Down (CKD)** merupakan komponen yang diimport dan pemasangan komponen tersebut bagi menghasilkan produk dibuat sepenuhnya dalam negara.
- 10.5. **Jadual Bahan (Bill of Material -BOM)** merupakan satu senarai lengkap bahan termasuk bahan mentah dan komponen yang diperlukan bagi menghasil/mengilang sesuatu produk.
- 10.6. **Laporan Penilaian ICP (ICP Evaluation Report - IER)** adalah merupakan laporan yang dihasilkan selepas satu-satu aktiviti penilaian dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian **ICP**.
- 10.7. **Dokumen Keperluan ICP (ICP Requirement Document – IRD)** merupakan satu dokumen yang memberi panduan kepada pembida berkaitan spesifikasi **ICP** dalam satu-satu perolehan itu.
- 10.8. **Dokumen Strategi ICP (ICP Strategy Document - ISD)** – merupakan satu dokumen strategik **ICP** yang dijadikan sebagai garis panduan pelaksanaan satu program **ICP** yang telah dikenalpasti.
- 10.9. **Jawatankuasa Eksekutif ICP Malaysia (Malaysia ICP Executive Committee - MIEC)** merupakan jawatankuasa tertinggi yang dibentuk di Kementerian Kewangan untuk memantau dan menyediakan hala tuju strategik pelaksanaan **ICP** di Malaysia.
- 10.10. **Jawatankuasa ICP (ICP Committee - IC)** merupakan jawatankuasa yang dibentuk di Agensi yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama bagi mengawasi dan mentadbir pelaksanaan **ICP**.

- 10.11. **Jawatankuasa Kerja ICP ( ICP Working Committee - IWC)** merupakan jawatankuasa yang dibentuk di Agensi yang membuat perolehan sebagai pelaksana ICP.
- 10.12. **Kontrak Perolehan Utama** adalah kontrak yang dimeterai antara Kerajaan Malaysia dengan pembekal perolehan yang dilaksanakan dalam satu tempoh masa dan had nilai yang dipersetujui.
- 10.13. Kementerian Kewangan Malaysia (**Ministry of Finance - MOF**).
- 10.14. **Nilai Kredit ICP Mandatori (Mandatory ICP Credit Value)** adalah merupakan nilai kredit yang perlu dijana sama nilai dengan nilai Kontrak Perolehan Utama.
- 10.15. **Nilai Kredit ICP (ICP Credit Value - ICP)** merupakan nilai kredit yang dijana dalam tempoh pelaksanaan ICP.
- 10.16. **Obligasi ICP** adalah merujuk kepada nilai yang perlu disempurnakan oleh Penyedia ICP berdasarkan terma dan syarat yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia dalam garis panduan yang ditetapkan.
- 10.17. **Original Equipment Manufacturer (OEM)** adalah merupakan pengeluar sebenar peralatan/produk.
- 10.18. **Pasukan Projek (Project Team)** adalah merupakan satu pasukan yang dibentuk dalam satu-satu organisasi yang membuat Perolehan bagi mengurustadbir pelaksanaan projek-projek berkaitan.
- 10.19. **Pembelian Timbalbalas (Counter Purchase)** merupakan syarat yang dipersetujui oleh pihak pembekal/kontraktor seperti yang terkandung dalam Kontrak Perolehan Utama untuk membeli barangan tempatan.
- 10.20. **Pemilik Program** adalah merupakan Agensi yang membuat Perolehan.

- 10.21. **Pengganda** adalah merupakan satu nilai integer (1 hingga 5) yang digunakan dalam pengiraan Nilai Kredit **ICP** berdasarkan kepada impak projek yang dicadangkan dalam satu **ICP**.
- 10.22. **Pelaksana Kontrak Perolehan Utama** (*Project Delivery Partner - PDP*) (atau yang seumpamanya) adalah merupakan pihak ketiga yang diberi mandat oleh Agensi untuk melaksanakan perolehan tersebut bagi pihaknya.
- 10.23. **Penyedia ICP** adalah pembuat, pembekal atau kontraktor antarabangsa dan **STU** yang perlu melaksanakan obligasi **ICP** yang dipersetujui.
- 10.24. **Penerima ICP** adalah sama ada syarikat tempatan, institusi atau organisasi yang menerima faedah, keuntungan atau manfaat daripada **ICP**. Penerima **ICP** boleh dicadangkan oleh Agensi yang melaksanakan perolehan, **TDA**, **IMU** dan **OEM**. Penerima **ICP** perlu melalui proses Audit Penerima **ICP** dan penentuan penerima dimuktamadkan oleh **IC** dengan makluman kepada **MIEC**.
- 10.25. **Perolehan** yang dimaksudkan dalam Garis Panduan ini adalah perolehan yang dibuat oleh Agensi yang melibatkan bekalan, perkhidmatan dan kerja.
- 10.26. **Pihak Berkuasa Melulus** adalah pihak berkuasa melulus di peringkat Kementerian Kewangan..
- 10.27. **Program Kolaborasi Industri** (*Industrial Collaboration Program - ICP*) merangkumi aktiviti Program Pengukuhan Ekonomi (**PPE**), Program Perdagangan Timbalbalas (*Counter Trade*) dan Program *Offset*.
- 10.28. **Program Pengukuhan Ekonomi (PPE)** merupakan salah satu kategori di bawah **ICP** yang melibatkan perolehan melalui syarikat tempatan.
- 10.29. **Program Perdagangan Timbalbalas** (*Counter Trade*) merupakan salah satu kategori di bawah **ICP** yang merangkumi Pembelian Timbalbalas (*Counter Purchase*) dan Pembelian Balik (*Buy Back*).

- 10.30. **Program Offset** merupakan salah satu kategori di bawah **ICP** yang memberi fokus kepada aktiviti pembangunan industri dan teknologi yang diperlukan.
- 10.31. **Program Pembangunan Vendor (PPV)** merupakan satu program yang dilaksanakan oleh **STU** bagi membangunkan industri tempatan berdasarkan kepada garis panduan **PPV** yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia.
- 10.32. **Projek ICP** adalah merupakan projek-projek yang dikenapasti dalam satu **ICP** yang menyumbang kepada penjanaaan Nilai Kredit **ICP**.
- 10.33. **Rangka Kerja Pengurusan ICP Malaysia** (*Malaysia ICP Management Framework*) merupakan satu model yang memberi garis panduan berkaitan proses-proses yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan satu-satu perogram **ICP**.
- 10.34. **Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** tempatan merupakan syarikat **PKS** yang menepati definisi oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (*Ministry of International Trade and Industry - MITI*).
- 10.35. Syarikat Tempatan merupakan:
- a. Syarikat 100 peratus milik warganegara Malaysia; atau
  - b. Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau
  - c. Syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49 peratus dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara Malaysia; atau
  - d. Syarikat yang ekuitinya sekurang - kurangnya 51 peratus dimiliki oleh warganegara Malaysia dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**).

- 10.36. **Syarikat Tempatan Utama (STU)** merupakan syarikat tempatan termasuk Syarikat Kepunyaan Kerajaan (*Government Owned Company – GOC*), Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Company - GLC*) dan anak syarikatnya termasuk Syarikat Persendirian yang diberi kontrak oleh Kerajaan untuk tujuan bekalan, perkhidmatan dan kerja.
- 10.37. **Unit Pengurusan ICP (ICP Management Unit - IMU)** merupakan unit di bawah Agensi yang membuat perolehan dan berfungsi sebagai Sekretariat kepada **IC** yang menguruskan pelaksanaan **ICP** bagi perolehan tersebut.

## BAB 2 – KATEGORI

### PENGENALAN

11. Program Kolaborasi Industri (**ICP**) adalah program yang melibatkan aktiviti yang akan memberi nilai tambah ke atas sesuatu perolehan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan Syarikat Tempatan Utama (**STU**) bagi memastikan pulangan nilai kepada ekonomi tempatan dengan kos yang efektif. Tujuan aktiviti ini adalah bagi memperolehi manfaat dan impak maksimum kepada pembangunan dan pertumbuhan industri tempatan sebagai pulangan ke atas pelaburan yang dibuat dalam bentuk **perolehan** sesuatu produk oleh Kerajaan.

12. Bagi tujuan itu, Penyedia **ICP** perlu mengambil kira impak program **ICP** yang dicadangkan untuk jangka pendek, sederhana dan panjang. Oleh itu, Kerajaan Malaysia menyediakan tiga (3) kategori platform **ICP** seperti berikut yang boleh digunakan bagi tujuan pelaksanaan:

- 12.1. Program Pengukuhan Ekonomi;
- 12.2. Perdagangan Timbalbalas (*Counter Trade*); dan
- 12.3. *Offset*.

### PROGRAM PENGUKUHAN EKONOMI (PPE)

13. Polisi pelaksanaan Program Pengukuhan Ekonomi (**PPE**) adalah terpakai ke atas **STU** yang mendapat kontrak Kerajaan atau membuat satu perolehan tertakluk kepada **Nilai Had Minimum ICP** yang dinyatakan dalam garis panduan ini. **PPE** diwujudkan untuk memastikan sumbangan **STU** kepada peningkatan dan perkembangan keupayaan kluster industri tempatan dan ekonomi negara menerusi pendekatan pelaksanaan program **ICP** dan Program Pembangunan Vendor (**PPV**).

- 13.1. **PPE** ini adalah **mandatori** kepada **STU** sekiranya dana yang digunakan bagi pelaksanaan perolehan tersebut adalah dari sumber Kerajaan.
- a. Sekiranya sumber dana untuk pelaksanaan perolehan tersebut adalah dari sumber dalaman **STU** itu sendiri, **STU** tersebut adalah **digalakkan** untuk melaksanakan **PPE**.
  - b. Sekiranya kontrak perolehan Kerajaan dengan **STU** melebihi **Nilai Had Minimum ICP** yang dinyatakan dalam Garispanduan ini dan melibatkan **OEM** luar negara bagi tujuan pelaksanaan kontrak perolehan itu, **OEM** tersebut adalah tertakluk kepada Program Perdagangan Timbalbalas (*Counter Trade*) dan *Offset* dimana pengurusan serta pelaksanaannya adalah secara terus di bawah pengurusan **TDA** dan Kementerian Kewangan.
- 13.2. Pendekatan **ICP** dan **PPV** adalah bertujuan untuk membangunkan keupayaan industri tempatan terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (**PKS**) dalam kluster industri yang dikenalpasti melalui pemerksaan kebolehpayaan syarikat tersebut. Bagi memastikan pembangunan industri secara menyeluruh, pelaksanaan **PPE** hendaklah selari dan dibaca bersama dengan Garis Panduan **PPV** yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan.
- 13.3. Melalui pelaksanaan **PPE**, Kerajaan berhasrat melahirkan syarikat tempatan (**STU** dan **PKS**), terutamanya syarikat-syarikat Bumiputera dalam bidang-bidang pembuatan dan perkhidmatan yang melibatkan penggunaan teknologi sederhana dan tinggi seterusnya memberi nilai tambah untuk mendokong pembangunan kluster industri dalam sektor yang terpilih.
- 13.4. Pelaksanaan **PPE** berteraskan platform **ICP** adalah sebahagian dari usaha Kerajaan untuk memacu **STU** supaya terus berkembang dan berdaya saing secara progresif dan kompetitif di dalam dan luar negara. Pihak Kerajaan, Penyedia **ICP**, **STU** dan penyedia Program **PPV** akan melaksanakan penilaian terhadap syarikat tempatan yang berpotensi bagi tujuan Penentuan dan pemilihan Syarikat Penerima **PPE** (keutamaan adalah diberi kepada

syarikat **PKS**). Pemilihan ini adalah di atas persetujuan bersama pihak Kerajaan, Penyedia **ICP**, **STU** dan penyedia Program **PPV** melalui proses-proses yang dinyatakan dalam Rangkakerja Pengurusan **ICP** Malaysia.

- 13.5. Untuk memastikan kelancaran pelaksanaan **PPE**, **STU** adalah bertanggungjawab di atas pelaksanaan **PPE** dengan pemantauan dan nasihat **TDA** dan Kementerian Kewangan. **STU** dan anak syarikatnya boleh menjadi Syarikat Penerima **ICP** mana-mana program **ICP** dengan syarat Nilai Kredit **ICP** keseluruhan yang dijana dari projek-projek dalam Program **ICP** tersebut tidak melebihi 30% dari Nilai Kredit **ICP** Mandatori.

#### **PERDAGANGAN TIMBALBALAS (*COUNTERTRADE*)**

14. Polisi pelaksanaan Perdagangan Timbalbalas adalah terpakai kepada syarikat luar negara yang mendapat kontrak Kerajaan yang tertakluk kepada Nilai Had Minimum **ICP** yang dinyatakan dalam Garispanduan ini.. Dalam kategori ini, nilai kredit **ICP** maksimum yang boleh dijana adalah sama dengan nilai kos Perdagangan Timbalbalas yang dilaksanakan melalui Program Pembelian Balas (*Counter Purchase*) atau Pembelian Balik (*Buy Back*). Pengurusan, pemantauan serta pelaksanaan program di bawah kategori Perdagangan Timbalbalas adalah secara terus di bawah pengurusan **TDA** dan **MOF**.

- 14.1. Program Pembelian Balas (*Counter Purchase*)
  - a. Bagi tujuan pelaksanaan Program Pembelian Balas, Penyedia **ICP** luar negara boleh melaksanakannya dengan membeli barangan buatan Malaysia yang tertentu (selalunya dinyatakan sebagai peratusan di dalam nilai kontrak) dalam satu jangka masa yang diberi sebagai opsyen untuk memenuhi keperluan kredit **ICP**.
  - b. Program Pembelian Balas perlu memberi keutamaan kepada produk yang dikilang oleh pengusaha tempatan. Sekiranya produk tersebut tidak mencukupi untuk memenuhi peratusan kredit **ICP** sebagaimana yang

dikehendaki, maka pembekal/Penyedia **ICP** boleh menggunakan komoditi/produk eksport sebagai item pembelian balas.

- c. Komoditi eksport atau produk pembuatan atau perkhidmatan nilai tambah tersebut mestilah dari senarai yang diluluskan Kerajaan. Pihak **OEM/Penyedia ICP** perlu mengemukakan cadangan bagi kelulusan **MOF** sekiranya produk atau perkhidmatan yang dikenalpasti tidak terkandung di dalam senarai yang diluluskan Kerajaan.

14.2. Program Pembelian Semula (*Buy Back*);

- a. Bagi tujuan pelaksanaan Program Pembelian Semula, Penyedia **ICP** luar negara boleh melaksanakannya dengan membeli semula produk buatan syarikat tempatan yang telah dibangunkan melalui Program **ICP** (sekurang-kurangnya 30% dari Nilai Nominal).
- b. Pembelian semula produk tempatan yang telah dikilangkan melalui program *localisation* itu adalah digalakkan bagi memperkasa kapasiti dan kebolehpayaan industri tempatan. Program seperti ini perlu diperkukuhkan dengan berterusan bagi memberi peluang kepada industri tempatan untuk terlibat dengan secara mapan dalam pasaran dan rantaian bekalan antarabangsa Penyedia **ICP**.

### **PROGRAM OFFSET**

15. Program *Offset* adalah merupakan program yang merangkumi aktiviti memperkasa daya-saing tempatan dengan memberi keutamaan kepada pembangunan teknologi dan ekonomi berteraskan pengetahuan (*k-Economy*). Ianya mensasarkan kepada pembangunan industri tempatan yang berasaskan teknologi dengan meningkatkan kapasiti dan kebolehpayaan syarikat tempatan ke satu aras yang lebih baik bagi tujuan penglibatan kompetitif dalam rantaian bekalan pasaran antarabangsa. Dasar pelaksanaan Program *Offset* adalah terpakai ke atas syarikat luar negara yang mendapat kontrak Kerajaan tertakluk kepada **Nilai Had Minimum ICP** yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini..

16. Penilaian program *offset* dan kredit **ICP** yang dijana adalah berdasarkan kepada kejayaan program yang ditawarkan oleh Penyedia **ICP** dan impaknya kepada pemerkasaan syarikat tempatan dan pembangunan ekonomi negara dalam sektor yang disasarkan dalam satu tempoh yang dipersetujui. Tempoh yang diberi untuk pelaksanaan **ICP** adalah bersamaan dengan tempoh pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama.

16.1. *Offset* Langsung

Terdiri daripada aktiviti dan pakej yang secara langsung berkaitan dengan dengan produk, perkhidmatan atau kerja yang diperolehi melalui Kontrak Perolehan Utama dan dipersetujui oleh Penyedia **ICP** dan Kerajaan yang merangkumi:

- a. Latihan, Pembangunan Modal Insan dan Keupayaan: Aktiviti pelaksanaan **ICP** di mana Penerima **ICP** akan diberi peluang untuk membangunkan keupayaan (modal insan dan rantaian bekalan kluster industri berkaitan) bagi membolehkan aktiviti sokongan sepanjang hayat peralatan yang diperolehi melalui Kontrak Perolehan Utama terutamanya yang melibatkan '*Design and Systems Integration*' dilaksanakan menggunakan keupayaan tempatan. Walaubagaimanapun, aktiviti latihan yang diperlukan untuk pengoperasian peralatan yang dibekalkan dalam Kontrak Perolehan Utama atau pembangunan kebolehpayaan (kompetensi) bagi pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama tidak boleh dikira sebagai Kredit **ICP**. Latihan, Pembangunan Modal Insan dan Keupayaan untuk pengoperasian bagi sesuatu perolehan tidak boleh diambil kira sebagai **ICP**.
- b. Pakej Kerja Tempatan: Aktiviti di mana Penerima **ICP** mendapat kontrak pembuatan sesuatu produk yang berkaitan terus dengan rekabentuk, pembangunan dan pemasangan, dan pemasangan peralatan untuk pembangunan dan pemasangan komponen (penuh atau sebahagian) bagi membantu pembuatan produk yang diperolehi melalui Kontrak Perolehan Utama. Ini termasuk pembuatan tempatan bagi komponen, pemasangan dan separa pemasangan. Nilai kredit **ICP** yang boleh dijana

melalui pendekatan ini adalah bergantung kepada impak pakej kerja yang ditawarkan terhadap pembangunan ekonomi berteraskan pengetahuan.

- c. Pemindahan Teknologi dan Pembangunan Kompetensi: Merangkumi aktiviti berasaskan kepakaran dan pengetahuan seperti rekabentuk sistem dan sub-sistem produk yang dibekalkan melalui Kontrak Perolehan Utama; yang akan menambah kebolehpayaan, kapasiti, kompetensi dan kemampunan Penerima **ICP** dalam bidang yang telah dikenalpasti . Pemindahan teknologi ini merangkumi pemindahan Hak Harta Intelek (*Intellectual Property Right - IPR*) yang berkaitan dengan teknologi yang dipindahkan bagi membolehkan pembangunan kompetensi yang berterusan dalam bidang yang telah dikenalpasti.
- d. Pelaburan Langsung Asing: Merangkumi akitiviti pelaburan oleh pelabur asing menyumbang kepada pembentukan syarikat usahasama dan perkongsian, pembangunan modal insan dan latihan industri, penambahan pelaburan dan lain-lain yang boleh mendokong pelaksanaan program yang dinyatakan di atas. Pelaburan ini boleh dianggap sebagai kredit **ICP** dan penilaiannya berdasarkan kepada faedah ekonomi yang diterima oleh Kerajaan Malaysia.

#### 16.2. Program *Offset* Tidak Langsung

Program-program di bawah kategori ini adalah merupakan program yang tidak berkaitan secara langsung atau tidak berkaitan langsung dengan produk atau peralatan yang diperolehi melalui Kontrak Perolehan Utama; dan dipersetujui oleh Kerajaan dan Penyedia **ICP**. Elemen paling utama Program *Offset* Tidak Langsung adalah pemindahan teknologi, peningkatan pengetahuan serta kemahiran, pembangunan kebolehpayaan industri dan pembangunan kompetensi modal insan.

- a. Pemindahan Teknologi, Pengetahuan dan Kemahiran: Aktiviti ini merangkumi:
- i. Kerjasama penjanaaan atau peningkatan pengetahuan sedia ada yang menghasilkan hak cipta (*patent*) dan **IPR**. Aktiviti ini membolehkan Penerima **ICP** menikmati hak eksklusif dan seterusnya memperkasa teknologi yang telah dibangunkan untuk pembangunan dan pengembangan kompetensi.
  - ii. Pembentukan silibus latihan industri bagi membangunkan modal insan, membina dan memperkembangkan kemahiran dalam industri yang berkaitan.
  - iii. Aktiviti latihan yang diperlukan untuk pengoperasian peralatan yang dibekalkan dalam Kontrak Perolehan Utama atau pembangunan kebolehpayaan (kompetensi) bagi pelaksanaan Kontrak Utama **tidak** boleh dikira sebagai Kredit **ICP**.
- b. Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (R&D&C): Merupakan sebahagian daripada struktur program **ICP** bagi tujuan membangunkan program **R&D&C** yang menyumbang kepada pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Fokus utama aktiviti ini adalah untuk mengkomersilkan produk yang mempunyai potensi pasaran yang dihasilkan melalui **R&D** universiti dan pusat penyelidikan tempatan. **R&D&C** tersebut perlu diselaraskan dengan aktiviti pemindahan teknologi, pengetahuan dan perkembangan kemahiran seperti di atas.
- c. Kandungan Tempatan: Aktiviti yang menyediakan platform bagi pengilang/pengeluar tempatan menyumbang kepada pembangunan, pengeluaran dan penggunaan produk tempatan (*Malaysian Local Content* (MLC)) dalam program **ICP** yang telah dipersetujui.

- d. Akses Pasaran Global: Merangkumi aktiviti Penyedia **ICP** sebagai pemudahcara kepada Penerima **ICP** dalam menyediakan akses, secara langsung atau tidak langsung kepada pasaran global melalui rangkaian perniagaan Penyedia **ICP**. Ini bertujuan bagi membolehkan Penerima **ICP** mengeksport atau mendapat kontrak yang berkaitan dengan aktiviti program **ICP** bagi memenuhi keperluan rantaian bekalan.
  
- e. Pelaburan Langsung Asing: Merangkumi akitiviti pelaburan oleh pelabur asing yang boleh mendokong pelaksanaan program **ICP** di Malaysia dalam sektor industri keutamaan yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia. Pelaburan ini boleh dianggap diambil kira sebagai kredit **ICP** dan penilaiannya adalah berdasarkan kepada faedah ekonomi yang diterima oleh Kerajaan Malaysia.

#### **PENGGUNAAN KANDUNGAN TEMPATAN MALAYSIA (MLC)**

17. Pengiraan Nilai Kredit **ICP** yang layak dipohon oleh Penyedia **ICP** adalah tertakluk di bawah inisiatif Kandungan Tempatan (*localisation*) dan berdasarkan kepada pematuhan Program **ICP** tersebut kepada syarat dan terma **MLC** yang ditetapkan.

18. Menjadi tanggungjawab Penyedia **ICP** untuk mematuhi dasar penggunaan bahan/barangan/perkhidmatan tempatan dalam usaha mengurangkan aliran keluar wang negara sejajar dengan dasar-dasar semasa.

19. Penyedia **ICP** perlu menggunakan sekurang-kurangnya tigapuluh peratus (30%) **MLC** dalam pelaksanaan **ICP** yang dicadangkan tertakluk kepada keputusan Kementerian Kewangan dari masa ke semasa dan keutamaan **MLC** adalah yang dikeluarkan oleh syarikat PKS tempatan. **MLC** yang telah digunakan bagi tujuan pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama tidak boleh dikira sebagai nilai kredit yang dijana dalam mematuhi keperluan Nilai Kredit **ICP**.

20. Penyedia **ICP** perlu memberi maklumat kepada Kerajaan, **TDA** dan **IMU** berkaitan kos yang berkaitan seperti di bawah bagi memastikan penggunaan **MLC** dari syarikat tempatan yang lebih efektif:

20.1. Jadual Bahan (*Bill of Material* - **BOM**);

20.2. Senarai spesifikasi dan kos keperluan ujian mengikut piawaian global;

20.3. Menyediakan senarai bahan **CKD** yang akan dibuat di Malaysia dan bahan pembuatan tempatan bagi komponen berkenaan adalah mandatori sekurang-kurangnya 30 peratus. Ianya juga hendaklah selaras dengan kemampuan industri tempatan yang mampu berdaya saing.

20.4. Menyediakan senarai pembekal-pembekal luar negara yang berpotensi bekerjasama dengan pembekal-pembekal tempatan melalui program bantuan teknikal atau usahasama untuk mendapatkan peluang pembuatan tempatan yang lebih efektif dan berkualiti. Kerjasama pembangunan nilai tambah ini adalah untuk komponen teknologi tinggi yang tidak terdapat di Malaysia.

21. Sekiranya Penyedia **ICP** tidak boleh melaksanakan **MLC** disebabkan perkara tertentu, Penyedia **ICP** perlu menyediakan dokumentasi ketidakakuran dan justifikasi bagi semakan **IC** dan kelulusan **MIEC** atau Pihak Berkuasa Melulus.

22. Elemen-elemen **MLC** termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

22.1. Tenaga Kerja: Tenaga kerja yang boleh dilaksanakan melalui penggunaan tenaga/jam kerja tempatan (*man hour*) berbayar bagi rekabentuk produk, memasang, menguji dan mentauliah peralatan atau sistem berkenaan. Keperluan tenaga kerja mahir tempatan bagi aktiviti-aktiviti yang melibatkan teknologi tinggi dan khusus mestilah diberi keutamaan berbanding dengan keperluan tenaga kerja tempatan bagi aktiviti yang melibatkan teknologi rendah seperti pengangkutan, mengecat dan sebagainya.

- 22.2. Teknologi Tempatan: Penggunaan teknologi yang dihasilkan di dalam negara.
- 22.3. Bahan Mentah dan Produk: Bahan mentah dan produk tempatan yang dibekalkan bagi pengilangan atau pengeluaran sesuatu produk hendaklah diperoleh di dalam negara atau sekiranya perlu diimport bagi produk separa siap, sekurang-kurangnya mengandungi bahan mentah tempatan.
- 22.4. Alat Ganti dan Komponen: Alat ganti dan komponen yang dibekalkan hendaklah memberi keutamaan perolehan dari pengilang/industri tempatan yang berasaskan hasil bahan mentah negara seperti getah asli, timah dan lain-lain.
- 22.5. Perkhidmatan: Perkhidmatan yang diperlukan diberi kepada syarikat tempatan sedia ada. Perkhidmatan ini termasuklah perkhidmatan logistik, insurans, perbankan, perkhidmatan pengangkutan dan lain-lain.
23. Pengiraan **MLC** adalah seperti di **Lampiran 2**.

#### **USAHASAMA (*JOINT-VENTURE - JV*) DAN PERKONGSIAN (*PARTNERSHIP*) DENGAN SYARIKAT TEMPATAN**

24. Penyedia **ICP** digalakkan untuk bekerjasama dengan syarikat tempatan dalam bentuk usaha sama (**JV**) dan perkongsian (*partnership*) sebagai platform untuk memacu pembangunan industri tempatan.
25. Sekiranya kerjasama yang dibuat adalah dalam bentuk **JV** yang dikuatkuasakan dengan undang-undang, penjana kredit **ICP** dalam usahasama itu mengambil kira jumlah pelaburan tunai yang dibuat oleh Penyedia **ICP** bagi tujuan pembentukan syarikat usahasama tersebut.

26. Syarikat usahasama yang dibentuk bagi memenuhi aspirasi Program **ICP** akan mendapat manfaat dimana Kerajaan akan mengambil **MLC** sebagai kredit **ICP** walaupun ianya dilaksanakan bagi tujuan memenuhi Kontrak Perolehan Utama tertakluk kepada terma dan syarat Kerajaan seperti di bawah:

- 26.1. Lebih 50 peratus ekuiti tempatan;
- 26.2. Lebih 50 peratus Pengurusan Kanan Syarikat adalah warga tempatan;
- 26.3. Lebih 70 peratus Pengurusan dan Eksekutif adalah warga tempatan;
- 26.4. Lebih 90 peratus Operator Pengeluaran adalah warga tempatan;
- 26.5. Lain-lain perkara yang memberi manfaat kepada pembangunan industri tempatan.

27. Syarikat usahasama yang dibentuk dan tidak selaras dengan kehendak Kerajaan bagi memenuhi aspirasi Program **ICP** tidak akan menerima manfaat Kredit **ICP** bagi aktiviti yang dilaksanakan bagi memenuhi keperluan Kontrak Utama Perolehan walaupun ianya mengandungi **MLC**.

28. Kerjasama yang dibuat adalah dalam bentuk perkongsian, penjana kredit **ICP** dalam perkongsian tersebut mengambil kira jumlah pelaburan tunai yang dibuat oleh Penyedia **ICP** bagi tujuan perkongsian tersebut.

29. Kerja-kerja yang dilaksanakan oleh perkongsian tersebut yang mengandungi **MLC** dan diberikan kepada rakan kongsi tempatan bagi memenuhi keperluan Kontrak Perolehan Utama serta menepati kriteria Program **ICP** boleh diambil kira sebagai kredit **ICP**.

### BAB 3 – PELAKSANAAN ICP

#### PENGENALAN

30. Pelaksanaan **ICP** di Malaysia hendaklah diurus tadbir berdasarkan kepada prinsip, syarat-syarat dan terma yang dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia memberi manfaat kepada pembangunan industri tempatan dan menyumbang kepada ekonomi negara. **Terma-terma dan syarat ICP ini perlu dipersetujui oleh Penyedia ICP sebelum Kontrak Perolehan Utama boleh ditandatangani.**

31. Bagi tujuan pengeluaran Surat Setuju Terima (**SST**) Kontrak Perolehan Utama, **IMU** (dengan nasihat dan perakuan **TDA**) dan Penyedia **ICP** perlu membuat **anggaran** Nilai Kredit **ICP** yang akan dijana berdasarkan kepada projek yang akan dilaksanakan. Oleh yang demikian, Penyedia **ICP** dan **IMU** perlu mengenal pasti projek-projek yang dipersetujui secara dasar dan akan dilaksanakan dalam Program **ICP** tersebut serta dinyatakan dalam **SST** tersebut.

32. Penyedia **ICP** dan **IMU** perlu memperincikan pelan pelaksanaan dan jangkaan keberhasilan serta penyampaian (*expected outcomes & deliverables*) dalam **Perjanjian Utama ICP (1<sup>st</sup> Tier ICP Agreement)**. Perjanjian ini hendaklah ditandatangani pada masa yang sama dengan Kontrak Perolehan Utama ditandatangani. Satu salinan Kontrak Perolehan Utama yang telah ditandatangani perlu diberi kepada **TDA**, **IMU** dan Unit Penyelarasan *Offset & Pemindahan Teknologi*, Bahagian Perolehan Kerajaan (**BPK**), **MOF** bagi tujuan rujukan.

33. Sekiranya Agensi sebagai Pemilik Program menggunakan pihak ketiga bagi pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama, Agensi tersebut perlu membenarkan **TDA** dan **IMU** untuk berhubung terus dengan pembekal-pembekal yang terlibat bagi merancang pelaksanaan **ICP** yang dikenalpasti.

34. Sekiranya Kontrak Perolehan Utama diberikan kepada **STU** dan seterusnya syarikat **STU** tersebut melantik syarikat **OEM** bagi tujuan pembekalan dan pelaksanaannya, syarikat **STU** tersebut perlu membenarkan pihak **TDA** dan **IMU** berhubung terus dengan pembekal-

pembekal tersebut bagi merancang pelaksanaan **ICP** yang dikenalpasti. Syarikat **OEM** juga perlu bersetuju membenarkan pihak **TDA** untuk berurusan secara terus dengan **OEM**.

## **PRINSIP**

35. Pelaksanaan **ICP** perlu dibentuk melalui program dan aktiviti yang membolehkan Kerajaan Malaysia memperolehi pulangan nilai terbaik (*value for money*) yang maksimum dari satu-satu perolehan itu. Oleh yang demikian, **ICP** di Malaysia akan secara amnya dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang berikut:

### 35.1. **Tiada Premium**

Kerajaan Malaysia **tidak akan membayar** sebarang premium sebagai bayaran tambahan untuk menampung pelaksanaan **ICP**.

### 35.2. **Faedah Bersama**

- a. Pelaksanaan **ICP** hendaklah menguntungkan dan memberi faedah kepada Kerajaan, Penyedia dan Penerima **ICP**.
- b. Penyedia **ICP** perlu memastikan kemampunan pelaksanaan **ICP** untuk jangka masa yang panjang melalui perancangan pelan perniagaan yang efektif.

### 35.3. **Penambahan (Nilai Tambah)**

- a. Semua aktiviti **ICP** hendaklah memberi nilai tambah dan meningkatkan sumbangan (*over and above*) kepada keperluan asas/mandatori yang dinyatakan dalam Kontrak Perolehan Utama untuk dipertimbangkan sebagai kredit **ICP**.

- b. Pihak Penyedia **ICP** perlu membuktikan kepada Kerajaan Malaysia nilai tambah dan peningkatan sumbangan tersebut yang diperolehi dari aktiviti **ICP** yang dilaksanakan.
- c. Justifikasi nilai tambah dan peningkatan sumbangan hanya diterima sekiranya pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama tidak bergantung kepada aktiviti **ICP** yang dilaksanakan. Justifikasi nilai tambah dan peningkatan sumbangan hanya diterima sekiranya aktiviti **ICP** yang dilaksanakan tidak menjejaskan pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama.

#### 35.4. **Punca aktiviti ICP**

**ICP** hendaklah dibentuk berdasarkan kepada:

- a. Satu kontrak perolehan Kerajaan Malaysia; atau
- b. Satu kontrak perolehan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (**GLC**); atau
- c. Mana-mana perolehan yang menggunakan dana yang disediakan atau dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia.

#### 35.5. **Tanggungjawab**

- a. Penyempurnaan pelaksanaan **ICP** terletak sepenuhnya kepada Penyedia **ICP**.
- b. **ICP** perlu dibangunkan berdasarkan falsafah pembangunan (*developmental role philosophy*) industri dan ekonomi tempatan. Justeru, Penyedia **ICP** perlu membuktikan kepada Kerajaan Malaysia komitmen dan usaha terbaik mereka (*best endeavor*) bagi memastikan kejayaan **ICP** yang dipersetujui.

- c. Sekiranya pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama menggunakan pihak ketiga (seperti *Project Delivery Partner*, *Turnkey Project* dan sebagainya), tanggungjawab pelaksanaan Program **ICP** adalah di bawah tanggungjawab Pemilik Program dan Penyedia **ICP**. Pemilik Program perlu memastikan pihak ketiga tersebut mematuhi syarat dan terma pelaksanaan Program **ICP** sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.
- d. Bagi tujuan pelaksanaan yang efektif dan efisien, **TDA** dan **IMU** perlu diberi kebenaran oleh Agensi yang membuat perolehan atau Pemilik Program untuk berhubung terus dengan pembekal-pembekal (**OEM**) untuk melaksanakan **ICP**.

#### 35.6. **Kemampuan**

Program yang dicadangkan hendaklah mempunyai kemampuan jangka panjang dari aspek pengoperasian dan sumbangan kepada ekonomi negara, melangkaui jangkamasa pelaksanaan **ICP** yang telah ditetapkan.

### **TERMA DAN SYARAT**

#### 36. **Had Nilai Minimum**

- 36.1. Setiap perolehan Kerajaan bernilai **RM50 juta ke atas** dari pembekal luar negara yang menggunakan dana yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia hendaklah melaksanakan Program *Offset* dan/atau Perdagangan Timbalbalas;
- 36.2. Setiap perolehan Kerajaan bernilai **RM100 juta ke atas** dari **STU** yang menggunakan dana yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia hendaklah melibatkan **Program Penguatan Ekonomi (PPE)**.

37. **Nilai Kredit ICP**

- 37.1. Nilai Kredit **ICP** (dalam Ringgit Malaysia) untuk satu program **ICP** hendaklah dikira berdasarkan kepada **kadar minimum seratus peratus (100%)** daripada nilai Kontrak Perolehan Utama. Jumlah keseluruhan Nilai Kredit **ICP** mengandungi nilai kredit yang diperolehi daripada program **PPE**, Perdagangan Timbalbalas dan *Offset*.
- 37.2. **IMU** adalah bertanggungjawab menilai kredit **ICP** bagi projek di bawah tanggungjawab mereka serta mematuhi spesifikasi **ICP** sebagaimana yang dinyatakan dalam **IRD**. **IMU** dan Penyedia **ICP** perlu menyediakan justifikasi bagi nilai kredit **ICP** tersebut bagi semakan **TDA** dan kelulusan **MIEC** atau **Pihak Berkuasa Melulus MOF**.
- 37.3. **IMU** dan Penyedia **ICP** perlu membuat anggaran Nilai Kredit **ICP** yang akan dijana dan projek yang akan dilaksanakan bagi tujuan pengeluaran Surat Setuju Terima (**SST**) Kontrak Perolehan Utama. Bagi tujuan tersebut, Penyedia **ICP** dan **IMU** perlu mengenal pasti projek-projek yang dipersetujui secara asas yang akan dilaksanakan dalam **ICP** tersebut.
- 37.4. Bagi tujuan Perjanjian **ICP**, nilai sebenar kredit **ICP** (dengan varian yang dibenarkan sebanyak +5%) yang akan dijana perlu dipersetujui untuk pelaksanaan. **IC** dengan nasihat **TDA** bertanggungjawab untuk memuktamadkan nilai kredit **ICP** yang disarankan untuk dimasukkan ke dalam Perjanjian Program **ICP** dan perlu mengemukakan kepada **MIEC** atau **Pihak Berkuasa Melulus MOF** bagi tujuan kelulusan.
- 37.5. Nilai Kredit **ICP** ini akan disemak dan aktiviti verifikasi akan dilaksanakan melalui proses Audit Pasca Pelaksanaan sebagaimana dinyatakan dalam Rangka Kerja Pengurusan **ICP** Malaysia.
- 37.6. Pengiraan Kredit **ICP** adalah seperti di **Lampiran 2**.

**38. Pegganda**

- 38.1. Pegganda akan digunakan terutamanya untuk tujuan penjanaaan kredit **ICP** bagi program yang memberi impak tinggi kepada pembangunan kebolehpayaan industri strategik dan sumbangan yang besar kepada ekonomi negara.
- 38.2. Penyedia **ICP** perlu merujuk kepada **TDA** berkaitan inisiatif dan keperluan utama Malaysia dalam membentuk **ICP** yang boleh menggunakan pegganda.
- 38.3. **TDA** dan **IMU** akan menilai impak projek-projek yang dicadangkan dalam satu-satu program **ICP** ke atas ekonomi dan pembangunan industri negara dalam perundingan bersama pembekal **ICP** dan organisasi berkaitan untuk memperuntukkan pegganda yang bersesuaian.
- 38.4. Pegganda adalah sebagaimana dalam **Lampiran 3**.
- 38.5. Pegganda yang lebih tinggi akan ditawarkan kepada Penyedia **ICP** sekiranya aktiviti di Perenggan 16.2.a, 16.2.b dan 16.2.c disertakan dengan opsyen pembelian semula.

**39. Kredit ICP**

- 39.1. Kredit **ICP** hanya akan diberikan Penyedia **ICP** sekiranya:
  - a. Penyedia **ICP** mematuhi terma pelaksanaan **ICP** yang disediakan oleh **TDA** dan **IMU**;
  - b. Penyedia **ICP** telah melalui proses Audit Pasca Pelaksanaan berdasarkan kepada kesediaan Penyedia **ICP**; dan
  - c. Pihak **TDA** berpuashati dengan bukti-bukti pelaksanaan **ICP** berdasarkan kepada verifikasi ke atas bukti pelaksanaan **ICP** dan dokumen yang diterima.

- 39.2. Kredit **ICP** hanya diberikan untuk:
- a. Aktiviti/perkara yang **bukan** menjadi syarat tender atau *pre-requisite* pelaksanaan Kontrak Utama Perolehan;
  - b. Aktiviti yang membentuk sumbangan tambahan (*over and above*) yang memberi nilai dan meningkatkan keperluan asas / mandatori pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama; dan
  - c. Aktiviti/perkara yang mematuhi terma dan syarat Dasar dan Garis Panduan **ICP** ini.
- 39.3. Kos peralatan dan kos penyediaan peralatan bagi tujuan pelaksanaan **MLC** boleh dikira sebagai sebahagian dari Nilai Kredit **ICP** sekiranya peralatan tersebut dibuat dan dibeli dari syarikat tempatan.
- 39.4. Sekiranya peralatan tersebut dibawa dari luar negara:
- a. Peralatan tersebut tidak boleh dikira sebagai sebahagian dari Nilai Kredit **ICP** sekiranya peralatan yang mempunyai fungsi yang sama boleh diperolehi dari pembuat tempatan;
  - b. Peralatan tersebut boleh dikira sebagai sebahagian dari Nilai Kredit **ICP** sekiranya peralatan yang mempunyai fungsi yang sama tetapi tidak boleh diperolehi dari pembuat tempatan, tertakluk kepada kelulusan **IC** dan pematuhan kepada syarat syarat yang dinyatakan dalam peraturan **MLC**.
  - c. Kredit **ICP** boleh dijana dari:
    - i. Kos pembelian peralatan termasuk harga peralatan yang mempunyai fungsi yang sama tetapi tidak boleh diperolehi dari pembuat tempatan seperti di Perenggan 39.4.d.ii.; atau

- ii. Kos upah pemasangan komponen/peralatan tersebut berdasarkan kepada jenis kerja yang diberikan dan lain-lain perkara berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan **MLC**.
- 39.5. Pihak Penyedia **ICP** perlu menyediakan dokumen yang diperlukan untuk dijadikan sebahagian bukti kepada pelaksanaan Program **ICP** semasa aktiviti Audit Pasca Pelaksanaan **ICP**.
- 39.6. Bagi tujuan verifikasi, pihak **IMU** bersama **TDA** perlu meneliti dokumen yang disediakan oleh Penyedia **ICP** bagi melaksanakan proses verifikasi ke atas kredit **ICP** yang diminta oleh Penyedia **ICP**.
- 39.7. Penyedia **ICP** perlu memastikan dokumen yang digunakan bagi tujuan verifikasi adalah bertepatan dengan dokumen yang diperlukan oleh **TDA** bagi tujuan tersebut.
- 39.8. Kerajaan Malaysia hanya mengiktiraf Surat Pelepasan Obligasi (seperti di **Lampiran 7**) yang yang dikeluarkan oleh **TDA** dan disahkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi tujuan bukti yang boleh dikemukakan oleh Penyedia **ICP** sekiranya ada keperluan untuk berbuat demikian.
40. **Perbankan Kredit ICP**
- 40.1. Penyedia **ICP** adalah digalakkan untuk melaksanakan aktiviti berkaitan **ICP** lebih daripada obligasi **ICP** setelah diberikan kontrak bekalan, perkhidmatan atau kerja. Usaha yang lebih ini dianggap sebagai satu nilai tambah yang akan diberi perhatian oleh Kerajaan.
- 40.2. Kerajaan boleh membenarkan aktiviti lebihan **ICP** yang menjana kredit **ICP** tersebut disimpan sebagai kredit **ICP** untuk obligasi program **ICP** pada masa hadapan dengan syarat aktiviti tersebut telah diluluskan dan perjanjian program **ICP** semasa telah dimeterai serta dilaksanakan sepenuhnya.

- 40.3. Perbankan Kredit **ICP** hanya dibenarkan ke atas lebih kredit **ICP** yang dijana semasa tempoh pelaksanaan program **ICP** tersebut yang lazimnya sama dengan tempoh pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama.
- 40.4. Bagi tujuan perbankan Kredit **ICP**, Penyedia **ICP** perlu menyatakan niat mereka untuk mendapatkan kemudahan perbankan Kredit **ICP** sekiranya terdapat lebih Kredit **ICP** bagi satu-satu program itu melalui permohonan bertulis kepada **IMU** dan salinan kepada **TDA**.
- 40.5. **TDA** dan **IMU** bagi program tersebut perlu melaksanakan verifikasi bagi memastikan lebih kredit tersebut adalah layak untuk tujuan perbankan kredit **ICP**.
- 40.6. Penyedia **ICP** yang merancang untuk menggunakan kemudahan kredit **ICP** hendaklah menyatakan terlebih dahulu niat mereka semasa penyerahan tender. Penyedia **ICP** boleh menggunakan Kredit **ICP** yang disimpan dengan **had maksimum 50%** dari Obligasi **ICP** baru.
- 40.7. Kerajaan mempunyai hak untuk mempertimbang atau menolak permohonan Penyedia **ICP** untuk memindahkan Kredit **ICP** kepada pihak lain yang terlibat dalam Obligasi **ICP** dengan Kerajaan tertakluk kepada **had maksimum 50%** dari Obligasi **ICP** baru.
- 40.8. Akaun kredit bank **ICP** tersebut hanya sah bagi tempoh selama **5 tahun dari tarikh permulaan** kredit lebih tersebut disimpan, dan selepas tamat tempoh tersebut kredit **ICP** adalah luput. Dalam keadaan tertentu, tempoh ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada kelulusan **IC** dan **MIEC** atau **Pihak Berkuasa Melulus**.
- 40.9. Penyedia **ICP** tidak dibenarkan untuk mengumpul kredit sekiranya mereka masih mempunyai obligasi **ICP** lain dengan mana-mana Projek **ICP** di Malaysia pada masa yang sama.

- 40.10. Pihak **IMU** perlu melakukan verifikasi terhadap permohonan daripada Penyedia **ICP** dan dikemukakan kepada **IC** untuk diperakukan.
- 40.11. Setelah diperakukan, pihak **IMU** perlu menghantar permohonan tersebut kepada **TDA** untuk tujuan verifikasi dan proses kelulusan **MIEC** atau Pihak Berkuasa Melulus.
- 40.12. **TDA** perlu menyimpan satu rekod perbankan kredit **ICP** yang disimpan oleh Penyedia-Penyedia **ICP** bagi tujuan rujukan.

#### 41. **Perbankan Kredit Pra-ICP**

- 41.1. **OEM** boleh melaksanakan Perbankan Kredit Pra-**ICP** atas dasar sukarela. Walau bagaimanapun, **OEM** perlu mendapatkan kelulusan dari **MIEC** atau Pihak Berkuasa Melulus sebelum aktiviti yang dicadangkan dilaksanakan dan direkodkan sebagai Kredit Pra-**ICP**.
- 41.2. Perbankan Kredit Pra-**ICP** tidak akan menjamin **OEM** tersebut mendapat kontrak perolehan Kerajaan yang akan dilaksanakan.
- 41.3. Kerajaan akan membenarkan aktiviti Perbankan Kredit Pra-**ICP** oleh **OEM** berdasarkan kepada penilaian keperluan dan kepentingan strategik negara dalam membangunkan industri terpilih.
- 41.4. Aktiviti **ICP** yang menjana Kredit Pra-**ICP** perlu dirujuk kepada **TDA** bagi tujuan pelaksanaan, pemantauan dan verifikasi. Bagi memastikan Kredit Pra-**ICP** diiktiraf, syarat-syarat dan proses-proses sebagaimana dalam Rangkakerja Pengurusan **ICP** Malaysia perlu dipatuhi oleh **OEM**.
- 41.5. **OEM** yang merancang untuk menggunakan kemudahan kredit Pra-**ICP** yang telah disimpan hendaklah menyatakan terlebih dahulu niat mereka semasa penyerahan tender.

- 41.6. Akaun Kredit Pra-**ICP** tersebut hanya sah **bagi tempoh selama 5 tahun dari tarikh diperbankan** dan tertakluk kepada kadar berikut:
- a. **Tahun 1 hingga 2:** Nilai kredit yang ada adalah 100% sama dengan nilai yang telah disimpan;
  - b. **Tahun 3:** Nilai kredit susut 50% dari nilai kredit tahun sebelumnya atau nilai kredit semasa;
  - c. **Tahun 4:** Nilai kredit susut 30% dari nilai pada tahun 3 atau nilai kredit semasa;
  - d. **Tahun 5:** Nilai kredit susut 20% dari nilai pada tahun 4;
  - e. **Tahun 6 dan keatas:** Nilai kredit adalah yang disimpan akan luput.
- 41.7. Dalam keadaan tertentu, tempoh ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada **MIEC** atau Pihak Berkuasa Melulus **MOF**.
- 41.8. Bagi tujuan rujukan, **TDA** akan menyimpan satu rekod perbankan kredit Pra-**ICP** yang disimpan oleh **OEM**.
42. **Kos**
- 42.1. Sebarang kos berkaitan pelaksanaan program **ICP** yang tidak melibatkan perbelanjaan di bawah tanggungan Kerajaan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Penyedia **ICP**.
- 42.2. Sebarang kos tanggungan Kerajaan adalah terhadap kepada penyediaan pasport dan tuntutan perjalanan rasmi pegawai Kerajaan dan perkara-perkara lain yang dipersetujui bersama di antara Kerajaan dan Penyedia **ICP**.
- 42.3. Di dalam keadaan tertentu di mana Penyedia **ICP** menggunakan perkhidmatan yang dibeli daripada pihak ketiga, sebarang kos hendaklah ditanggung oleh Penyedia **ICP** dan/atau pihak ketiga tersebut. Penyedia **ICP**

boleh membuat permohonan kepada **IMU** untuk memasukkan kos tersebut sebagai sebahagian dari Kredit **ICP** yang dituntut tertakluk kepada kelulusan **IC** dan **TDA**.

- 42.4. **IC** bertanggungjawab untuk menyemak, melulus dan membenarkan semua aktiviti **ICP** (kecuali yang berkaitan dengan **Kredit ICP** dan tempoh pelaksanaan **ICP**) yang dilaksanakan di bawah Agensi/**STU** yang melakukan perolehan tersebut tertakluk kepada had kelulusan yang telah ditetapkan.

#### 43. **Tukaran Asing**

Nilai obligasi/kredit **ICP** hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (**RM**). Dalam keadaan di mana tuntutan semasa dikemukakan dalam bentuk mata wang lain, ia hendaklah ditukarkan kepada mata wang **RM** mengikut kadar tukaran asing rasmi yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

#### 44. **Tempoh Penyempurnaan**

- 44.1. Obligasi **ICP** lazimnya disempurnakan dalam tempoh pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama. Penyedia **ICP** boleh berunding dengan Kerajaan melalui **TDA** dan **IMU** untuk pelanjutan masa tertakluk kepada kelulusan **MIEC** atau Pihak Berkuasa Melulus.
- 44.2. Bagi obligasi program **ICP** yang diwujudkan berdasarkan kepada Kontrak Perolehan Utama yang melibatkan penyewaan (*leasing*):
- a. Sekiranya tempoh penyewaan tersebut kurang dari 5 tahun, tempoh penyempurnaan obligasi **ICP** adalah sama dengan tempoh penyewaan;
  - b. Sekiranya tempoh penyewaan tersebut adalah melebihi 5 tahun, tempoh penyempurnaan obligasi **ICP** adalah 5 tahun; dan

- c. Tatacara pengiraan Kredit **ICP mandatori** menggunakan pendekatan sewaan adalah seperti di **Lampiran 2**.

#### 45. **Komunikasi dan Dokumentasi**

Sebarang komunikasi dan dokumentasi daripada pihak Penyedia **ICP** kepada Penerima **ICP** serta pihak-pihak yang berkaitan mestilah menggunakan Bahasa Melayu dan/atau Bahasa Inggeris sahaja. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam pentafsiran pelaksanaan dasar ini, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai.

#### **PEMATUHAN KEPADA POLISI ICP**

46. Pihak Agensi dan Penyedia **ICP** hendaklah mematuhi peraturan **ICP** sebagaimana yang dinyatakan dalam Dasar dan Garis Panduan **ICP** dalam Perolehan Kerajaan ini.

46.1. Ketidapatuhan kepada Dasar **ICP** oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi Agensi disebabkan oleh kecuaiannya pegawai terbabit membolehkan tindakan diambil selaras dengan 1Pekeliling Perbendaharaan/PK 8;

46.2. Ketidapatuhan Pembekal kepada Dasar **ICP** akan menyebabkan syarikat pembekal/Penyedia **ICP** akan diambil tindakan berdasarkan syarat-syarat dan klausa-klausa Kontrak Perolehan Utama dan Perjanjian Utama **ICP**.

#### 47. **Ketidapatuhan Perjanjian Utama ICP**

Penyedia **ICP** yang gagal menyempurnakan Obligasi **ICP** sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Utama **ICP** akan menyebabkan:

47.1. Syarikat pembekal/Penyedia **ICP** dikenakan penalti yang akan ditolak dari Bon Pelaksanaan; dan

- 47.2. Syarikat pembekal/Penyedia **ICP** akan diambil tindakan berdasarkan syarat-syarat dan klausa-klausa kontrak/perjanjian.

48. **Bon Pelaksanaan**

- 48.1. Secara amnya, Penyedia **ICP** dikehendaki menyediakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank kepada Kerajaan dari bank/syarikat kewangan Malaysia yang bernilai lima peratus (5%) daripada nilai Kontrak Perolehan Utama.
- 48.2. Bagi **STU** yang melaksanakan **PPE**, Bon Pelaksanaan adalah selaras dengan **1Pekeliling Perbendaharaan/PK 2**.
- 48.3. Bagi Penyedia **ICP**, Jaminan Bank Kontrak Perolehan Utama boleh dijadikan sebagai Bon Pelaksanaan Program **ICP** dan ini perlu dinyatakan dalam Jaminan Bank Kontrak Perolehan Utama. Walau bagaimanapun, Penyedia **ICP** perlu menyediakan Jaminan Korporat (Corporate Guarantee) sebagai jaminan pelaksanaan Program **ICP**.
- 48.4. Format Jaminan Bank adalah sebagaimana dalam **Jadual B Lampiran 4**.
- 48.5. Tempoh sah laku Jaminan Bank hendaklah bermula dari tarikh kuatkuasa Kontrak Utama Perolehan **sehingga 12 bulan** selepas pelaksanaan penuh Program **ICP** dan penyempurnaan jumlah Nilai Kredit **ICP** mandatori.
- 48.6. Sekiranya tempoh pelaksanaan Program **ICP** perlu dilanjutkan oleh sebab-sebab tertentu yang diterima, **IC** perlu mengenalpasti syarat-syarat keperluan bagi pelanjutan Jaminan Bank/Korporat bagi Program **ICP** tersebut oleh Pihak Penyedia **ICP**.
- a. Nilai Bon Pelaksanaan yang dikenakan adalah 10% dari baki nilai nominal program **ICP** (sah sehingga 12 bulan selepas tarikh pelaksanaan penuh Program **ICP**).

- b. Sekiranya tempoh tersebut tamat dan program **ICP** masih tidak lagi dapat dipenuhi, Penyedia **ICP** perlu menyediakan Bon Pelaksanaan tambahan bernilai 10% dari nilai nominal program **ICP** yang belum dipenuhi; dan
- c. Proses di atas akan berulang sehingga keperluan **ICP** dipenuhi sepenuhnya.

#### 49. **Penalti**

- 49.1. Penalti akan dikenakan kepada Penyedia **ICP** yang gagal atau tidak melaksanakan sepenuhnya obligasi **ICP** apabila tempoh pelaksanaan sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Kontrak Utama Program **ICP** telah tamat dan Audit Pasca Pelaksanaan dilaksanakan.
- 49.2. Satu jawatankuasa akan ditubuhkan oleh **TDA** bagi menyiasat dan mengenalpasti punca sesuatu **ICP** itu gagal atau tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Laporan siasatan akan diberikan kepada **MOF** dan **IC** untuk tindakan selanjutnya.
- 49.3. Proses pengurusan dan pengiraan penalti yang akan dikenakan terhadap Program **ICP** yang tidak disempurnakan adalah sebagaimana dalam **Lampiran 5**.
- 49.4. Sekiranya punca kegagalan Program **ICP** tersebut adalah disebabkan oleh Penyedia **ICP**, penalti/pampasan yang telah dikenalpasti sebagaimana pengiraan di atas akan ditolak dari Bon Pelaksanaan.

## BAB 4 – RANGKA KERJA PENGURUSAN PROGRAM ICP MALAYSIA

### PENGENALAN

50. Satu rangka kerja yang dikenali sebagai Rangka Kerja Pengurusan Program **ICP** Malaysia telah dibentuk sebagai garis panduan pelaksanaan Program **ICP** di Malaysia. Rangka kerja ini bertujuan untuk memberi panduan kepada organisasi yang terlibat dengan pelaksanaan Program **ICP**. Rangka kerja ini di bentuk secara berstruktur agar proses pelaksanaannya lebih teratur, efisien dan memberi impak yang lebih baik kepada pembangunan industri dan ekonomi negara.

51. Perincian ringkasan proses yang terlibat di dalam program **ICP** adalah sebagaimana yang ditunjukkan di **Lampiran 1**.

### PRA-PELAKSANAAN

52. Agensi yang akan membuat perolehan yang melayakkan Program **ICP** perlu memaklumkan cadangan perolehan tersebut kepada **MOF/TDA** sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh pengeluaran tender bagi membolehkan perancangan **ICP** dibuat dengan lebih efektif. Agensi perlu bekerjasama dengan **MOF/TDA** bagi membentuk strategi **ICP** yang akan dilaksanakan.

53. **TDA** akan mengenalpasti keperluan pelaksanaan **ICP** untuk perolehan tersebut berdasarkan kepada nilai, keperluan dan impak strategik yang mendokong aspirasi strategik negara.

54. **TDA** perlu mengenalpasti asas pembentukan strategi pelaksanaan (**ICP** Strategy Document - **ISD**) dan **IMU** yang layak bagi urustadbir Program **ICP** yang telah dikenalpasti. **ISD** ini akan digunakan sebagai dasar kepada pelaksanaan Program **ICP** dalam tempoh pelaksanaan yang telah ditetapkan.

55. **ISD** perlu dibentang dan diperaku oleh Kementerian Kewangan bagi tujuan kelulusan **MIEC** atau Pihak Berkuasa Melulus sebelum pelaksanaannya.

## PERMULAAN PROSES ICP

56. MOF/TDA adalah bertanggungjawab untuk menasihatkan Agensi bagi penubuhan Jawatankuasa **ICP (IC)**.
57. **IC** akan ditubuhkan di Agensi yang membuat perolehan selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh tender dikeluarkan untuk memberi halatuju dan panduan strategik serta memantau pelaksanaan Program **ICP** yang dikenalpasti.
58. **IMU** perlu ditubuhkan/dilantik untuk menjadi sekretariat kepada **IC** dan pelaksana Program **ICP** di Agensi.
59. Agensi boleh mendapatkan bantuan **TDA** sekiranya Agensi tidak mempunyai struktur **IMU** dan ianya diperlukan bagi pelaksanaan aktiviti **ICP** yang dikenalpasti. Walau bagaimanapun, Agensi perlu mendapatkan kelulusan secara bertulis dari MOF dan **TDA** sekiranya, Agensi ingin mewujudkan melantik **IMU** sendiri.
60. Dengan bantuan **TDA**, **IMU** bertanggungjawab membentuk **ICP Requirement Document (IRD)** sebagai salah satu dokumen utama tender untuk perolehan Kerajaan yang akan dikeluarkan kepada pembida yang akan dijadikan sebagai garis panduan cadangan Program **ICP**.
61. **TDA** sebagai Ahli Tetap dalam Jawatankuasa Penyediaan Tender **IMU** Agensi perlu memperakukan **IRD** tersebut sebelum ianya dibentangkan kepada **IC**. Jenis jenis projek **ICP** yang dikehendaki dimasukkan dalam **IRD** hendaklah jelas dan spesifik.
62. **IC** perlu meluluskan **IRD** sebelum disertakan sebagai salah satu dokumen tender.

## **TENDER**

63. Tender bagi Kontrak Perolehan Utama perlu disertakan dengan **IRD** yang dikeluarkan oleh **IMU** dan diperakukan oleh **TDA** dan **IMU** sebagai sebahagian dari dokumen tender.
64. Syarikat yang mengemukakan bidaan hendaklah mengesahkan secara rasmi cadangan **ICP** apabila dokumen tender dihantar. Cadangan ini hendaklah menyatakan permohonan untuk menggunakan kredit **ICP** yang disimpan (sekiranya ada) dengan menyatakan pemegang akaun dan nilai yang hendak dipindahkan.
65. Satu sesi penerangan berkaitan **IRD** perlu diadakan oleh **IMU/TDA** bagi memastikan pemahaman pembida berkaitan keperluan program **ICP** dalam tender tersebut.
66. Pembida hendaklah memberi keutamaan dalam respon mereka kepada **IRD** kepada bidang yang menjadi keutamaan Kerajaan Malaysia seperti (tetapi tidak terhad kepada) pelaksanaan kerja-kerja pakej kontrak untuk pembangunan dan pembuatan kelengkapan dalam negara, pemindahan teknologi dan pengetahuan, kerjasama **R&D&C** dan pelaburan.
67. **IMU/TDA** dikehendaki memberi penjelasan berkaitan jangka masa dan Nilai Kredit **ICP** Mandatori program **ICP** tersebut yang perlu dilaksanakan.

## **PENILAIAN CADANGAN ICP**

68. **TDA** dan **IMU** perlu menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian **ICP** (**IEC**) bagi membuat penilaian ke atas cadangan **ICP** yang diberikan oleh pembida 2 minggu sebelum tarikh tender ditutup.
69. Jawatankuasa Penilaian **ICP** hendaklah menganalisa cadangan yang dikemukakan dan mengadakan satu sesi penjelasan berkenaan cadangan itu dengan pembida (sekiranya perlu).

70. Penilaian cadangan **ICP** dan Nilai Kredit **ICP** yang akan dijana dari program tersebut ini perlu diperakukan/dimuktamadkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penilaian.

71. Cadangan program **ICP** tersebut hanya boleh diserahkan kepada **IC** untuk kelulusan apabila **TDA** telah menyemak pematuhan kepada aspirasi negara, kualiti, jumlah nilai kredit dan kos (jika ada).

72. **IMU/TDA** hendaklah membentangkan rumusan penilaian cadangan program **ICP** oleh pembida kepada Lembaga Perolehan 'A' Agensi (atau satu jawatankuasa yang setaraf sekiranya perolehan dibuat oleh **STU**) dan memasukkan keputusan penilaian tersebut sebagai salah satu kriteria utama di dalam pemilihan pembekal/kontraktor/syarikat untuk perolehan utama.

73. Lembaga Perolehan 'A' Agensi (atau satu jawatankuasa yang setaraf sekiranya perolehan dibuat oleh **STU**) yang membuat perolehan bertanggungjawab untuk memperakukan keputusan tender dan seterusnya dikemukakan untuk kelulusan **MOF** atau **MIEC** atau Pihak Berkuasa Melulus **MOF**.

74. Satu ringkasan **ICP** yang perlu dilaksanakan oleh pembida yang terpilih perlu disediakan oleh **TDA/IMU** sebagai persetujuan asas **ICP** yang akan disertakan dalam Surat Setuju Terima (**SST**).

#### **AUDIT PENERIMA ICP (IRA)**

75. **TDA** akan memaklumkan cadangan pelaksanaan Program **ICP** kepada industri tempatan melalui pengiklanan, siawara atau apa-apa cara yang berpatutan.

76. Syarikat tempatan perlu memaklumkan kepada **TDA** dan **IMU** niat mereka untuk menyertai Program **ICP** melalui platform yang disediakan.

77. Pihak syarikat tempatan yang berminat untuk menyertai Program **ICP** tersebut perlu menyerahkan dokumen yang mengandungi maklumat sebagaimana yang diminta oleh pihak **TDA** dan **IMU** bagi memulakan proses Audit Penerima **ICP**.

78. Pihak **TDA** dan **IMU** hendaklah melaksanakan Audit Penerima **ICP** bagi mengenalpasti kesesuaian syarikat yang berminat untuk menyertai Program **ICP**. Audit ini perlu **dIMU**lakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan notis pengeluaran SST kepada pembekal yang terpilih oleh Pemilik Program.

79. **IRA** juga boleh dibuat lebih awal melalui senarai penerima **ICP** berpotensi di dalam pangkalan data **TDA** yang sedia ada.

80. Pihak **IMU** hendaklah memaklumkan syarikat yang telah diaudit tentang keputusan penyertaan syarikat itu dalam Program **ICP** yang akan dilaksanakan.

81. Keutamaan akan diberikan kepada syarikat tempatan yang mempunyai kriteria berikut sebagai penerima **ICP**:

81.1. Syarikat bertaraf Bumiputera;

81.2. Berdaftar di bawah Polisi Laluan Hijau 1Pekeliling Perbendaharaan/PK 1; atau mempunyai penarafan *Small & Medium Enterprises Corporation (SME Corp)* SCORE 3 bintang ke atas (atau InnoCert); atau ahli kumpulan **MIDES** dan lain-lain kriteria yang difikirkan perlu oleh Kerajaan Malaysia;

81.3. Mempunyai kapasiti dan kemampuan dalam melaksanakan program **ICP** yang telah dikenalpasti.

a. Pemilihan penerima **ICP** hendaklah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

b. Tempoh pelaksanaan Audit penerima **ICP** bagi satu program hendaklah diselesaikan selewat-lewatnya **12 bulan** selepas perjanjian **ICP** ditandatangani.

82. Pemilihan muktamad Penerima **ICP** adalah oleh **IC** dan diperakukan oleh **MIEC** atau **Pihak Berkuaa Melulus MOF**.

83. Syarikat yang dipilih dan bersetuju menjadi Penerima **ICP** adalah tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini untuk perolehan Kerajaan yang berkaitan.

84. Tempoh sah maklumat IRA adalah selama dua (2) tahun. Syarikat perlu diaudit semula sekiranya syarikat tersebut tidak dipilih sebagai Penerima **ICP** dan berminat untuk menyertai satu Program **ICP** yang lain.

### **PERJANJIAN UTAMA ICP (1ST TIER AGREEMENT)**

85. Agensi hendaklah memasukkan klausa berkaitan pelaksanaan/penguatkuasaan **ICP** yang menjadi obligasi **STU/Penyedia ICP** di dalam dokumen kontrak utama.

86. Pembekal/kontraktor/syarikat yang dipilih dikehendaki menandatangani Perjanjian Utama **ICP** sebagai terma dan syarat Penyedia **ICP** dengan Agensi yang membuat perolehan sebagai kontrak tambahan kepada Kontrak Perolehan Utama.

87. Pihak Agensi perlu memastikan penglibatan Penasihat Undang-Undang Agensi/Panel Peguam dalam merangka Perjanjian Utama Program **ICP**.

88. Bergantung kepada saiz, skop dan intensiti Program **ICP**, Perjanjian Program **ICP** adalah merupakan ringkasan berkaitan projek-projek **ICP** yang akan dilaksanakan oleh Penyedia **ICP**. Perincian setiap projek **ICP** yang akan dilaksanakan hendaklah dinyatakan di dalam Perjanjian Sekunder Program **ICP** (*2nd Tier Agreement*) atau *Letter of Undertaking (LoU)*.

89. Penyedia **ICP** perlu memastikan pematuhan penuh seratus-peratus kepada Nilai Kredit **ICP** Mandatori dengan kadar yang berikut:

- 89.1. Sekurang-kurangnya 40% dari Nilai Kredit **ICP** Mandatori dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia sebelum Perjanjian Utama Program **ICP** ditandatangani;  
dan

- 89.2. Baki dari Nilai Kredit **ICP** Mandatori tersebut (sekurang-kurangnya 60%) perlu dikenalpasti dan dipersetujui dalam masa **tidak melebihi 12 bulan** selepas Perjanjian Utama Program **ICP** ditandatangani.
90. Penyedia **ICP** dikehendaki untuk menandatangani Kontrak Perolehan Utama dan Perjanjian Utama **ICP** secara serentak.
91. Sekiranya Perjanjian Utama **ICP** tidak dapat ditandatangani serentak dengan Kontrak Perolehan Utama, ianya hendaklah ditandatangani sebelum Bayaran Berjadual Pertama kepada OEM dilaksanakan. Kegagalan untuk menandatangani perjanjian tersebut akan menyebabkan Pembayaran Berjadual (*Scheduled Payment*) Pertama ditangguhkan.
92. Selanjutnya, tarikh tandatangan yang dicadangkan hendaklah dijadikan salah satu jadual perbatuan (*milestone*) dalam Jadual Pembayaran (pembayaran pertama) di dalam Kontrak Perolehan Utama bagi membolehkan pembayaran berkaitan dibuat.
93. Sekiranya Kontrak Perolehan Utama adalah diterajui oleh **STU**, Perjanjian Utama Program **ICP** adalah merupakan perjanjian tiga pihak di antara pihak Penyedia **ICP**, **STU** dan Kerajaan Malaysia (diwakili oleh **TDA**) sebagai pemantau.
94. Sekiranya Kontrak Perolehan Utama adalah diterajui oleh Agensi Kerajaan, Perjanjian Utama **ICP** adalah merupakan perjanjian dua pihak di antara pihak Penyedia **ICP** dan Kerajaan Malaysia di mana **TDA** (bersama Kerajaan) akan berfungsi sebagai pemantau. Contoh Perjanjian Utama **ICP** adalah sebagaimana di **Lampiran 4**.
95. Rayuan kelonggaran/lanjutan tempoh pelaksanaan **ICP** perlu mendapat kelulusan **MIEC** atau Pihak Berkuasa Melulus **MOF**.

#### **PERJANJIAN SEKUNDER ICP (2ND TIER AGREEMENT)**

96. Penyedia **ICP** dan **IMU** hendaklah menyediakan Perjanjian Sekunder **ICP** (*2nd Tier Agreement*) atau LoU selewat-lewatnya 12 bulan selepas Perjanjian Utama **ICP** ditandatangani bagi memperincikan projek **ICP** yang akan dilaksanakan.

97. Perjanjian Sekunder **ICP** adalah merupakan perjanjian tiga pihak di antara pihak Penyedia **ICP**, Penerima **ICP** dan Kerajaan Malaysia sebagai pemantau.

98. Kelewatan dalam menandatangani Perjanjian Sekunder **ICP** akan menyebabkan Penyedia **ICP** didenda sebanyak 5% yang akan ditolak dari daripada nilai keseluruhan **ICP** (Nilai Kredit **ICP** tersebut).

99. Pembayaran denda ini tidak akan melepaskan Penyedia **ICP** dari obligasi asal pelaksanaan **ICP** yang telah ditetapkan. Penyedia **ICP** masih lagi tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian Utama **ICP**.

### **PEMANTAUAN DAN LAPORAN**

100. **IMU** hendaklah memantau pelaksanaan program **ICP** dan prestasi Penyedia **ICP**. Penyedia **ICP** hendaklah mengemukakan laporan kepada **TDA/IMU** secara berkala atau sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Utama **ICP**.

101. Penyedia **ICP** akan dikenakan denda (sila lihat Jadual 1 di bawah) dari jumlah Nilai Kredit **ICP** keseluruhan yang akan ditolak dari Nilai Kredit **ICP** keseluruhan pada setiap bulan kelewatan laporan dari tarikh yang telah ditentukan.

Kelewatan	Amaan Denda
0 – 29 hari	0.01% dari Jumlah Nilai Credit ICP
30 – 60 hari	0.02% dari Jumlah Nilai Credit ICP
61 – 90 hari	0.04% dari Jumlah Nilai Credit ICP
Lebih dari 90 hari	0.10% dari Jumlah Nilai Credit ICP

**Jadual 1:** Jadual Denda Kelewatan Mengemukakan Laporan Pelaksanaan **ICP**

102. **IMU** hendaklah mengemukakan laporan kepada **TDA** secara berkala pada setiap 3 bulan untuk tujuan pemantauan prestasi. Tatacara pemantauan dan laporan hendaklah berasaskan kepada ‘amalan terbaik’ Pengurusan Projek (*Project Management Best Practices*).

103. Laporan hendaklah merangkumi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam tempoh yang dipersetujui dalam perjanjian **ICP**. Sekiranya laporan tidak diterima atau tidak tepat, pembelian/transaksi/aktiviti yang dijalankan semasa jangkamasa tersebut tidak boleh diterima sebagai kredit **ICP**. Contoh Laporan adalah seperti di **Lampiran 6**.

104. **TDA** hendaklah melaksanakan Audit Pemantauan (*Surveillance Audit*) sekiranya diperlukan bagi memastikan pelaksanaan **ICP** adalah selaras dengan Perjanjian **ICP** yang telah ditandatangani.

105. **TDA** hendaklah menyediakan laporan berkala kepada MOF bagi tujuan rekod dan laporan status kemajuan pelaksanaan **ICP**.

#### **AUDIT PEMANTAUAN (SURVEILLANCE AUDIT)**

106. Sekiranya terdapat permohonan dari **IMU**, Penyedia **ICP** atau mana-mana pihak yang berkepentingan, **TDA** akan melaksanakan proses Audit Pemantauan bagi mengenalpasti isu-isu berkaitan pelaksanaan yang ditimbulkan.

107. Audit Pemantauan akan dilaksanakan oleh pihak yang dilantik oleh **MOF** dan di bawah pengawasan **TDA**. Audit ini dilaksanakan bagi menyemak keberkesanan dan prestasi sesuatu pelaksanaan **ICP**.

108. Penyedia **ICP** perlu mematuhi kehendak audit dan menyediakan dokumen yang diperlukan bagi membolehkan tim audit melakukan semakan dan pengesahan.

109. Laporan Audit Pemantauan akan disediakan untuk rujukan **IC** dan **MOF** bagi tindakan selanjutnya.

## AUDIT PASCA PELAKSANAAN

110. **TDA** hendaklah melaksanakan Audit Pasca pelaksanaan bagi semua projek-projek di dalam program **ICP**. Audit ini adalah bertujuan untuk:

110.1. Mengenalpasti Kredit **ICP** yang layak untuk diberikan kepada Penyedia **ICP**;

110.2. Menilai impak pelaksanaan program **ICP**;

110.3. Menilai dan mengesahkan pematuhan pelaksanaan projek berbanding perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Utama Program **ICP**; dan

110.4. Melaksanakan proses dan prosedur penalti (sekiranya ada).

111. **IMU** perlu memastikan Penyedia **ICP** menyediakan dokumen yang diperlukan bagi tujuan audit. Dokumen ini hendaklah dijadikan eksibit kepada pelaksanaan aktiviti Audit Pasca Pelaksanaan **ICP**. Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

111.1. Salinan kontrak untuk penempatan kerja dengan mana-mana syarikat yang dikenalpasti oleh Agensi yang menjalankan perolehan;

111.2. Perincian maklumat yang mengandungi tatacara pemindahan kemahiran dan pengetahuan kepada Penerima **ICP**;

111.3. Perincian maklumat mengenai teknologi yang telah dipindahkan/ digunakan;

111.4. Perincian maklumat mengenai latihan diberikan;

111.5. Perincian maklumat yang mengandungi semua maklumat pelaburan (sama ada dalam bentuk ekuiti, kelengkapan modal, peralatan, *jig* atau kelengkapan yang dibuat atau lain lain), pinjaman bercagar, penyata kewangan, kontrak jualan, perjanjian usaha sama, perjanjian pemegang saham, artikel persatuan, dan/atau sumbangan pengurusan;

111.6. Perincian maklumat mengenai pelaburan ke atas projek penambahbaikan ekonomi seperti pembuatan dan perkhidmatan, dan juga pewujudan projek berkaitan pendidikan, infrastruktur dan kesihatan yang menyokong objektif serta hasrat Kerajaan;

111.7. Perincian maklumat berkaitan aktiviti pemudahcaraan Penyedia **ICP** yang membolehkan penerima **ICP** mendapat kontrak pakej kerja atau akses kepada pasaran global; dan/atau

111.8. Mana-mana bentuk dokumen komersil yang diterima pakai oleh amalan perakaunan dan pengauditan antarabangsa.

112. Berdasarkan kepada laporan Audit Pasca Pelaksanaan, sekiranya ada perkara yang boleh menyebabkan penalti, **TDA** perlu melaksanakan Proses dan Prosedur Pengurusan Penalti (**Rujuk kepada Lampiran 5**).

## **PELEPASAN OBLIGASI**

113. Setelah semua aktiviti dilaksanakan dan obligasi **ICP** dipenuhi mengikut Perjanjian Utama **ICP**, **IMU** hendaklah mencadangkan pelepasan obligasi Penyedia **ICP** kepada **IC** untuk sokongan dan **MIEC** atau Pihak Berkuasa Melulus MOF untuk kelulusan.

114. Penyedia **ICP** yang memohon pelepasan obligasi dikehendaki untuk mengemukakan permohonan tuntutan kredit, laporan pelaksanaan Program **ICP** kepada **IMU** untuk semakan dan **TDA** untuk verifikasi.

1. Lubang untuk laluan punca perkhidmatan elektrik dan mekanikal perlu disediakan/dipotong pada papak berpandukan kepada lokasi dan laluan yang dinyatakan di dalam lukisan berkaitan.
2. Menyediakan laluan konduitpaip elektrik dan mekanikal pada lapisan *screeding/topping* di atas papak.

Nota : Jika terdapat siling dari jenis gantung, maka laluan konduitpaip dan punca perkhidmatan elektrik serta perkhidmatan mekanikal tidak perlu diletakkan di dalam papak.

Pereka bentuk panel dinding dan panel papak perlu mengenal pasti lokasi dan mengambil kira beban yang akan ditanggung bagi menggantung dan menampung sesalur udara, paip dan lain-lain sistem perkhidmatan mekanikal pada panel papak konkrit atau panel papak jenis *hollow core* atau *half slab*.

Bagi bilik peralatan mekanikal seperti bilik pam, bilik motor lif, bilik AHU dan lain-lain, pereka bentuk dinding struktur dan panel papak perlu mengambil kira beban peralatan mekanikal yang terdapat di dalam bilik tersebut.

**(c) Sambungan Panel**

Lubang laluan perlulah disediakan pada rasuk untuk laluan konduitpaip perkhidmatan elektrik dan mekanikal di antara panel papak dan panel dinding.

### **3.2.10 Spesifikasi Tambahan Kerja Konkrit Secara IBS**

Di bawah skim Sistem Binaan Berindustri (IBS), komponen bangunan konkrit akan dihasilkan secara pra-tuang. Menggunakan kaedah ini, komponen berkenaan boleh direka bentuk sama ada secara konkrit bertetulang pra-tuang atau konkrit pra-tegangan pra-tuang.

Kerja-kerja reka bentuk komponen ini perlu dibuat berdasarkan kod amalan piawaian lazim yang diiktiraf seperti Piawaian British BS 8110 Part 1: 1997 atau yang setaraf dengannya. Walau bagaimanapun, bagi memastikan reka bentuk yang dibuat bersesuaian dengan keadaan tempatan, reka bentuk berkenaan masih perlu memenuhi Spesifikasi Piawai JKR Untuk Kerja Bangunan, Seksyen 0 - Kerja Konkrit dan spesifikasi tambahan, Spesifikasi untuk Komponen Pra-Tuang.

Spesifikasi Untuk Komponen Pra-Tuang menggariskan antara lain

keperluan-keperluan yang perlu dipenuhi oleh pengilang atau pembekal komponen pra-tuang (*precast component manufacturers*) bermula dari peringkat reka bentuk individu komponen hingga ke peringkat pemasangan komponen di tapak bina. Isu-isu yang diketengahkan dalam spesifikasi ini ialah keperluan reka bentuk, lukisan dan perincian, tetulang prategasan, kerja konkrit, kadar kebakaran, penyimpanan, kaedah pemasangan, sistem kalis air dan penyemak reka bentuk bebas.

Salah satu perkara yang menimbulkan banyak masalah dalam pembinaan bangunan menggunakan IBS ialah kebocoran melalui sambungan di antara komponen-komponen bangunan. Isu ini telah diberi penekanan rapi dalam spesifikasi tambahan di mana konsep untuk menangani perkara ini telah diperincikan. Walau bagaimanapun, semakan ke atas cadangan reka bentuk masih perlu dibuat bagi memastikan pihak pengilang atau pembekal memenuhi keperluan sebagaimana yang ditentukan.

Spesifikasi tambahan bagi komponen konkrit yang terkini boleh didapati dari Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia, Kuala Lumpur.

### 3.3 Langkah 3: Kaedah Perolehan

#### 3.3.1 Tatacara Perolehan Berasaskan IBS

Selaras dengan arahan Kerajaan untuk menambahkan peratusan komponen IBS dalam reka bentuk dan pembinaan projek-projek Kerajaan, pihak Agensi Pelaksana perlu menyediakan lukisan-lukisan rekabentuk yang selaras dengan sistem 18S. Ini boleh dibuat dengan mengarahkan perekabentuk-perekabentuk terbabit (Le Jurutera atau Arkitek Perunding Bertauliah yang dilantik) untuk menambah kandungan IBS dalam rekabentuk mereka sehingga ke paras 70 peratus. Kemudiannya, dokumen tender yang berasaskan rekabentuk ini boleh disediakan dengan menggunakan tatacara dan contoh dokumen tender yang dikeluarkan oleh JKR Malaysia.

Tatacara penyediaan dan contoh dokumen tender bagi perolehan ini boleh dirujuk kepada:

Pengarah Kanan  
Cawangan Kontrak & Ukur Bahan Ibu  
Pejabat JKR Malaysia  
Aras 14, Menara Tun Ismail Mohd Ali  
No. 25, Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur  
Tel: 03-26165033  
Faks: 03-2697 7157

#### 3.3.2 Format Baru Syarat-Syarat Kontrak

Syarat-syarat kontrak hendaklah digunakan sebagai asas perjanjian sebagaimana yang telah diterangkan di dalam **Lampiran B**.

#### 3.3.3 Garis Panduan Penilaian Tender

##### Penilaian Kewangan

Penilaian kewangan untuk melaksanakan projek-projek berasaskan IBS hendaklah mematuhi Garis Panduan Penilaian Tender Edisi Januari 2008 yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan melalui surat bil. S/K.KEW/PKIPP/1100/000000/10/31 Jld. 23 SK.7 (2) bertarikh 21 Mac 2008.

Penilaian kewangan akan dibuat dalam tiga (3) peringkat berdasarkan pra-syarat dan kriteria penilaian seperti berikut:

- (i) Peringkat 1 - Hanya kontraktor yang lulus peringkat ini yakni kesempurnaan dokumen, menyertai dokumen wajib, mempunyai aset mudah cair tidak kurang daripada 3% daripada Anggaran Jabatan dan Kontraktor tidak mempunyai projek semasanya tidak

memuaskan layak dinilai di peringkat kedua;

- (ii) Peringkat 2 - Kontraktor mestilah mempunyai Keupayaan Biayawan dan Teknikal yang meliputi pengalaman kerja, kakitangan teknikal dan keempunyaan loji dan peralatan asas pembinaan yang mana melebihi kelayakan nilai minimum sahaja yang layak diperakukan untuk disetuju terima; dan
- (iii) Peringkat 3 - Untuk menentukan tender yang paling menguntungkan Kerajaan untuk dipertimbangkan, kriteria kesan rendahan harga hendaklah dinilai kepada manamana Kontraktor yang lulus peringkat pertama dan kedua sekiranya harga tender asalnya dikategorikan sebagai RENDAH atau SANGAT RENDAH berbanding dengan Anggaran Jabatan atau Penilaian *Cut-off* mengikut yang mana digunakan.

#### **3.3.4 Garis Panduan Pembayaran Kemajuan / Interim**

Bagi meringankan beban kewangan kontraktor di dalam melaksanakan projek berasaskan komponen IBS, Kontraktor boleh dibuat bayaran sekurang-kurangnya dua (2) kali sebulan.

Bayaran terhadap komponen IB8 ini hanyalah boleh dibayar apabila komponen IBS tersebut dihantarkan ke tapak bina mengikut syarat-syarat Kontrak sedia ada.

## 4. PEMANTAUAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI

### 4.1 Pemantauan dan Tanggungjawab Agensi

Bagi tujuan pemantauan pelaksanaan IBS dalam projek-projek Kerajaan, Jawatankuasa Pemantau Penguatkuasaan IBS (JPPIBS) telah ditubuhkan di Unit Penyelarasan Pelaksanaan (leU), Jabatan Perdana Menteri.

Bagi memastikan projek-projek berjalan dengan teratur, satu mekanisme pemantauan projek telah dibuat untuk dipatuhi oleh pihak Agensi agar ianya mengikut jadual pelaksanaan dan dapat mengenal pasti sebarang masalah yang timbul. Pihak Agensi perlulah mengenal pasti segala masalah yang timbul dan sebab-sebab kenapa pematuhan pelaksanaan projek secara IBS gagal dilaksanakan. Seperti yang telah diputuskan, pihak Agensi perlu merujuk kepada Ketua Pengarah Kerja Raya secara bertulis bagi mendapatkan pengecualian dan mendapat kelulusan bertulis dari Jabatan tersebut. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memohon secara bertulis dan mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Kerja Raya, kecuali pengecualian yang diberikan seperti di para 8 (i), (ii) dan (iii) dalam SPP.

Satu mesyuarat berkala setiap bulan akan diadakan di antara pihak Agensi dengan Jawatankuasa Pemantau Penguatkuasaan IBS (JPPIBS). Pemantauan projek-projek pembangunan melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) akan turut diperluaskan kepada projekprojek yang dilaksanakan secara IBS. Pihak Agensi perlu dari semasa ke semasa mengemukakan laporan pada setiap dua (2) bulan kepada JPPIBS dengan menggunakan format pelaporan seperti di **Lampiran C**. Laporan pertama hendaklah dihantar pada Disember 2008.

## 5. PENGURUSAN KOMPONEN IBS

### 5.1 Objektif

Pengurusan Komponen IBS adalah satu aspek pelaksanaan projek IBS yang penting bagi memastikan kejayaan bukan sahaja dari segi menyokong penyediaan sesuatu projek itu, malah berusaha mengembangkan satu industri berasaskan komponen IBS dan memberi impak yang tinggi dan sebaik mungkin dalam mencetuskan pembangunan industri komponen IBS yang mampan. Pengurusan Komponen IBS ini adalah bidang dalam tanggungjawab CIOB.

### 5.2 Model Pengurusan

Model Pengurusan Komponen IBS amatlah penting di dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan pengurusan, penyediaan skop pengurusan dan pelan tindakan terperinci. Model pengurusan tersebut mengandungi beberapa aspek penting iaitu perancangan industri, promosi, latihan, verifikasi dan pensijilan IBS, dan koordinasi dengan pihak yang terlibat penting dalam memastikan penyelarasan pelaksanaan.

### 5.3 Garis Panduan Pendaftaran Kontraktor, Pembekal dan Pemasang

Di dalam mengurus dan menjalankan proses mereka bentuk sesuatu bangunan, maklumat rangkaian bekalan IBS amatlah penting sebagai sokongan. Oleh kerana keupayaan industri pembinaan sedia ada, masih lagi pada tahap awal, rujukan perlu dibuat kepada senarai rangkaian bekalan IBS yang telah disediakan oleh pihak CIDB.

Beberapa *Orange Book* telah dicetak oleh CIDB yang mengandungi maklumat-maklumat pembekal dan kontraktor IBS. Maklumat berhubung perunding IBS ada juga disenaraikan oleh CIOB sebagai rujukan kepada pelaksana projek. Semua maklumat tersebut boleh didapati dari GIDB.

### 5.4 Pangkalan Data Terkini Perunding, Pembekal dan Kontraktor

Agensi adalah digalakkan untuk mencadangkan pelantikan perunding-perunding yang mempunyai pengalaman di dalam skop binaan IBS. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tatacara yang baik untuk merujuk kepada senarai perunding yang telah disediakan oleh pihak GIDB.

Perunding yang disenaraikan ini telah melalui proses latihan yang dikendalikan oleh GIDB dan dianggap boleh melaksana projek-projek IBS Kerajaan. Sekiranya Agensi hendak mencadangkan perunding-perunding yang tidak tersenarai, Agensi perlulah mendapatkan bukti dan pengesahan projek-projek

yang pernah dilaksanakan secara IBS dari perunding tersebut. Pengesahan ini boleh juga didapati dari Jabatan Kerja Raya.

Senarai perunding yang berkecualan ini boleh didapati dari GIOB atau pun dimuat turun dari laman web GIOB di [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my).

### **5.5 Aspek-aspek Lain Pengurusan Komponen IBS**

Antara aspek-aspek lain Pengurusan Komponen IBS adalah proses pengurusan, struktur pengurusan, pelan tindakan terperinci, interaksi dengan pihak berkaitan, pengesahan syarikat status IBS, peningkatan kualiti dan kapasiti, insentif dan pengecualian kewangan dan Pusat IBS sebagai rujukan setempat.

Sila rujuk kepada dokumen Pengurusan Komponen IBS bagi mendapatkan maklumat terperinci yang disediakan oleh GIDB.

## **6. PUSAT RUJUKAN**

### **6.1 Bantuan**

Agensi adalah digalakkan untuk menghubungi pusat-pusat rujukan sekiranya terdapat masalah dari segi polisi atau pun pelaksanaan.

### **6.2 Pusat Rujukan Yang Boleh Dihubungi**

Di bawah ini disenaraikan pusat-pusat rujukan yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan dengan pelaksanaan kaedah IBS dalam projek Kerajaan.

#### **6.2.1 Dasar**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Perolehan Kerajaan Kementerian  
Kewangan Malaysia Kompleks  
Kementerian Kewangan Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA

#### **6.2.2 Pelaksanaan**

Pengarah Kanan  
Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan Ibu  
Pejabat JKR Malaysia  
Tingkat 15, Centre Point North  
The Boulevard, Mid Valley City  
Lingkar Syed Putra  
59200 KUALA LUMPUR  
No. Tel. : 03-92354701

## Lampiran A

A KOMPONEN SENI BINA			
	KOMPONEN	JENIS	BAHAN
1	Dinding Luar	Prefabricated Panel	Precast Concrete Panel Bay Window Timber Panel
		Precision Blockworks	Interlocking Concrete Masonry Unit (CMU) Lightweight Concrete Blocks
2	Dinding Dalam	Dry Wall System	Gypsum Board Partition HDF 1 MDF Board
		Precision Blockworks	Interlocking Concrete Masonry Unit (CMU) Lightweight Concrete Blocks
3	Kemasan Dinding	Wall Cladding	Metal Cladding Composite Aluminium Cladding Cold-Rolled Steel Claddings Composite Plank/Panel
		Curtain Wall	Full Height Glass Panel Aluminium Curtain Wall System
		Others	Spray Plaster
4	Kemasan Bumbung	Decking	Metal Decking Composite Aluminium Panel
B KOMPONEN SENIBINA LAIN			
1	Tandas		Prefab Toilet Units Pre-Cast Concrete Bath Modules
2	Tangga		Pre-cast Concrete Staircase Prefab Timber Staircase Prefab Steel Staircase
3	Arch		Pre-cast Concrete Arches
4	Pintu		Rujuk MS 1064 : Pt 4 : 2001
5	Tingkap		Rujuk MS 1064 : Pt 5 : 2001
6	Susur Tangan		Prefab Steel Railings Prefab Timber Railings Pre-cast Concrete Railings
7	Peneduh Cahaya		Metal Louvres 1 over hangs 1 hood Timber Louvres 1 over hangs 1 hood Pre-cast Concrete Hood 1 Coping GRC Hood 1 Coping Glass Reinforced Concrete (GRC) Glass Fibre Reinforced Concrete (GFRC) Pre-cast Concrete Hood 1 Coping

**\* Rujukan :**

1. Catalogue Of IBS Components CIDB
2. Reference Guide On Standar Prefabricated Building Components (Singapore BCA)
3. Catalogue Of Precast Concrete Components For Infrastructure Works 2004/2005
4. Manual For IBS Content Scoring System (IBS Score)
5. Directory of Listed Companies Construction IBS Products
6. Directory of Active IBS Contractor

## Lampiran B

### **Syarat-syarat Kontrak dan Klausula Keperluan Penggunaan IBS Dalam Projek-projek Baru Agensi:**

1.0 Apabila Kerajaan berhasrat untuk memanggil tender berasaskan IBS sepenuhnya di mana pihak Kerajaan menyediakan reka bentuk menggunakan komponen IBS terbuka, maka syarat-syarat kontrak berikut (iaitu Syarat-Syarat Kontrak berasaskan Lukisan dan Spesifikasi atau Syarat-Syarat Kontrak berasaskan Senarai Kuantiti, yang mana berkaitan) hendaklah dimasukkan dalam dokumen tender sebagai asas perjanjian:

1.1 Syarat-Syarat Kontrak berasaskan Lukisan dan Spesifikasi

*Standard Form of Contract To be Used Where Drawings and Specifications Form Part Of the Contract - P. W D Form 203 (Rev. 2007)*

1.2 Syarat-Syarat Kontrak berasas Senarai Kuantiti

*Standard Form of Contract To be Used Where Bills of Quantities Form Part Of the Contract - P. WD Form 203A (Rev. 2007)*

**Lampiran C**

LAPORAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK RMK-9 YANG DILAKSANAKAN MENGGUNAKAN KAEDAH IBS													
KEMENTERIAN / JABATAN:													
BULAN:													
BIL	BUTIRAN PROJEK										BUTIRAN BERKENAAN IBS		CATATAN
	NAMA PROJEK	AGENSI PELAKSANA (JKR/Kementerian)	SIUNG PROJEK (RM)	KAEDAH PEROLEHAN (Rundingan Terus/Tender Terbuka/Tender Terpilih atau Terhad)	KAEDAH PELAKSANAAN (Reka & Bina/ Konvensional)	TARIKH TENDER	HARGA KONTRAK (RM)	TARIKH MIUK TAPAK	% KEMAJUAN FIZIKAL PROJEK		TARIKH SIAP	JENIS KOMPONEN IBS DIGUNAKAN*	
									JADUAL	SEBENAR			

- 1- Sistem Kekotak, Panel Dan Kerangka Konkrit Pratuang
- 2- Sistem Acuan Kerja Keluli
- 3- Sistem Kerangka Keluli
- 4- Sistem Kerangka Kayu Separa Siap (Prefabricated)
- 5- Sistem Kerja Blok



**GARIS PANDUAN *GOVERNMENT PROCUREMENT INFORMATION SYSTEM***

**BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN  
PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

<b>Seksyen</b>	<b>Tajuk Seksyen</b>	<b>Muka surat</b>
1	Tujuan	1
2	Penggunaan	1
3	Latar Belakang GPIS	1
4	Objektif GPIS	2
5	Modul GPIS	2
6	Skop Maklumat Yang Perlu Didaftarkan Ke Dalam GPIS	3
7	Sumber Maklumat GPIS	4
8	Pihak Yang Bertanggungjawab Mendaftar Dan Mengemaskini Maklumat Perolehan	4
9	Prosedur Terlibat	4
10	Bidang Tugas Dan Tanggungjawab Pihak Yang Bertanggungjawab Terhadap GPIS	18
11	Prosedur Pelaksanaan GPIS	20
12	Pengurusan Rekod	20
13	Kawalan Dan Jaminan Kualiti	22
14	Panduan Pengguna Sistem Maklumat Perolehan Kerajaan (GPIS)	22
15	Rujukan	22

## **GARIS PANDUAN *GOVERNMENT PROCUREMENT INFORMATION SYSTEM* (GPIS)**

### **1. TUJUAN**

1.1 Garis Panduan *Government Procurement Information System* (GPIS) disediakan adalah bertujuan untuk:

- i. memastikan pelaksanaan GPIS berjalan lancar dan teratur serta mencapai objektif sistem;
- ii. memastikan semua pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan GPIS dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan; dan
- iii. tidak berlaku pertindihan tugas antara pihak-pihak yang terlibat dengan adanya pengalihan tugas yang jelas dan terancang.

### **2. PENGGUNAAN**

2.1 Garis Panduan GPIS ini akan diguna pakai oleh:

- i. Pengguna sistem di Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK), Kementerian Kewangan (MOF) dan di semua Agensi Kerajaan yang terlibat dengan perolehan dan pentadbiran kontrak Kerajaan;
- ii. Penyelia di peringkat Kementerian/Jabatan/PTJ;
- iii. Penyelia di peringkat Kementerian Kewangan; dan
- iv. Pentadbir sistem

### **3. LATAR BELAKANG GPIS**

3.1 Ia dibangunkan bagi mengurus maklumat perolehan yang dilaksanakan oleh Agensi Kerajaan.

3.2 Fungsi utama GPIS adalah untuk menyimpan maklumat perolehan yang terperinci bagi Agensi-Agensi Kerajaan meliputi peringkat awal pelaksanaan perolehan sehingga projek siap.

3.3 GPIS merupakan sebuah sistem berasaskan web di mana pengguna boleh membuat capaian sistem secara atas talian melalui pelayar web.

- 3.4 Memandangkan maklumat perolehan dalam GPIS bergantung kepada data integrasi dan data yang dimasukkan oleh Kementerian/Agensi, keberkesanan pelaksanaan GPIS adalah bergantung sepenuhnya kepada inisiatif Kementerian/Agensi untuk memasukkan/mengemaskini maklumat tersebut. Sekiranya data yang dimasukkan/dikemaskini tidak tepat atau tidak lengkap, maka laporan maklumat perolehan yang dihasilkan juga tidak lengkap dan tepat.
- 3.5 Oleh itu, **kerjasama Kementerian/Agensi sebagai sumber maklumat** tersebut merupakan faktor kejayaan kritikal bagi pelaksanaan GPIS ini.

#### 4. OBJEKTIF GPIS

- 4.1 Mengurus dan memantau maklumat perolehan Kerajaan dengan lebih cekap.
- 4.2 Membolehkan pemantauan pelaksanaan perolehan Agensi Kerajaan.
- 4.3 Menyediakan laporan perolehan Kerajaan dengan cekap dan komprehensif bagi keperluan pihak pengurusan atasan Kementerian Kewangan dan Agensi lain seperti Jabatan Audit Negara, PEMUDAH dan sebagainya.

#### 5. MODUL GPIS

- 5.1 Sistem GPIS terdiri daripada 3 modul seperti berikut:

Bil.	Modul	Fungsi	Pengguna
1.	Perolehan	Menyimpan dan memaparkan maklumat perolehan	Pengguna di semua Agensi Kerajaan
2.	i. Laporan PTJ	Menjana laporan maklumat perolehan	Pengguna di semua Agensi Kerajaan
	ii. Laporan JPKA (Pengurusan Perolehan)	Menjana laporan untuk dibentangkan dalam mesyuarat JPKA	Pengguna di semua Agensi Kerajaan

Bil.	Modul	Fungsi	Pengguna
3.	Sistem	Menukar kata laluan dan membuat aduan/pertanyaan mengenai menggunakan Aduan/Pertanyaan Pengguna GPIS Borang	Pengguna di semua Agensi Kerajaan

## 6. SKOP MAKLUMAT YANG PERLU DIDAFTARKAN KE DALAM GPIS

- 6.1 Maklumat perolehan Kerajaan yang dimaksudkan adalah meliputi semua kategori perolehan iaitu bekalan, perkhidmatan bukan perunding dan kerja bagi perolehan atau projek-projek yang dibiayai. peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan sama ada melalui geran peruntukan atau pinjaman dan sama ada pembiayaan sepenuhnya atau sebahagian daripada kos projek/perbelanjaan.
- 6.2 Maklumat perolehan Kerajaan yang **perlu didaftarkan** ke dalam GPIS adalah bagi perolehan yang mempunyai rekod/dokumen seperti berikut:
- 6.2.1 Nombor pesanan kerajaan bagi kaedah perolehan secara pembelian terus atau inden kerja bagi kaedah perolehan secara *requisition*/lantikan terus; atau
- 6.2.2 Nombor tender/nombor sebut harga bagi kaedah perolehan secara tender atau sebut harga ; atau/dan
- 6.2.3 Tarikh surat setuju terima bagi kaedah perolehan (selain daripada kaedah perolehan yang dinyatakan di 6.2.1; atau/dan
- 6.2.4 Nombor kontrak bagi perolehan yang mempunyai kontrak.
- 6.3 Maklumat perolehan yang menggunakan keseluruhan wang persendirian seperti Tabung Amanah/ Tabung Amal/ Tabung Penyelidikan/ Wang Sumbangan tidak perlu didaftarkan ke dalam GPIS.

## 7. SUMBER MAKLUMAT GPIS

7.1 Sistem GPIS mengandungi maklumat seperti berikut:

Bil	Jenis Maklumat	Sumber
1.	Semua perolehan yang dilaksanakan oleh Agensi Kerajaan	Pengguna di semua Agensi Kerajaan yang melaksanakan perolehan dan mentadbir kontrak
2.	Maklumat Pendaftaran syarikat dengan MOF, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	Sistem ePerolehan (eP), sistem di PKK, sistem di CIDB
3.	Maklumat projek pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT)	Sistem Pemantauan Projek (SPPII) di Jabatan Perdana Menteri (JPM)

## 8. PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB MENDAFTAR DAN MENGEMASKINI MAKLUMAT PEROLEHAN

8.1 Pendaftaran dan pengemaskinian maklumat perolehan Kerajaan perlu dilaksanakan oleh pegawai atau kakitangan yang menguruskan perolehan di Agensi/PTJ dan/atau memiliki peruntukan bagi perolehan tersebut.

Contoh:

Kementerian Pelajaran ialah pemilik projek & sumber peruntukan tetapi pelaksana projek adalah JKR. Pihak yang bertanggungjawab untuk mendaftar maklumat ialah Kementerian Pelajaran.

## 9. PROSEDUR TERLIBAT

### 9.1 Prosedur Perluasan Pelaksanaan GPIS

9.1.1 Taklimat dan latihan pengguna akan dilaksanakan sebelum pelaksanaan di Agensi berkenaan.

9.1.2 Latihan pengguna akan melibatkan pegawai dan kakitangan yang melaksanakan perolehan dan mentadbir kontrak di Agensi Kerajaan. Latihan akan menggunakan data

perolehan sebenar di Kementerian/Agensi bagi memastikan keberkesanan latihan.

- 9.1.3 Kaedah latihan yang akan digunapakai ialah *Training of Trainer* (TOT) di mana latihan peringkat awal diberikan kepada Agensi induk dan wakil dari Pusat Tanggungjawab (PTJ) oleh BPK, MOF.
- 9.1.4 Tenaga pengajar adalah terdiri daripada pegawai/kakitangan BPK iaitu wakil daripada Unit Data yang akan dibantu oleh Unit Pengurusan Maklumat Perolehan Kerajaan (PM) atau wakil Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) dan seorang pegawai BPK yang mahir dalam hal berkaitan perolehan kerajaan.
- 9.1.5 Pihak Kementerian/Agensi adalah bertanggungjawab untuk memberi latihan susulan peringkat dalaman sekiranya diperlukan.
- 9.1.6 Kementerian/Agensi perlu melantik seorang pegawai untuk dihubungi bagi memudahkan pihak MOF berurusan mengenai pelaksanaan GPIS. Sekiranya berlaku pertukaran pegawai dan sebagainya hendaklah diberitahu kepada pihak Perbendaharaan.

## 9.2 Prosedur Pengurusan ID Pengguna

9.2.1 ID pengguna yang akan digunakan dalam sistem GPIS adalah berdasarkan jawatan pegawai/kakitangan di Kementerian/Agensi masing-masing.

9.2.2 Terdapat tiga kategori pengurusan/penyelenggaraan ID:

- i. Penyediaan ID pengguna sebelum latihan/pelaksanaan GPIS di Kementerian/Agensi

Penyelia di peringkat Kementerian/Agensi adalah bertanggungjawab menyediakan senarai ID pengguna bagi PTJ di bawah Agensi masing-masing seperti di **Lampiran 1**. Senarai ID pengguna tersebut hendaklah diserahkan kepada Kementerian Kewangan melalui Unit Data, BPK, MOF selewat-lewatnya 3 hari bekerja sebelum tarikh latihan/pelaksanaan GPIS di Kementerian berkaitan.

ii. Penambahan/Penghapusan ID

Permohonan penambahan atau penghapusan ID pengguna perlu dibuat oleh penyelia di setiap PTJ. Ini bagi memastikan hanya pengguna yang sah sahaja boleh mengakses sistem untuk menjamin keselamatan data. Permohonan boleh dibuat secara terus oleh penyelia melalui *helpdesk* GPIS.

iii. Penyelenggaraan ID pegawai/kakitangan


Bagi penyelenggaraan ID pengguna seperti reset kata laluan akibat terlupa kata laluan, pegawai/kakitangan di PTJ boleh terus menghubungi *helpdesk* GPIS.


### 9.3 Prosedur Penggunaan GPIS dan Carta Alir


#### 9.3.1 Modul Perolehan


##### i. Daftar


Pengguna perlu memasukkan maklumat terperinci bagi setiap perolehan yang dilaksanakan. Maklumat perolehan perlu didaftarkan sebaik sahaja Pesanan Kerajaan atau Surat Setuju Terima dikeluarkan dan ditandatangani oleh pembekal.













## ii. Senarai

Untuk melihat senarai perolehan, pengguna hendaklah membuat pilihan Kementerian. Pengguna juga boleh memaparkan senarai perolehan bagi sesuatu Kementerian mengikut Agensi dan julat tarikh. Bagi pilihan senarai mengikut tarikh, pengguna hendaklah memilih jenis tarikh sama ada Tarikh Pesanan (bagi perolehan secara pembelian terus/*requisition*/lantikan terus) atau Tarikh Kontrak (bagi perolehan yang mempunyai kontrak) .



## iii. Carian


Carian perolehan menyediakan beberapa kriteria carian. Pengguna boleh memilih salah satu atau kombinasi beberapa kriteria carian.




### 9.3.2 Modul Laporan

Modul ini menyediakan laporan berkaitan perolehan Kerajaan dalam 2 jenis format laporan iaitu:

- i. Laporan Perolehan PTJ
  - Menyenaraikan semua perolehan Kerajaan yang telah didaftarkan ke dalam GPIS.
  - Laporan ini perlu dikemukakan untuk pengesahan setiap bulan oleh Ketua Jabatan/Bahagian/Seksyen atau pegawai yang diberi kuasa yang menguruskan perolehan di setiap Kementerian/Agensi/PTJ..
- ii. Laporan JPKA (Pengurusan Perolehan).
  - Menjana laporan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JPKA.
  - Laporan ini perlu dikemukakan untuk pengesahan setiap suku tahun disemak dan disahkan oleh Ketua Jabatan/Bahagian/Seksyen atau pegawai yang diberi kuasa yang menguruskan perolehan di setiap Kementerian/Agensi/PTJ.





### 9.4 Prosedur *helpdesk*

Jenis Bantuan	Tindakan Pengguna	Tindakan Helpdesk	Tindakan Pasukan Teknikal GPIS
Aduan	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Membuat aduan melalui borang yang disediakan di dalam sistem GPIS atau e-mel kepada <i>gpishelp@treasury.gov.my</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mengambil tindakan dan memberi maklum balas sekiranya melibat aduan tidak teknikal.</li> <li>○ Menghantar aduan kepada pasukan teknikal sekiranya melibatkan perkara teknikal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mengambil tindakan dan memberi maklumbalas kepada <i>helpdesk</i></li> </ul>
Pertanyaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Membuat pertanyaan secara terus melalui telefon ke talian <i>helpdesk</i> atau melalui e-mail kepada <i>helpdesk</i> atau melalui borang aduan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mengambil tindakan dan memberi maklum balas sekiranya melibat perkara tidak teknikal.</li> <li>○ Menghantar aduan kepada pasukan teknikal sekiranya melibatkan perkara teknikal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mengambil tindakan dan memberi maklumbalas kepada <i>helpdesk</i></li> </ul>
Penyelenggaraan ID Pengguna	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Membuat permohonan penambahan/ penghapusan ID pengguna (Penyelia di PTJ)</li> <li>○ Membuat permohonan penyelenggaraan ID (Pegawai/ kakitangan PTJ)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menerima permintaan pengguna dan memaklumkan kepada pasukan teknikal berkenaan keperluan penambahan/ penghapusan/ penyelenggaraan ID pengguna</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mengambil tindakan dan memberi maklumbalas kepada <i>helpdesk</i></li> </ul>

## 10. BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP GPIS

Pihak Terlibat	Peranan/Tanggungjawab
Unit Data, BPK, MOF	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menyelia, memantau serta membantu aktiviti kemasukan data ke dalam sistem</li> <li>○ Mengurus dan menyelenggara ID pengguna</li> <li>○ Memantau prestasi sistem dan melapor sebarang kerosakan kepada pasukan projek GPIS (teknikal)</li> <li>○ Mengurus keperluan pengubahsuaian/ penambahbaikan sistem</li> <li>○ Menyelaras dan menyediakan keperluan laporan yang boleh didapati dengan segera</li> <li>○ Mengadakan latihan pengguna berkaitan sistem</li> <li>○ Menjadi <i>helpdesk</i> bagi tatacara penggunaan sistem</li> <li>○ Merancang dan menguruskan aktiviti perluasan GPIS</li> <li>○ Menyelaras isu-isu semasa berkaitan sistem dan keperluan data perolehan</li> <li>○ Menjadi perantara di antara pengguna dan pihak atasan dengan pasukan projek GPIS (teknikal)</li> </ul>
Unit Pengurusan Maklumat Perolehan Kerajaan (PM), BPK, MOF	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memberi khidmat sokongan teknikal mengenai sistem</li> <li>○ Membantu memberi latihan pengguna berkaitan sistem</li> <li>○ Menyediakan laporan yang memerlukan kepakaran teknikal</li> <li>○ Penyelenggara aplikasi, pangkalan data, perisian, dan perkakasan bagi sistem GPIS</li> <li>○ Membuat pengubahsuaian/penambahbaikan sistem</li> </ul>
Pegawai yang arif berkaitan perolehan kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memberi khidmat nasihat mengenai perolehan kerajaan semasa sesi taklimat dan latihan pengguna.</li> </ul>
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memberi khidmat sokongan teknikal mengenai sistem</li> <li>○ Membantu memberi latihan pengguna berkaitan sistem</li> <li>○ Menyediakan laporan yang memerlukan kepakaran teknikal</li> </ul>

<b>Pihak Terlibat</b>	<b>Peranan/Tanggungjawab</b>
(BPTM), MOF	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menyelenggara aplikasi, pangkalan data, perisian, dan perkakasan bagi sistem GPIS</li> <li>○ Membuat pengubahsuaian/penambahbaikan sistem</li> </ul>
Penyelia di Peringkat Kementerian/JPKA	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memantau kemasukan data oleh Agensi/PTJ di bawahnya dan kesahihan data yang dimasukkan</li> <li>○ Menjadi perantara di antara Agensi/PTJ di bawahnya dengan Unit Data, BPK, Kementerian Kewangan</li> </ul>
Penyelia di Peringkat Agensi/Jabatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memantau kemasukan data oleh PTJ di bawahnya dan kesahihan data yang dimasukkan</li> <li>○ Menjadi perantara di antara PTJ di bawahnya dengan Penyelia di Peringkat Kementerian/JPKA</li> <li>○ Menyediakan senarai ID pengguna bagi PTJ di bawah Agensi dan menyerahkan kepada Unit Data, BPK, Kementerian Kewangan sebelum latihan dan pelaksanaan GPIS di Agensi berkenaan</li> </ul>
Penyelia di Peringkat PTJ	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memantau kemasukan data oleh pegawai/kakitangan di PTJ masing-masing dan kesahihan data yang dimasukkan</li> <li>○ Membuat permohonan pertambahan /penghapusan ID pengguna</li> </ul>
Pengguna (Semua Agensi Kerajaan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memasukkan data perolehan apabila sesuatu perolehan dilaksanakan dan mengemaskini maklumat dari masa ke semasa</li> </ul>

## 11. PROSEDUR PELAKSANAAN GPIS

11.1 Berikut adalah senarai tugas bagi pelaksanaan GPIS:

BIL.	TINDAKAN	T/JAWAB	CATATAN/ SENARAI SEMAK
1.	Mengadakan latihan pengguna	Unit Data/Unit PM/ Penyelia	
2.	Mengenal pasti pengguna sistem dan membuat permohonan	Penyelia	
3.	Mewujudkan ID pengguna dan peranannya di dalam sistem	Unit Data	
4.	Memasukkan data perolehan ke dalam sistem	Pengguna	
5.	Mengemaskini data dari semasa ke semasa di dalam sistem	Pengguna	
6.	Mengesahkan Laporan Perolehan PTJ dan Laporan JPKA (Pengurusan Perolehan)	Penyelia	
7.	Menyelenggara aduan pengguna mengenai sistem	Unit Data	
8.	Mewujudkan satu Jawatankuasa Khas bagi pemantauan sistem	Unit Data	
9.	Melaporkan aktiviti penggunaan sistem dari semasa ke semasa	Unit Data/Unit PM	
10.	Melakukan penyelenggaraan sistem dan membaik pulih kerosakan	Unit PM/BPTM	
11.	Membuat penambahbaikan ke atas sistem mengikut keperluan	Unit PM/BPTM	

## 12. PENGURUSAN REKOD

12.1 Maklumat perolehan yang perlu didaftarkan ke dalam sistem GPIS adalah semua perolehan yang dibuat bermula dari 1 Januari 2011 berdasarkan tarikh surat setuju terima bagi tender dan sebut harga. Manakala, bagi pembelian terus/*requisition*/lantikan terus berdasarkan tarikh pesanan kerajaan atau inden kerja.

12.2 Pendaftaran maklumat ke dalam sistem GPIS adalah merangkumi semua kaedah perolehan kerajaan iaitu:

i. Pembelian Terus/*Requisition*/ Lantikan terus

Maklumat Perolehan perlu didaftarkan selewat-lewatnya **3 hari selepas** Pesanan Kerajaan(LO) atau Inden Kerja dikeluarkan.

ii. Sebut Harga/Tender

o Iklan

Iklan bagi Sebut Harga /Tender perlu didaftarkan segera ke dalam GPIS selewat-lewatnya **1 hari sebelum** tarikh iklan dibuka kerana maklumat tersebut akan dikemaskini secara automatik dalam portal MyPROCUREMENT yang boleh diakses oleh orang awam.

o Telah Keluar Surat Setuju Terima (SST)

Maklumat Perolehan perlu didaftarkan selewat-lewatnya **3 hari selepas** Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan kerana maklumat tersebut akan dikemaskini secara automatik dalam portal MyPROCUREMENT yang boleh diakses oleh orang awam.

12.3 Sekiranya kontrak bagi sesuatu perolehan telah ditandatangani, pengguna perlu mengemaskini maklumat di dalam sistem dengan memasukkan nombor kontrak tersebut.

12.4 Status perolehan hendaklah dikemaskini dari semasa ke semasa ke dalam sistem terutama bagi perolehan sebutharga/tender.

12.5 Maklumat perolehan perlu diisi dengan lengkap dan Kementerian/Agensi adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas data-data yang telah dimasukkan ke dalam GPIS.

### **13. KAWALAN DAN JAMINAN KUALITI**

13.1 Pemantauan secara berterusan adalah perlu bagi memastikan GPIS dapat dilaksanakan dengan lancar. Oleh itu, satu Jawatankuasa (JK) Khas Pasukan GPIS akan diwujudkan di peringkat Kementerian Kewangan di mana ia berperanan sebagai :

- i. JK yang menggerakkan dan memantau aktiviti sistem berjalan mengikut apa yang dirancangkan;
- ii. Mengenalpasti masalah dan langkah penyelesaian berkaitan GPIS sama ada dalam aspek teknikal mahupun pengurusan sistem; dan
- iii. Mewujudkan dasar/polisi berkenaan hal ehwal penggunaan dan tadbir urus sistem sekiranya perlu bagi menyokong perjalanan sistem.

### **14. PANDUAN PENGGUNA SISTEM MAKLUMAT PEROLEHAN KERAJAAN (GPIS)**

14.1 Panduan Pengguna GPIS boleh dicapai secara online melalui sistem GPIS mengikut modul.

### **15. RUJUKAN**

BORANG 1 : Borang Aduan/Pertanyaan Pengguna GPIS

SENARAI 1 : Nombor telefon untuk dihubungi bagi pengurusan sistem GPIS

LAMPIRAN 1 : Borang Maklumat Pengguna GPIS (untuk permohonan penambahan/penghapusan & penyelenggaraan ID Pengguna)

LAMPIRAN 2 : Format Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun (JPKA) bagi Pengurusan Perolehan secara Tender / Sebut Harga/ Kontrak Pusat & Kontrak Pusat Sistem Panel

**BORANG 1****BORANG ADUAN/PERTANYAAN PENGGUNA GOVERNMENT  
PROCUREMENT INFORMATION SYSTEM (GPIS)**

<b>Maklumat Pengguna</b>			
<b>Nama</b>		<b>Kementerian/Agensi</b>	
<b>Bahagian</b>		<b>Seksyen/Unit</b>	
<b>No Tel</b>		<b>E-mail</b>	
<b>Maklumat Aduan</b>			
<b>Tarikh</b>		<b>Masa</b>	
<b>Modul</b>			
<b>Nama Skrin</b>			
<b>Keterangan Masalah</b>			
<b>Untuk Kegunaan Pegawai Helpdesk</b>			
<b>Tarikh Aduan Diterima</b>		<b>Tarikh Tindakan Diambil</b>	
<b>Catatan</b>			
<b>Tandatangan Pegawai Helpdesk</b>			
<b>Nama</b>		<b>Jawatan</b>	

\*\*Sila e-mel borang aduan/ pertanyaan pengguna ini ke [gpishelp@treasury.gov.my](mailto:gpishelp@treasury.gov.my)

**SENARAI 1****NOMBOR TELEFON UNTUK DIHUBUNGI BAGI  
PENGURUSAN SISTEM GPIS**

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai SOP ini, Kementerian/Agensi boleh mendapat keterangan lanjut dengan merujuk kepada:

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>No. Samb. Tel. Pejabat</b>
1.	YM. UNGKU MARIAM BT ZAKARIA <a href="mailto:mariam.zakaria@treasury.gov.my">mariam.zakaria@treasury.gov.my</a>	KPSPK(DT)	03-8882 3341
2.	PN. NUR FAIZAH MOHAMED YUSOF <a href="mailto:nurfaizah.yusof@treasury.gov.my">nurfaizah.yusof@treasury.gov.my</a>	PSPK (DT) 1	03-8882 3231

Alamat : Unit Data, Bahagian Perolehan Kerajaan Aras 3,  
Blok Utara, Kompleks Kementerian Kewangan,  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan  
62592, PUTRAJAYA

E-mel : [gpishelp@treasury.gov.my](mailto:gpishelp@treasury.gov.my)

No. Faks : 03 – 8882 4291

LAMPIRAN 1

## MAKLUMAT PTJ BAGI PENGGUNA GPIS

Bil	Nama	Nama Agensi	Kod Agensi	Tempat Agensi	Nama PTJ	Kod PTJ	Jawatan	Singkatan Jawatan	Had Capaian Data	Peranan**
1.	Puan Rohana Binti Ali	Jabatan Perkhidmatan & Penilaian Harta	467567709	Putrajaya	Jabatan Perkhidmatan & Penilaian Harta – Ibu Pejabat	234020101	Penolong Pengarah Kanan (Perolehan) 4	PPK(P)4	Semua PTJ di bawah JPPH	Penyelia

\* Had Capaian Data : Merujuk kepada capaian data bagi sesuatu PTJ/Agensi/Kementerian (CTH: PTJ Ibu Pejabat boleh melihat data bagi semua PTJ di Agensi)

\*\* Peranan : Penyelia atau Penyedia (akan diwujudkan diperingkat PTJ/Agensi/Kementerian seperti yang digariskan dalam Garis Panduan GPIS).

Sila e-melkan maklumat bakal pengguna GPIS kepada [gpishelp@treasury.gov.my](mailto:gpishelp@treasury.gov.my) atau :

Nama Pegawai	Jawatan	No Telefon	E-mel
YM. UNGKU MARIAM BT ZAKARIA	KPSPK(DT)	03-8882 3341	Mariam.zakaria@treasury.gov.my
PN. NUR FAIZAH BT MOHAMED YUSOF	PSPK(DT)1	03-8882 3231	nurfaizah.yusof@treasury.gov.my

No. Faks: 03-8882 4291

LAMPIRAN 2

## FORMAT LAPORAN JPKA (PENGURUSAN PEROLEHAN)

## (A) Perolehan Secara Tender

Jenis Perolehan	Perancangan Tahunan Keseluruhan Bil.	Status Pelaksanaan Perancangan Tender								Lain-lain (Nyatakan : cth- Dibatalkan) Bil.
		Belum Ditender Bil.	Telah Ditender						Jumlah Besar	
			Belum Dikeluarkan Surat Setuju Terima Bil.	Syarikat Bumiputera		Syarikat Bukan Bumiputera				
				Bil.	Jumlah Nilai Perolehan (RM)	Bil.	Jumlah Nilai Perolehan (RM)	Bil.		
Bekalan										
Perkhidmatan										
Kerja										

## (B) Perolehan Secara Sebut Harga

Jenis Perolehan	Perancangan Tahunan Keseluruhan Bil.	Status Pelaksanaan Perancangan Sebut Harga								Lain-lain (Nyatakan : cth- Dibatalkan) Bil.	
		Belum Dipelawa Bil.	Telah Dipelawa						Jumlah Besar		
			Belum Dikeluarkan Surat Setuju Terima/ Pesanan Tempatan/ Inden Bil.	Syarikat Bumiputera		Syarikat Bukan Bumiputera					
				Bil.	Jumlah Nilai Perolehan (RM)	Bil.	Jumlah Nilai Perolehan (RM)	Bil.			Jumlah Nilai Perolehan (RM)
Bekalan											
Perkhidmatan											
Kerja											

## (C) Perolehan Melalui Kontrak Pusat &amp; Kontrak Pusat Sistem Panel

Item Kontrak Pusat & Kontrak Pusat Sistem Panel (Sila senaraikan)	Jumlah Nilai Perolehan (RM)
1. <i>High Density Polyethylene (HDPE) Fittings</i>	
2. Poslaju	
3. Sampul surat	
4. Alat <i>proprietary</i> elektronik	
5. Beg	
6. Jem	
7. Beras	
8.	
9.	
10.	

**FORMAT BAGI PERMOHONAN PEROLEHAN  
KEMUDAHAN DAN PERALATAN TEKNOLOGI BARU  
DI AGENSI KERAJAAN**

**1. PENDAHULUAN**

- a. Tujuan Kertas Kerja

**2. LATAR BELAKANG**

- 1. Ringkasan peranan dan fungsi utama agensi.  
(serta carta organisasi)
- b. Objektif utama perolehan kemudahan dan peralatan teknologi.

**3. KEMUDAHAN DAN PERALATAN YANG DIPOHON**

- a. Jenis kemudahan atau peralatan teknologi baru yang dipohon
- b. Tujuan dan justifikasi perolehan
- c. Anggaran Kos memperolehi kemudahan dan peralatan dan kos penyelenggaraannya.
- d. Cara perolehan. (nyatakan sama ada pembekal tempatan atau luar negeri)
- e. Spesifikasi Kemudahan dan Peralatan dan kuantiti yang diperlukan.  
(sertakan maklumat terperinci bagi setiap kemudahan)
- f. Output atau faedah jangka pendek dan jangka panjang hasil daripada perolehan kemudahan dan peralatan teknologi yang dipohon.
- g. Kemudahan-kemudahan dan peralatan yang sedia ada di Kementerian/Jabatan atau Agensi Kerajaan yang lain.

**LAPORAN JAWATANKUASA PENYELARAS PEROLEHAN KEMUDAHAN DAN PERALATAN TEKNOLOGI BARU (JPPKPTB) DI AGENSI KERAJAAN**

1. Agensi yang berkenaan : .....
2. Nombor Rujukan Fail : .....
3. Butir-butir Mengenai Kemudahan dan Peralatan :

Bil.	Nama dan Keterangan	Kuantiti	Kegunaan	Anggaran Kos

No. Sijil Pelepasan (CoGSTR) No. Pesanan Kerajaan/ No. Rujukan Surat Setuju Terima/ No. Kontrak	T Jab PTJ 00001
---	-----------------

**SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014  
CERTIFICATE UNDER THE GOODS AND SERVICES TAX (RELIEF) ORDER 2014**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang yang diperihalkan di atas adalah  
*I hereby certify that the goods described above are*

\*diperolehi daripada / acquired from : **ABC Sdn. Bhd.**

**ABC Sdn. Bhd. , No1, Jalan Bahagia, 50800 Kuala Lumpur**

(Nama dan alamat orang atau pertubuhan yang berkenaan dengan pelepasan yang  
dituntut)

*(Name and address of the person or the establishment in respect of the relief claimed)*

\*dibekalkan kepada / supplied to : **Pejabat Kesihatan Sabak Bernam**

**Pejabat Kesihatan Sabak Bernam, Kompleks Pejabat Kerajaan, Sungai Besar,**

**45300 Sungai Besar**

(Nama dan alamat Agensi/Kerajaan Persekutuan yang menerima pembekalan)

*(Name and address of the recipient)*

dan pelepasan daripada pembayaran cukai barang dan perkhidmatan adalah dituntut di  
bawah Butiran 3, Jadual Pertama seperti dalam **Lampiran.**  
*and relief from payment of goods and services tax claimed under Item 3, First Schedule  
as per **Appendix.***

Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat yang  
dinyatakan di dalamnya.  
*of the Goods and Services Tax (Relief) Order 2014 subject to the conditions therein  
specified.*

Tandatangan

*Signature*

Nama

*Name*

Adill Bin Abdullah

No Kad Pengenalan  
*Identity Card No.*

850706-06-5575

Pangkat  
*Rank*

Pelulus

Tarikh  
*Date*

5 Februari 2015

Dokumen ini dicetak dari komputer dan telah ditandatangani secara digital. Tandatangan secara  
manual tidak diperlukan.

No. Sijil Pelepasan (CoGSTR) No. Pesanan Kerajaan/ No. Rujukan Surat Setuju Terima/ No. Kontrak	T Jab PTJ 00001
---	-----------------

*This document is computer printed and digitally signed. No signature is required.*

**Nota:**

**Note:**

- (i) Bagi barang import, sijil ini hendaklah disertakan bersama Borang Kastam No. 1/ Borang Kastam No. 9.  
*For imported goods, this certificate shall be accompanied with the Customs Form No. 1/ Customs Form No.9.*
  
- (ii) Bagi barang yang diperoleh dalam Negara, orang yang menuntut pelepasan hendaklah megesahkan pembelian dengan menandatangani pengisytiharan atas inouis pembelian.  
*For locally acquired goods, the person who claims the relief shall certify the purchase by signing the declaration on the purchase invoice.*

No. Sijil Pelepasan (CoGSTR) No. Pesanan Kerajaan/ No. Rujukan Surat Setuju Terima/ No. Kontrak	T Jab PTJ 00001
---	-----------------

**Perolehan oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia**  
***Procurement made by the Federal Government of Malaysia***

Lampiran ini hendaklah disertakan dengan Sijil Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan dilengkapi oleh Ketua Jabatan atau Pegawai yang diberi kuasa.

*The attachment must be accompanied with Goods and Services Tax (GST) Relief Certificate and to be completed by the relevant Head of Department or authorised officer.*

**Perihal perolehan barang yang dilepaskan daripada pembayaran CBP:**

***Description of goods acquired which will be relieved from the payment of GST:***

BIL. (NO.)	NAMA PRODUK (NAME OF PRODUCTS)
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	
7.	
8.	
9.	
10.	
11.	
12.	
13.	
14.	
15.	

Saya dengan ini mengaku bahawa barang tersebut hanya untuk kegunaan Jabatan berkenaan dan tidak dijual mahupun dilupuskan kecuali dibenarkan oleh Ketua Jabatan berkenaan. Kos perolehan berkenaan dicaj ke dalam vot Jabatan menggunakan Anggaran Peruntukan Persekutuan dan tidak diperolehi menggunakan peruntukan lain.

*I declare that the goods are to be used solely by the department concerned and are not sold or otherwise disposed of except as sanctioned by the head of department concerned. The cost is charged to the departmental vote appearing in the Federal Budgets and are not purchased out of any other funds.*

Ditandatangani ..... Bertarikh ..... <b>(Ketua Jabatan / Pegawai yang diberi kuasa)</b> Signed ..... Dated ..... (Head of Department / Authorised Officer)
---

**Makluman kepada Pembekal / Note to Suppliers**

Pembekal bertanggungjawab untuk memastikan barang yang dibekalkan adalah layak untuk diberikan pelepasan. Sijil Pelepasan dikeluarkan oleh Jabatan berkenaan sebelum pengeluaran inbois cukai dan disimpan serta dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan oleh Pegawai Kastam apabila diperlukan.

*It is your responsibility to ensure that the goods supplied are eligible to be given a relief and the Relief Certificate must be issued by the department concerned prior to the issuance of the tax invoice. You should retain and furnish this declaration for the purposes of inspection by the Customs officer when requested.*



## MANUAL PENGISIAN FORMAT

1. Semua permohonan mengenai perolehan Kerajaan yang dikemukakan dari agensi/Kementerian Kewangan mengikut had nilai perolehan dan peruntukan di bawah Perbendaharaan selepas ini hendaklah disertakan bersama Format Permohonan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan
2. Format Permohonan adalah berdasarkan bidang kerja, bekalan perkhidmatan dan perunding serta mengikut kategori permohonan yang perlu dikenalpasti oleh agensi/Kementerian.
3. Format Permohonan ini tidak akan menjejaskan apa-apa pekeliling semasa mengenai perolehan Kerajaan yang masih berkuatkuasa.
4. Setiap agensi/Kementerian akan dibekalkan dengan salinan softcopy untuk memudahkan pengisian format permohonan ini.
5. Semua item dan maklumat yang diperlukan hendaklah diisi dengan lengkap di setiap ruangan yang disediakan. Sekiranya ruangan tidak mencukupi, sila lampirkan di ruangan yang berasingan.
6. Setiap permohonan yang dikemukakan kepada Kementerian Kewangan hendaklah mengemukakan bersama surat rasmi permohonan, format permohonan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Salinan *softcopy* hendaklah dikemukakan melalui emel rasmi pegawai proses di BPK yang akan dimaklumkan kemudian.

**SENARAI SEMAK**

<b>Bil</b>	<b>Bidang Permohonan</b>	<b>Kategori Permohonan</b>	<b>Lampiran</b>
1.	Infrastruktur & Bangunan	Perakuan Tender	A
		Tender Terhad	B
		Muktamad Harga	C
		Arahan Perubahan Kerja	D
		Pengecualian LAD	E
		Rundingan Terus	F
2.	Bekalan & Perkhidmatan/ Teknologi Maklumat & Multimedia	Perakuan Tender	G
		Tender Terhad	H
		Muktamad Harga	I
		Lanjutan Kontrak / Tambah Kuantiti / Tambah Had Bumbung / Perubahan Skop	J
		Rundingan Terus	K
3.	Khidmat Perundingan	Lantikan Terus Beserta Kos Siling/ Perunding Asing/ Perunding Tidak Berdaftar/Senarai Pendek Pelawaan Terhad	L
		Pelantikan Firma Perunding Secara Tender Terhad/Tender Terbuka	M
		Kos Tambahan Perunding	N

**LAMPIRAN A**

**PERMOHONAN KEMENTERIAN/AGENSI MENGENAI PEROLEHAN  
KE BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

No Rujukan (Agensi): .....

No Rujukan (Kem. Kewangan Malaysia): .....  
(kosongkan)

Tarikh: .....

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERMOHONAN		
<b>PERKARA</b> (TAJUK PERMOHONAN)	:	
<b>BIDANG</b>	:	KERJA
<b>KATEGORI</b>	:	PERAKUAN TENDER

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PROJEK																		
BIL	PERKARA																	
1.	<b>TUJUAN PERMOHONAN:</b> Permohonan ini bertujuan....																	
2.	<b>MAKLUMAT PROJEK:</b>																	
